

**PEMUPUKAN RASA KEKITAAN MELALUI LAGU
RAKYAT KANAK-KANAK ANIMASI: TINJAUAN
PELAJAR ELEKTIF KESUSASTERAAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN MELALUI
ANALISIS TEORI MODEL RASA INSANIAH**

SITI NADIA BALQIS BINTI ARIFIN

C20A1437

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

KELANTAN



Pemupukan Rasa Kekitaan Melalui Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi: Tinjauan Pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan Universiti Malaysia Kelantan Melalui Teori Model Rasa Insaniah

Siti Nadia Balqis Binti Arifin


C20A1437

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripadasyarat memperolehi ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
2024**


PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.



TERBUKA


Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

TANDATANGAN

Siti Nadia Balqis binti Arifin
C20A1437
Tarikh: 10/2/2024

TANDANGAN PENYELIA

Dr. Nordiana binti Ab Jabar
Tarikh:

PENGHARGAAN

Dengan penuh rasa rendah diri, saya ingin mengucapkan ribuan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Yang Maha Esa kerana saya telah dapat menyiapkan laporan bagi projek penyelidikan yang merupakan sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian di Universiti Malaysia Kelantan dengan sempurnanya tanpa sebarang halangan. Walaupun saya telah berdepan dengan pelbagai cabaran dan kekangan, tetapi saya tidak berputus asa untuk meneruskan perjuangan ini, diiringi dengan doa yang dipanjatkan kepada Yang Maha Berkua agar memberikan ilmu, idea dan kesabaran dalam menyiapkan kajian ini.

Jutaan penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penyelia Projek Penyelidikan saya iaitu Dr. Nordiana Ab Jabar yang tidak pernah jemu dalam memberikan kami tunjuk ajar, bimbingan, kritikan serta nasihat. Tanpa bimbingan beliau, saya tidak akan dapat menyiapkan tugas penyeleidikan ini dengan sempurna. Beliau juga telah banyak memberikan sokongan moral yang tidak terhingga dan memastikan saya untuk terus bersemangat dalam menyiapkan tugas dan laporan ini. Kata-kata semangat dan segala ilmu yang dicurahkan oleh beliau tidak akan saya lupakan dan akan sentiasa saya ingati.

Selain itu, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada ibu bapa dan ahli keluarga saya yang banyak memberikan sokongan dan kata-kata semangat untuk saya terus berjuang sehingga ke tahap ini. Sekalung penghargaan ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang turut sama memberikan sokongan, bantuan dan dorongan tanpa jemu walaupun mereka juga bersama-sama berhadapan dengan situasi yang sama dalam menyiapkan tugas penyeleidikan masing-masing.

Akhir sekali, ribuan penghargaan diucapkan kepada semua individu yang terlibat sebagai responden yang telah banyak membantu saya dalam menjalankan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan dan universiti-universiti lain yang menyediakan bahan bacaan secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih dan sehingga bertemu lagi.

Siti Nadia Balqis binti Arifin
No 2, Hala Meru Damai 15,
Halaman Meru Damai,
30020, Ipoh,
Perak
E-mel: nadiabalgis12@gmail.com

ISI KANDUNGAN

Halaman

PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xi

BAB SATU: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Definisi Istilah dan Konsep	5
1.2.1.1 Rasa Kekitaan	5
1.2.1.2 Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi	6
1.2.1.3 Teori Model Rasa Insaniah	7
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Skop Kajian	13
1.7 Kepentingan Kajian	16
1.7.1 Kepentingan Kepada Negara	16
1.7.2 Kepentingan Kepada Masyarakat	16
1.7.3 Kepentingan Kepada Individu	17
1.8 Kesimpulan	18

BAB DUA: SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pendahuluan	19
2.2 Kajian Lepas Mengenai Rasa Kekitaan	20
2.2.1 Tesis	20
2.2.2 Artikel	23
2.2.3 Laman Sesawang	26
2.3 Kajian Lepas Mengenai Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi	27
2.3.1 Tesis	27
2.3.2 Artikel	30
2.3.3 Laman Sesawang	33
2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Model Rasa Insaniah	35
2.4.1 Tesis	35
2.4.2 Artikel	36
2.4.3 Laman Sesawang	37
2.5 Kesimpulan	38

BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	39
3.2 Reka Bentuk Kajian	40
3.2.1 Dokumentasi	41
3.3 Cara Pengumpulan Data	43
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	43
3.3.2 Analisis Dokumen	43
3.3.2.1 Teks	44
3.3.2.2 Artikel/Jurnal/Buku	45
3.3.2.3 Visual/Video	46
3.3.3 Soal Selidik	50
3.4 Penerapan Teori	52
3.4.1 Pengenalan Teori Model Rasa Insaniah	52
3.4.1.1 Prinsip Pengabdian Kepada Allah	53

3.4.1.2 Prinsip Pengucapan Beradab	53
3.4.1.3 Prinsip Kehalusan Makna	54
3.4.2 Kaedah Analisis	54
3.4.3 Kerangka Konsep Kajian	55
3.5 Penutup	56

BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	57
4.2 Mengenalpasti konsep kekitaan dan jenis lagu rakyat kanak-kanak animasi	59
4.2.1 Konsep Kekitaan	59
4.2.1.1 Kemampanan	62
4.2.1.2 Kesejahteraan	62
4.2.1.3 Daya Cipta	63
4.2.1.4 Hormat	64
4.2.1.5 Keyakinan	65
4.2.1.6 Ihsan	65
4.2.2 Jenis Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi	66
4.2.2.1 Sinopsis Lagu rakyat Kanak-Kanak Animasi Terpilih	74
4.2.2.2.1 Lagu Chan Mali Chan	74
4.2.2.2.2 Lagu Bapaku Pulang dari Kota	75
4.2.2.2.3 Lagu Air Pasang Pagi	75
4.2.2.2.4 Lagu Rasa Sayang	76
4.2.2.2.5 Lagu Ikan Kekek Mak Iloi-Iloi	77
4.2.2.2.6 Lagu Neneh Si Bongkok Tiga	77
4.2.2.2.7 Lagu Burung Kakak Tua	78
4.2.2.2.8 Lagu Bangau Oh Bangau	78
4.2.2.2.9 Lagu Tanya Sama Pokok	78
4.2.2.2.10 Lagu Tepuk Amai-Amai	79
4.3 Menganalisis konsep kekitaan yang terdapat dalam lagu rakyat kanak-	80

kanak animasi menggunakan teori Model Rasa Insaniah	
4.3.1 Nilai Kemampaman	81
4.3.2 Nilai Kesejahteraan	83
4.3.3 Nilai Daya Cipta	85
4.3.4 Nilai Hormat	88
4.3.5 Nilai Keyakinan	89
4.3.6 Nilai Ihsan	91
4.4 Menghuraikan Cara Rasa Kekitaan Ditimbulkan Melalui Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi	93
4.4.1 Bahagian A: Demografi Responden	93
4.4.2 Bahagian B: Pemahaman Dan Kefahaman Konsep Kekitaan Dan Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi	96
4.4.3 Bahagian C: Kandungan Lirik Lagu	109
4.5 Penutup	126

BAB LIMA: KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan	127
5.2 Perbincangan	128
5.3 Cadangan	130
5.3.1 Cadangan Kepada Negara	131
5.3.2 Cadangan Kepada Masyarakat	131
5.3.3 Cadangan Kepada Individu	132
5.4 Penutup	133
RUJUKAN	135

SENARAI JADUAL

	Halaman
1.1 Senarai Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi	14
3.1 Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi	44
3.2 Lagu Rakyat Kanak-Kanak yang Dianimasikan	46
3.3 Sampel Oleh Krejcie dan Morgan (1970)	51
4.1 Senarai Lagu Rakyat Kanak-Kanak yang dianimasikan	67
4.2 Latar Belakang Responden	93
4.3 Jantina Responden	94
4.4 Umur Responden	95
4.5 Memahami Maksud Rasa kekitaan	97
4.6 Pernah Mendengar dengan Konsep Kekitaan	98
4.7 Mengetahui Konsep Kekitaan	99
4.8 Mengetahui Jenis Lagu Rakyat Kanak-Kanak yang Telah dianimasikan	100
4.9 Menonton Lagu Rakyat Kanak-Kanak yang telah Dianimasikan	101
4.10 Menghayati Ketika Mendengar Lagu Rakyat Kanak-Kanak yang telah Dianimasikan	102
4.11 Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi Membawa Kepada Zaman Kanak-Kanak Dahulu	104
4.12 Membesar dengan Lagu Rakyat Kanak-Kanak dengan Hanya Mendengar Nyanyian di Radio/Televisyen yang Tiada Animasi	105
4.13 Menonton Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi Ini Memberikan Kesan yang Baik	107
4.14 Kekerapan Mendengar atau Menonton Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi	108
4.15 Konsep Kekitaan di dalam Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi	109
4.16 Nilai Hormat di dalam Lirik Lagu Air Pasang Pagi	111
4.17 Nilai Daya Cipta yang Tinggi di dalam Lirik Lagu Bangau Oh Bangau	112

4.18 Lirik Lagu Chan Mali Chan Terdapat Nilai Ihsan	114
4.19 Nilai Kemampunan di dalam Lirik Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi Burung Kakak Tua	115
4.20 Nilai Kesejahteraan di dalam Lirik Lagu Rasa Sayang	117
4.21 Nilai Kemampunan di dalam Lirik Lagu Bapaku Pulang Dari Kota	118
4.22 Nilai Kesejahteraan di dalam Lirik Lagu Ikan Kekek Mak Iloi-Iloi	120
4.23 Nilai Keyakinan di dalam Lirik Lagu Nenek Si Bongkok Tiga	122
4.24 Nilai Kesejahteraan di dalam Lirik Lagu Tepuk Amai-Amai	124

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

	Halaman
3.1 Kerangka Teori	55
4.1 Jantina Responden	94
4.2 Umur Responden	95
4.3 Memahami Maksud Kekitaan	97
4.4 Pernah Mendengar dengan Konsep Kekitaan	98
4.5 Mengetahui Konsep Kekitaan	99
4.6 Mengetahui Jenis Lagu Rakyat Kanak-Kanak Yang Telah Dianimasikan	100
4.7 Menonton Lagu Rakyat Kanak-Kanak yang telah Dianimasikan	101
4.8 Menghayati Ketika Mendengar Lagu Rakyat Kanak-Kanak Yang Telah Dianimasikan	103
4.9 Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi Membawa kepada Zaman Kanak-Kanak Dahulu	104
4.10 Membesar dengan Lagu Rakyat Kanak-Kanak dengan Hanya Mendengar Nyanyian di Radio atau Televisyen yang Tiada Animasi	105
4.11 Menonton atau Mendegar Lagu Rakyat Kanak-Kanak	106
4.12 Menonton Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi Memberikan Kesan Yang Baik	107
4.13 Kekerapan Mendengar atau Menonton Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi	108
4.14 Konsep Kekitaan di dalam Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi	110
4.15 Nilai Hormat di dalam Lirik Lagu Air Pasang Pagi	111
4.16 Nilai Daya Cipta yang Tinggi di dalam Lirik Lagu Bangau Oh Bangau	113
4.17 Lirik Lagu Chan Mali Chan Terdapat Nilai Ihsan	114
4.18 Nilai Kemampunan di dalam Lirik Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi Burung Kakak Tua	116
4.19 Nilai Kesejahteraan di dalam Lirik Lagu Rasa Sayang	117
4.20 Nilai Kemampunan di dalam Lirik Lagu Bapaku Pulang dari Kota	119
4.21 Nilai Kesejahteraan di dalam Lirik Lagu Ikan Kekek Mak Iloi-Iloi	121
4.22 Nilai Keyakinan di dalam Lirik Lagu Nenek Si Bongkok Tiga	123
4.23 Nilai Kesejahteraan di dalam Lirik Lagu Tepuk Amai-Amai	124

**Pemupukan Rasa Kekitaan Melalui Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi: Tinjauan
Pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan Universiti Malaysia Kelantan Melalui Teori Model
Rasa Insaniah**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan yang bertujuan untuk menganalisis tentang keberkesanan rasa kekitaan lagu-lagu rakyat animasi kepada generasi Z iaitu pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan. Pengkaji memilih untuk melakukan kajian ini kerana banyak kajian yang dilakukan tidak banyak memfokuskan tentang rasa kekitaan yang terdapat di dalam lirik lagu rakyat terutamanya lagu rakyat kanak-kanak. Lagu rakyat kanak-kanak animasi juga ini membolehkan perasaan mengimbau kembali kepada zaman kanak-kanak namun generasi Z sekarang tidak sedar akan perasaan tersebut. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dengan lebih terperinci berkenaan dengan lagu rakyat kanak-kanak yang terpilih iaitu sebanyak 10 buah lagu dan sekaligus menganalisis pemupukan rasa kekitaan menggunakan konsep Malaysia Madani dan mengaitkan dengan teori Model Rasa Insaniah oleh Shamsuddin Othman. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data secara kualitatif dan kuantitatif yang menerusi kaedah kepustakaan, analisis dokumen, analisis teks dan juga soal selidik. Bagi menyempurnakan kajian ini, pengkaji menjalankan kaedah soal selidik untuk mengkaji sejauhmanakah pemupukan rasa kekitaan lagu rakyat kanak-kanak animasi kepada 70 orang responden. Menerusi soal selidik tersebut, di akhir kajian ini pengkaji mendapati bahawa responden yang menjawab soal selidik ini mempunyai pengetahuan tentang rasa kekitaan di dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi. Justeru itu, pengkaji berharap kajian ini membolehkan masyarakat menyedari bahawa lagu-lagu rakyat kanak-kanak animasi ini mempunyai nilai yang tinggi yang mempunyai banyak nasihat dan sebagainya.

Kata Kunci: Rasa Kekitaan, Lagu Rakyat Kanak-Kanak, Animasi, Generasi Z, Teori Model
Rasa Insaniah

Cultivating a Sense of Belonging Through Animated Children's Folk Songs: An Elective Student Survey of the Heritage Literature of Universiti Malaysia Kelantan Through the Analysis of the Humanity Model Theory

ABSTRACT

This study was conducted with the aim of analysing the effectiveness of the sense of belonging regarding to animated folk songs to generation Z which is an Elective Student of the Heritage Literature of Universiti Malaysia Kelantan. The researcher chose to do this study because many studies that have been done do not focus much on the sense of belonging found in the lyrics of folk songs, especially children's folk songs. . This animated children's folk song also allows the feeling of recalling childhood but generation Z is not aware of that feeling now. As such, this study aims to identify in more detail the selected children's folk songs which are 10 songs and at the same time analyse the cultivation of a sense of belonging using the concept of 'Malaysia Madani' and relate it to the Humanity Model theory by Shamsuddin Othman. This study uses qualitative and quantitative data collection methods through library methods, document analysis, text analysis and also questionnaires. In order to complete this study, the researcher conducted a questionnaire to examine the extent to which children's animated folk songs fostered a sense of belonging to 70 respondents. Through the questionnaire, at the end of this study, the researcher found that the respondents who answered this questionnaire had knowledge about the sense of belonging in the animated children's folk songs. Therefore, the researcher hopes that this study will allow the community to realise that these animated children's folk songs have a high value and contains a lot of advice and so on.

Keywords: Sense of Belonging, Children's Folk Songs, Animation, Generation Z, Insaniah Model Theory

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Lagu rakyat merupakan lagu masyarakat Melayu yang berasal daripada sesuatu kawasan dalam Alam Melayu tidak mengira keberadaan kawasan itu terletak antaranya di negara Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei hatta di semua pelusuk pulau yang terpencil di Nusantara yang melambangkan populariti lagu-lagu di kawasan tersebut. Secara umumnya, masyarakat tradisi melayu terkenal dengan pelbagai karya berirama dan melodi sentimental. Bahasa melayu kini berfungsi untuk menaikkan balik lagu-lagu rakyat yang sering dinyanyikan di Alam Melayu. Lagu-lagu rakyat ini terhasil daripada perkembangan lagu-lagu rakyat masyarakat Melayu yang telah tersebar luas di lautan menerusi samudera dan juga berbagai negara yang mempunyai pelbagai kaum, etnik dan budaya.

Menurut Nurul Syazwani Ayob et.al (2023), beliau menyatakan bahawa masyarakat Melayu yang terdahulu menyampaikan lagu rakyat secara bentuk lisan yang menerusi lirik dan juga dendangan nyanyian. Lagu rakyat menurut beliau juga ialah merupakan sebuah lagu rakyat Melayu lama yang pada asalnya daripada daerah di Tanah Melayu.

Menurut Darmawati (2008), beliau berpendapat bahawa perkembangan pada muzik dan lagu pada kini amatlah pelbagai. Setiap lagu yang didendangkan mempunyai corak dan ciri-ciri yang tersendiri. Pencorakkan lagu adalah sama dengan tema dan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis lirik lagu. Terdapat lagu yang bercorak gembira yang kebiasannya mempunyai tema cinta. Namun, ada juga lagu yang bercorak sedih yang bertemakan kesedihan, kedukaan, kegagalan dan juga lain-lain.

Lagu rakyat mempunyai pelbagai jenis dan keunikan yang tersendiri. Namun, lagu rakyat sering dimainkan pada kanak-kanak semasa mereka bermain, mendodoikan bayi serta hiburan kepada kanak-kanak dan juga golongan orang dewasa. Lagu rakyat bagi kanak-kanak memberikan banyak kepentingan kepada kanak-kanak. Maka, secara tidak langsung ianya akan membantu perkembangan bahasa dan juga keyakinan kepada kanak-kanak. Justeru, aktiviti nyanyian merupakan satu aktiviti yang menyeronokkan bagi kanak-kanak. Kanak-kanak akan dapat meluahkan perasaannya melalui nyanyian. Antara kategori lagu kanak-kanak ialah permainan jari, lagu beraksi, lagu permainan, lagu unsur nasihat, lagu ucapan dan lagu rakyat. Lagu rakyat pula terbahagi kepada lagu rakyat kanak-kanak animasi. Maka, kajian ini dihasilkan adalah untuk mengetahui rasa kekitaan terhadap lagu rakyat kanak-kanak dalam bentuk animasi kepada generasi Z.

Mengikut perkembangan teknologi, lagu rakyat kanak-kanak pada zaman kini telah banyak dianimasikan. Lagu rakyat kanak-kanak animasi ini merupakan lagu rakyat yang diolah ke dalam bentuk animasi yang bertujuan untuk menarik perhatian masyarakat. Animasi merupakan sebuah gambar yang bergerak yang berbentuk dari sekumpulan objek iaitu gambar yang akan disusun secara teratur mengikuti alur pergerakan yang telah ditetapkan pada setiap perhitungan waktu yang bakal terjadi. Bentuk gambar

tersebut ialah dari segi makhluk hidup, benda mati dan juga tulisan. Animasi ini pula terdiri daripada 2D dan 3D.

Dalam hal ini, pengkaji akan meneliti pemupukan rasa kekitaan melalui lagu rakyat kanak-kanak animasi kepada generasi Z melalui teori Model Rasa Insaniah. Rasa kekitaan yang dikaji di dalam kajian ini memberi maksud mempunyai rasa yang merupakan rasa sebagai pemilik apabila kita mengetahui atau mendengar sesuatu yang nostalgia. Selain itu, rasa kekitaan ini juga mempunyai ibarat untuk memahami perasaan tentang hal-hal yang membuatkan individu mengimbas kembali perasaan yang lama tersebut.

Teori yang diimplikasikan di dalam kajian ini ialah Teori Model Rasa Insaniah. Teori Model Rasa Insaniah ini berlandaskan kepada tiga prinsip utama iaitu Pengabdian kepada Allah, pengucapan beradab dan kehalusan makna. Selain itu, Teori Model Rasa Insaniah juga merupakan sebuah karya yang dihasilkan melalui pengkarya Muslim Melayu-Nusantara supaya teori ini dapat dianalisis lebih halus dan bersesuaian dengan kontek agama, budaya dan persekitaran mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang dijalankan yang bertujuan untuk mengetahui dan menganalisis rasa kekitaan lagu rakyat kanak-kanak animasi kepada generasi Z iaitu pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan menggunakan Teori Model Rasa Insaniah. Pengkaji memilih untuk melakukan kajian ini kerana tidak pernah ada lagi kajian terhadap tajuk yang berkaitan. Rasa kekitaan ini akan terjadi apabila penonton lagu rakyat kanak-kanak animasi ini menonton animasi tersebut. Rasa kekitaan ini juga membawa maksud mempunyai rasa yang merupakan rasa sebagai pemilik apabila kita mengetahui atau mendengar sesuatu yang nostalgia. Penggunaan teori Model Rasa Insaniah ini dipilih sebagai teori utama bagi kajian ini kerana teori ini menyentuh konsep perasaan dengan lebih mendalam yang akan dianalisis yang berkaitan dengan prinsip-prinsip yang terdapat di dalam teori ini. Maka, teori ini mampu untuk menganalisis rasa kekitaan lagu rakyat kanak-kanak animasi kepada generasi Z. Lagu rakyat kanak-kanak animasi ini merupakan salah satu hiburan kepada semua golongan dan tidak hanya tertumpu kepada kanak-kanak kerana animasi tidak mengira golongan umur. Pemilihan lagu rakyat kanak-kanak animasi ini mempunyai beberapa penerbit yang utama dalam menerbitkan animasi lagu rakyat kanak-kanak yang diantaranya ialah *Durian Runtuh*, *Lagu Kanak TV*, *Aries Music Kids Channel*, *Les Copaque* dan banyak lagi.

1.2.1 Definisi Istilah dan Konsep

1.2.1.1 Rasa Kekitaan

Rasa kekitaan yang dikaji di dalam kajian ini memberi maksud mempunyai rasa yang merupakan rasa sebagai pemilik apabila kita mengetahui atau mendengar sesuatu yang nostalgia. Pada istilah kata yang lain, rasa kekitaan ini padanan kepada bahasa English iaitu “*Sense of belonging*” yang mempunyai makan rasa kekitaan, mempunyai perasaan yang sesuatu seperti perasaan kepunyaan terhadap sesebuah benda dan rasa termilik terhadap sesuatu objek atau memori lama. Rasa kekitaan ini tidak dapat dijelaskan dengan sempurna sehingga individu tersebut mempunyai pengalaman merasakan sesuatu yang mahu diingatkan kembali. Selain itu, rasa kekitaan ini juga mempunyai ibarat untuk memahami perasaan tentang hal-hal yang membuatkan individu mengimbas kembali perasaan yang lama tersebut.

Justeru itu, rasa kekitaan yang boleh dikaitakan ialah konsep yang terdapat di dalam Konsep Malaysia Madani yang diusulkan oleh Perdana Menteri yang ke-10 iaitu Dato’ Seri Anwar Ibrahim. Konsep kekitaan ini mempunyai enam teras di dalamnya iaitu kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan juga ihsan. Konsep ini juga merupakan satu pendekatan yang membolehkan sesebuah masyarakat terutamanya masyarakat Malaysia yang melambangkan sikap keterbukaan dan juga keterangkuman masyarakat sejagat.

Oleh hal yang demikian, mempunyai rasa kekitaan ini juga akan merangsang otak generasi Z iaitu golongan yang lahir pada tahun 1997 sehingga 2012 kepada zaman mereka kanak-kanak.

1.2.1.2 Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi

Secara umumnya, masyarakat tradisi melayu terkenal dengan pelbagai karya berirama dan melodi sentimental. Bahasa melayu kini berfungsi untuk menaikkan balik lagu-lagu rakyat yang sering dinyanyikan di Alam Melayu. Dari segi penyusunan lirik, teknik nyanyian, irama lagu, alat muzik dan gaya persembahan, Lagu-lagu rakyat ini terhasil daripada perkembangan lagu-lagu rakyat masyarakat Melayu yang telah tersebar luas di lautan menerusi samudera dan juga berbagai negara yang mempunyai pelbagai kaum, etnik dan budaya. Namun, lagu-lagu rakyat yang dimainkan tidak semestinya dilihat dalam perspektif yang terhad dengan maksud, melihat lagu tersebut dari padangan positif. Lagu-lagu rakyat melayu merupakan lagu-lagu yang berasal dari sesetengah tempat di dalam Alam Melayu yang tidak mempunyai kawasan atau daerah antaranya ialah di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Secara kebiasaanya, lagu rakyat ini mengisahkan tentang masyarakat pada zaman dahulu, haiwan, alam, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain. Lagu rakyat ini sering dimainkan pada kanak-kanak semasa mereka bermain, mendodoikan bayi serta hiburan kepada kanak-kanak dan juga golongan orang dewasa. Antara contoh lagu rakyat masyarakat melayu ialah anak ayam, burung kakak tua, ikan kekek dan sebagainya.

Seterusnya, animasi pula merupakan sebuah gambar yang bergerak yang dibentukkan dari sekumpulan objek yang dikatakan gambar dan disusun mengikut turutan yang diikuti juga oleh alur pergerakan yang ditetapkan pada setiap perkiraan hitungan waktu yang terjadi. Antara contoh gambar yang akan

dihadarkan kepada animasi ialah gambar yang berupa makhluk hidup seperti manusia, haiwan, benda yang telah mati mahupun tulisan. Justeru, dengan adanya animasi ini, animasi ini dapat digunakan untuk menjadikan salah satu cara untuk menaikkan kembali lagu rakyat kanak-kanak dengan menganimasikan lagu-lagu tersebut kepada kartun yang unik dan menarik. Maka, bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji akan memilih 10 buah lagu rakyat kanak-kanak animasi untuk dianalisis menggunakan teori Model Rasa Insaniah yang terdiri daripada berbeza penerbit dan juga lagu yang berbeza.

1.2.1.3 Teori Model Rasa Insaniah

Teori yang diimplikasikan di dalam kajian ini ialah Teori Model Rasa Insaniah. Teori Model Rasa Insaniah ini berlandaskan kepada tiga prinsip utama iaitu Pengabdian kepada Allah, pengucapan beradab dan kehalusan makna. Selain itu, Teori Model Rasa Insaniah juga merupakan sebuah karya yang dihasilkan melalui pengkarya Muslim Melayu-Nusantara supaya teori ini dapat dianalisis lebih halus dan bersesuaian dengan kontek agama, budaya dan persekitaran mereka.

Pelopor bagi teori Model Rasa Insaniah ialah Datuk Che Shamsuddin bin Othman atau dikenali sebagai Shamsuddin Othman. Beliau merupakan seorang penulis dan juga seorang sasterawan dan budayawan di Malaysia. Shamsuddin Othman (2012), mengatakan bahawa teori ini menetapkan rasa yang akan mendokong fitrah keimanan seseorang itu ialah apabila adanya rasa takwa, cinta, takut, syukur, taubat, rindu dan juga simpati. Maka, dengan konsep rasa insaniah ini secara tidak langsung telah menolak perasaan yang negatif di dalam diri

pengkarya. Manakala perasaan positif pula akan muncul apabila pengkarya tersebut mengabdikan dirinya kepada Allah SWT.

1.3 Permasalahan Kajian

Bagi permasalahan kajian, pengkaji memperolehi bahawa analisis mengenai lagu rakyat kanak-kanak menggunakan teori Model Rasa Insaniah tidak pernah lagi dikaji oleh pengkaji-pengkaji yang lepas. Selain itu, pemupukan rasa kekitaan terhadap lagu rakyat kanak-kanak juga belum pernah dikaji oleh pengkaji yang lepas yang telah menghadkan sumber carian pengkaji sebagai satu rujukan. Seterusnya, pengkaji juga berpendapat bahawa apabila kanak-kanak menonton animasi lagu rakyat tersebut, tidak diketahui sama ada kanak-kanak tersebut dapat menerapkan lagu rakyat tersebut atau menontonnya hanya sekadar untuk hiburan semata-mata. Menurut Ismail Sualman (2018), beliau mengatakan bahawa kanak-kanak pada masa kini, kurang memfokuskan kepada lagu rakyat kerana kanak-kanak pada masa kini dihidangkan dengan lagu moden dan 'keinggerisan' lagu tersebut.

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang telah dilaksanakan oleh kajian lepas ianya lebih tertumpu kepada perkembangan emosi kanak-kanak di dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi tersebut. Selain itu, kajian lepas lebih tertumpu kepada golongan kanak-kanak di dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi. Namun, kajian berdasarkan rasa kekitaan melalui lagu rakyat kanak-kanak animasi masih belum dikaji oleh para pengkaji yang lain. Hal ini kerana, kebanyakkan masyarakat tidak sedar akan impak lagu rakyat kanak-kanak animasi. Tuntasnya, menerusi lagu rakyat kanak-kanak ini adalah merupakan salah satu pilihan yang menarik dari animasi yang dipentaskan bagi membantu kaedah penyelidikan ini untuk mudah difahami khususnya berkenaan rasa-rasa kekitaan yang ingin disampaikan di dalam lagu rakyat

tersebut. Justeru itu, perkara ini secara tidak langsung telah memberikan kaitan kepada teori Model Rasa Insaniah yang cuba digunakan melalui lagu rakyat kanak-kanak animasi ini.

Menurut kajian oleh Zaharah Osman (2016), kajian yang dikaji tersebut menfokuskan tentang bagaimana emosi kanak-kanak di dalam aktiviti seperti mendengar muzik oleh Didi & Friends itu dikembangkan. Metodologi kajian yang dijalankan ialah kaedah kualitatif. Antara kaedah kajian yang digunakan untuk pengumpulan data ialah pemerhatian menggunakan borang senarai semak, temubual dan juga analisis dokumen. Maka, antara hasil kajian yang dapat daripada kajian tersebut ialah aktiviti muzik yang menggunakan animasi Didi & Friends ini telah memberikan impak yang baik di dalam membantu pekembangan emosi kanak-kanak dan ianya wajar untuk digunakan di dalam pembelajaran dan pengajaran.

Menurut kajian Patricia Antai Robin et.al (2020), kajian yang dikaji tersebut memfokuskan tentang keberkesanan penggunaan lagu animasi Didi & Friends di dalam membantu penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak Iban. Metodologi kajian yang dikaji ialah kajian kes. Antara kaedah kajian yang digunakan bagi pengumpulan data ialah pemerhatian dengan menggunakan borang kaji selidik dan temu bual. Maka, hasil kajian yang didapati ialah ianya kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan lagu Didi & Friends amatlah berkesan dalam membantu kanak-kanak Iban untuk menguasai kosa kata Bahasa Melayu.

Kajian Nurul Syazwani Ayob et.al (2021) pula memfokuskan tentang lagu kanak-kanak yang menjadi kebiasaan untuk dicipta bagi memenuhi tema-tema yang tertentu didalam pengajaran dan juga pembelajaran. Antara isu yang menjadi perbualan ialah kanak-kanak pada masa kini tidak biasa dengan lagu-lagu rakyat Malaysia kerana mereka lebih berpengaruh dengan barat yang mendominasi dalam pendidikan muzik mereka. Kebanyakan muzik yang mereka pelajari dan persembahan adalah berdasarkan muzik Barat. Kajian ini mencadangkan aplikasi mudah alih untuk memberikan pendedahan kepada kanak-kanak tentang lagu rakyat kanak-kanak Malaysia di dalam kandungan digital. Antara kaedah kajian yang digunakan untuk pengumpulan data ialah pemerhatian menggunakan borang senarai semak, temubual dan juga analisis dokumen. Maka, hasil daripada kajian ini ialah penambahbaikan diperlukan dari segi butang navigasi, animasi dan grafik. Kerja masa depan termasuk kandungan tambahan butang navigasi keluar dan animasi grafik.

Menurut kajian Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad et.al (2014) memfokuskan tentang daya kreativiti kanak-kanak. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis instrument yang bersesuaian untuk membina dan juga merangsang kreativiti kanak-kanak untuk melihat tahap kefahaman kanak-kanak tersebut. Kaedah kajian yang digunakan ialah pemerhatian menggunakan borang senarai semak, temubual dan juga analisis dokumen dan menggunakan Teori Kod Kognitif. Instrumen lain seperti buku cerita, lagu rakyat dan permainan digunakan dalam kajian ini. Maka, hasil daripada kajian ini, pengkaji dapat mengetahui bahawa Kaedah ini dapat meningkatkan daya pemikiran kanak-kanak.

Menurut kajian Ummi Hani Abu Hassan (2020), kajian ini memfokuskan tentang konsep cinta romantisme islam berdasarkan Teori Model Rasa Insaniah. Kajian ini mengenai tentang cinta

yang sering digunakan di dalam kesusasteraan tradisional dan juga moden. Antara perbincangan kajian ini ialah mengenai cinta romantisme dari perspektif Islam. Kajian mendapati bahawa Teori Model Rasa Insaniah dapat menjadi landasan kepada para pengkarya melalui tiga prinsip utamanya iaitu Prinsip Pengabdian Kepada Allah SWT, Prinsip Pengucapan Beradab dan Prinsip Kehalusan Makna. Antara kaedah kajian yang digunakan ialah pemerhatian menggunakan teks dan juga keperpustakaan. Maka, hasil daripada kajianini ialah pengkaji mendapati bahawa rakyat di Malaysia ini lebih cenderung untuk membaca novel-novel cinta romantisme.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah konsep kekitaan dan jenis lagu rakyat kanak-kanak animasi?
2. Bagaimanakah menganalisis konsep kekitaan yang terdapat dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi menggunakan Teori Model Rasa Insaniah?
3. Bagaimanakah cara rasa kekitaan ditimbulkan melalui lagu rakyat kanak-kanak animasi?

1.5 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti konsep kekitaan dan jenis lagu rakyat kanak-kanak animasi.
2. Menganalisis konsep kekitaan yang terdapat dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi menggunakan Teori Model Rasa Insaniah.
3. Menghuraikan cara rasa kekitaan ditimbulkan melalui lagu rakyat kanak-kanak animasi.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.6 Skop Kajian

Bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa skop kajian agar menjayakan kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan rasa kekitaan kepada generasi Z iaitu pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan melalui lagu rakyat kanak-kanak animasi menggunakan kaedah Teori Model Rasa Insaniah. Maka, antara skop kajian yang digunakan ialah menggunakan 10 buah lagu rakyat kanak-kanak animasi iaitu:



Bil	Lagu	Pautan video <i>Youtube</i>	Tarikh layari
1	Chan mali chan	https://youtu.be/3EOCOIOHevA	23 Mac 2023
2	Bapaku pulang dari kota	https://youtu.be/vm3I3fUqw	23 Mac 2023
3	Air pasang pagi	https://youtu.be/JPsclO0hGv8	2 April 2023
4	Rasa sayang	https://youtu.be/yA-a2iltgZo	2 April 2023
5	Ikan kekek mak iloi iloi	https://youtu.be/4ZFuN5dEAEg	25 Mei 2023
6	Nenek si bongkok tiga	https://youtu.be/Dxe_03Lty2s	25 Mei 2023
7	Burung kakak tua	https://youtu.be/5iNjXJ2qq78	30 Mei 2023
8	Bangau oh bangau	https://youtu.be/y3yiWDS_suk	30 Mei 2023
9	Tanya sama pokok	https://youtu.be/esx-3DTAU-Q	9 Jun 2023
10	Tepuk amai-amai	https://youtu.be/Jt-avyNXwCI	9 Jun 2023

Jadual 1.1: Senarai Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi

Maka, dengan kesepuluh buah lagu tersebut, pengkaji akan mengkaji lirik lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan dengan menggunakan Teori Model Rasa Insaniah. Lagu rakyat kanak-kanak animasi ini telah dipilih oleh pengkaji kerana pengkaji berpendapat bahawa lagu rakyat kanak-kanak animasi ini

memberikan impak yang besar kepada generasi Z kerana golongan ini membesar dengan lagu rakyat kanak-kanak tersebut.

Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah kaedah kuantitatif untuk membuat tinjauan pemerhatian kepada generasi Z iaitu pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan terhadap rasa kekitaan yang terdapat di dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi. Kaedah ini memfokuskan kepada data responen yang dikumpulkan melalui aplikasi *Google Forms* yang diperolehi daripada responden-responen daripada golongan generasi Z. Kaedah ini juga secara tidak langsung akan membantu pengkaji untuk memahami dengan lebih mendalam tentang kajian yang dilakukan.

Selain itu juga, kaedah kualitatif yang diaplikasikan pula ialah untuk mendapatkan maklumat yang penting dalam menjalankan kajian ini. Hal ini kerana, keadah ini merupakan kaedah yang merujuk kepada hasil pencarian maklumat berdasarkan segala sumber yang terdapat di perpustakaan. Penggunaan kaedah kualitatif ini juga dapat melihat dengan lebih terperinci dan data yang diperoleh lebih terjamin kerana segala sumber yang terkandung dalam kajian keperpustakaan ini adalah tepat dan betul maklumatnya. Selain itu, lagu rakyat kanak kanak animasi ini telah menjadi panduan utama dalam menjalankan kajian ini. Lagu rakyat animasi ini bukanlah satu-satunya rujukan yang digunakan oleh pengkaji, malah terdapat juga bahan-bahan ilmiah seperti jurnal, buku dan sebagainya dalam membantu pengkaji memperolehi maklumat yang mencukupi bagi mengukuhkan segala ujaran maklumat yang dibentangkan menerusi kajian ini.

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Kepentingan Kepada Negara

Kajian yang dikaji ini amatlah diharapkan dapat menaikkan nama negara Malaysia keluar negara dengan lebih lagi selain daripada negara Asia Tenggara seperti Indonesia, Singapura dan Brunei dan juga Asia seperti Jepun, China, India dan Australia yang telah terbiasa dengan rancangan Upin-Ipin yang juga mempunyai selitan lagu-lagu rakyat di dalamnya. Dengan adanya kajian ini, ianya juga akan memberi nostalgia dan rasa kekitaan kepadawarganegara Malaysia yang menetap di luar negara.

1.7.2 Kepentingan Kepada Masyarakat

Kajian ini perlulah dilakukan kerana ianya secara tidak langsung memberi banyak kepentingan kepada masyarakat di dalam untuk menyemarakkan lagi lagu-lagu rakyat yang semakin ditelan dek zaman. Kajian ini juga bertujuan untuk meneliti rasa kekitaan yang terdapat di dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi kepada generasi Z. Lagu rakyat kanak-kanak ini memberikan rasa “*sentimental value*” kepada golongan yang berumur kerana mereka merasakan nostalgia apabila menonton dan juga mendengar lagu kanak-kanak tersebut. Maka, daripada perkara tersebutlah menyebabkan pengkaji berpendapat bahawa kajian ini perlu dibuat secara menyeluruh kerana tidak banyak kajian lepas yang mengkaji tentang rasa kekitaan yang terdapat di dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi.

Selain itu, dengan adanya kajian ini, pengkaji berharap bahawa lagu rakyat kanak-kanak animasi ini ditayangkan di dalam Televisyen dengan lebih kerap supaya kanak-kanak pada hari ini tidak berpengaruh dengan lagukanak kanak animasi daripada negara barat. Seperti yang diketahui, kanak-kanak pada hari ini lebih gemar dengan animasi

CocoMelon, *LoolooKids* dan juga animasi “*Huggy Wuggy*” yang mempunyai animasi yang seram dan tidak bersesuaian dengan kanak-kanak. Jika dibandingkan, lagu rakyat kanak-kanak lebih banyak memberi pengajaran dengan maksud tersirat yang amat berguna kepada kanak-kanak dan secara tidak langsung memberi nasihat kepada pendengar dan juga penonton.

1.7.3 Kepentingan Kepada Individu

Kajian ini secara tidak langsung telah membantu pengkaji untuk meningkatkan pengetahuan pengkaji terhadap lagu rakyat kanak-kanak yang terdapat di negara Malaysia ini. Pengkaji juga dapat mendalami bagaimana perasaan rasa kekitaan terhadap lagu-lagu rakyat kanak-kanak animasi. Hal ini demikian kerana, pengkaji membesar dengan hanya mendengar lagu rakyat kanak-kanak tersebut tanpa sebarang animasi yang menarik. Selain itu, pengkaji juga dapat mengaplikasikan penggunaan teori dengan lebih baik menggunakan teori yang terpilih iaitu teori Rasa Model Rasa Insaniah.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian yang dijalankan ini merupakan sebuah gambaran yang jelas merangkumi segala aspek yang berkaitan dengan subjek metodologi penyelidikan. Hal ini kerana segala aspek telah dimasukkan ke dalam kajian in iaitu pengenalan, objektif kajian permasalahan kajian dan lain-lain. Rasa kekitaan yang terdapat dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi ini telah diguna pakai untuk menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti dan berkuantiti. Selain itu, objektif kajian telah dikemukakan bagi menjawab segala persoalan yang timbul berkaitan dengan Rasa kekitaan yang terdapat dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi. Selain itu, beberapa jenis buku dan artikel yang lain telah digunakan dalam kajian in bagi memperkuuhkan lagi kajian lepas yang telah dibuat. Maka, segala keperluan yang diperlukan dalam kajian ini telah dijelaskan dan pengkaji berharap agar segala usaha yang telah dibuat bagi menjalankan kajian ini dapat mengisi segala kekurangan terhadap penyelidikan padamasa yang akan datang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pendahuluan

Kajian yang akan dikaji ini memfokuskan tentang beberapa sorotan kajian sebagai panduan untuk melengkapkan kajian ini. Namun, kajian ini lebih menekankan kepada rasa kekitaan yang terdapat dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi kepada generasi Z iaitu pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan melalui teori Model Rasa Insaniah. Sorotan kajian ini merupakan perkara yang amat penting di dalam kajian kerana ianya sebuah pemahaman untuk mendalami tentang sorotan kajian. Maka, tujuan sorotan kajian ini merupakan sebuah penulisan yang ringkas dan padat untuk menjelaskan apakah yang ingin dimaksudkan dengan kajian. Menurut Fink (1998), beliau mengatakan bahawa di dalam sorotan kajian ini, pengkaji melakukan kajian yang sangat teliti untuk membuktikan penulisan yang ditulis oleh penyelidik yang pintar yang mengetahui masalah yang mereka pelajari.

2.2 Kajian Lepas Mengenai Rasa Kekitaan

2.2.1 Tesis

Berikut merupakan beberapa kajian yang diperolehi daripada tesis:

“Relationship between Facebook function usage and social cohesion, and the moderating effect of social group, among rural youth virtual communities in Malaysia” merupakan sebuah kajian tesis yang dikaji oleh Hamizah Sahharon (2016). Kajian ini merupakan kajian untuk menganalisis kesan penyederhanaan kumpulan sosial terhadap hubungan diantara fungsi penggunaan Facebook dan kohesi sosial di kalangan komuniti maya belia luar bandar. Fokus kajian ini tertumpu kepada belia 1Malaysia Wireless Village yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Kajian ini amat penting kerana ianya boleh memperlihatkan dan memahami tahap keberkesanan penggunaan Facebook bagi kalangan belia luar bandar. Kaedah kajian yang digunakan kajian kuantitatif dengan kaedah soal selidik dan juga menggunakan Teori Ketergantungan dan Teori Identiti Diri dengan mengaitkan teori-teori tersebut dengan motivasi yang tinggal di 1Malaysia Wireless Village di kawasan Perlis, Negeri Sembilan, Seremban dan Terengganu. Maka, hasil daripada kajian ini didapati bahawa penggunaan fungsi perbualan merupakan salah satu faktor yang banyak digunakan pada rasa kohesi sosial belia luar bandar di Facebook. Seterusnya, pengkaji juga mendapati kesan yang minima terhadap hubungan antara kekerapan fungsi Perkongsian dan Reputasi di Facebook dan peningkatan rasa kohesi sosial belia luar bandar.

Menurut Sow Ling Ling (2015), kajian yang dikaji ialah “*Social Sustainability Of Urban High-Rise Community*”. Kajian ini mengkaji tentang isu kelestarian sosial di bandar

tinggi pembangunan perumahan yang telah menjadi salah satu kebimbangan utama dalam bidang bandar kajian, psikologi dan seni bina. Maka, tujuan bagi kajian ini ialah untuk mengenalpasti langkah untuk mempromosikan interaksi sosial di perumahan yang bertingkat tinggi di bandar. Kaedah kajian yang dilakukan ialah kajian literatur yang berkaitan dan juga mengkritik analisis penyelesaian seni bina yang menjadi salah satu punca dalam peningkatan kelestarian sosial di kediaman yang bertingkat tinggi dan juga kaedah lapangan di penempatan setinggan di Kampung Pengkalan Rinting, Tampoi, Johor Bahru yang dijalankan untuk mengetahui rasa kekitaan berdasarkan tetapan sosial. Maka, hasil daripada kajian ini didapati bahawa rekabentuk kediaman merupakan salah satu sumbangan yang positif kepada persekitaran sosial masyarakat.

Menurut Bodaghi et. Al (2014) mengkaji kajian yang bertajuk “*Sense of Belonging Among Visually Impaired Students in a University Library in Malaysia*”. Kajian ini mengkaji tentang bagaimana perasaan rasa kekitaan ini penting untuk menyerukan individu kurang upaya untuk melibatkan diri mereka secara sukarela tanpa ada paksaan dari komuniti perpustakaan. Dalam konteks perpustakaan akademik di Malaysia, kajian ini mengkaji tentang konsep kekitaan di kalangan pelajar yang kurang upaya dari segi cacat penglihatan. Model sosial kecacatan ini digunakan untuk melengkapkan kajian ini. Antara kaedah kajian yang digunakan ialah kajian kualitatif untuk mengelaborasi tema dan sub-tema yang berkaitan dengan rasa kekitaan berdasarkan bagaimana pelajar yang mempunyai cacat penglihatan menjalankan pengalaman harian mereka dengan menggunakan kemudahan dan juga perkhidmatan yang ada di perpustakaan. Data yang dikumpulkan dari kajian kualitatif ini ialah melalui temu ramah

separa berstruktur dan perbincangan yang berfokus. Maka, hasil daripada kajian ini ialah pengkaji dapat mengetahui perasaan rasa kekitaan yang dilalui oleh pelajar yang kurang upaya dalam menjalani kehidupan mereka dengan menggunakan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan.

The use of grammar board games in teaching subject verb agreement among form 2 ESL learners in a religious school merupakan sebuah kajian tesis yang dikaji oleh Mohd Hassan et. Al (2014). Kajian ini mengkaji tentang penggunaan permainan papan tatabahasa di dalam mengajar Perjanjian Kata Kerja Subjek (SVA) di kalangan pelajar ESL tingkatan 2 di sekolah agama. Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk mengenalpasti jenis pelajar SVA yang mempunyai masalah, menganalisis kaedah pengajaran yang diajar antaranya ialah kaedah pengajaran tradisional atau permainan papan dalam membantu pelajar lebih cepat faham. Tujuan kajian ini juga ialah untuk mengenalpasti perasaan rasa kekitaan yang dialami oleh pelajar. Tiga kaedah kajian yang digunakan untuk melengkapkan kajian ini antaranya ialah ujian murni dan ujian pasca, senarai semak dan soal selidik. Maka, hasil daripada kajian ini didapati bahawa permainan papan tatabahasa ini dapat meningkatkan motivasi dan rasa kekitaan pelajar semasa belajar tatabahasa. Selain itu, ianya juga menunjukkan bahawa sesetengah pelajar telah menghadapi kesukaran yang minima kekita belajar menggunakan permainan papan SVA.

Menurut Rebecca John Koleth (2011), kajiannya mengenai “*Communicating identity among Malaysian students*” ini mengkaji tentang komunikasi identiti di kalangan pelajar Malaysia iaitu di Universiti Putra Malaysia menerusi pelbagai bentuk antaranya bentuk komunikasi. Antara elemen bentuk komunikasi ialah bahasa, pakaian dan juga

pengalaman peribadi. Menurut pengkaji, hal-hal yang terjadi di dalam diri kehidupan individu membuatkan individu tersebut menjadi diri sendiri. Maka, jika tidak mengambil tahu tentang hal-hal seperti ini, ianya akan menyukarkan pemahaman diri sendiri dan juga orang lain dengan baik. Ini akan menyebabkan perkara ini lebih sukar untuk memahami dunia. Kaedah kajian yang digunakan bagi pengumpulan data ialah pemerhatian dengan menggunakan borang soal selidik dan temu bual. Maka, hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar mampu untuk menunjukkan identiti diri mereka dengan baik yang bercorak peribadi dan individualistik. Secara tidak langsung, para pelajar dapat merasai perasaan rasa perpaduan dan kekitaan terhadap identiti mereka yang berbeza.

2.2.2 Artikel

Berikut merupakan beberapa kajian yang diperolehi daripada artikel:

Menurut kajian Nurhamizah Rashid, Norain Mod Asri, Maisarah Mazlan, Norshamliza Chamhuri, Azrina Abdullah Al-Hadi & Hazrul Izuan Shahiri (2021) iaitu yang bertajuk “Penyertaan Wanita dalam Bidang Stem: Pengaruh Persekutaran Kerja”. Kajian ini membincangkan tentang penyertaan kaum wanita yang kurang di dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang merupakan salah satu masalah yang dihadapi di kebanyakan negara di dalam bidang pekerjaan. Kaedah kajian yang digunakan bagi pengumpulan data ialah pemerhatian dengan menggunakan borang soal selidik dan temu bual. Maka, hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa terdapat faktor-faktor yang membuatkan wanita tidak gemar untuk memasuki bidang ini antaranya gangguan seksual yang dihadapi oleh kaum wanita akan menyebabkan rasa kekitaan yang tidak baik dan negatif terhadap wanita semasa bekerja.

Siti Nor Azhani Mohd Tohar et.al (2020) bertajuk “Aplikasi ‘Asabiyyah Ibn Khaldun dan Mekanisme Pengukuhan Semangat Kekitaan dalam Mendidik Generasi Muda Multi Etnik Malaysia”. Kajian ini memfokuskan Ibn Khaldun sebagai dalam karanangan yang terkemuka. Kajian ini menekankan tentang asas yang paling penting untuk menunjukkan kekuatan *asabiyyah* sebagai penanda bagi kejatuhan sesebuah tamadun. Maka, isu ini merupakan kajian yang dikaji untuk membincangkan mekanisme adaptasi bagi ‘*asabiyyah* Ibn Khaldun bagi menerapkan kekuatan semangat kekitaan di dalam kalangan generasi muda multi etnik yang terdapat di Malaysia. Kaedah kajian bagi kajian ini ialah kajian kepustakaan untuk bahan-bahan ilmiah. Maka, hasil daripada kajian ini didapati bahawa terdapat satu mekanisme untuk mempertahankan semangat kekitaan dalam kalangan golongan muda.

“Cabaran Amalan Komuniti Pembelajaran dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Berprestasi Tinggi Malaysia” merupakan sebuah kajian oleh Chong Chee Keong et.al (2018) yang membincangkan tentang Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) merupakan salah satu proses penambahbaikan sekolah yang memerlukan komuniti untuk bekerjasama meningkatkan kecemerlangan setiap pelajar. Maka, kajian ini bertujuan untuk memberi anjakan supaya membudayakan konsep pembelajaran dengan memberi banyak peluang kepada warga di sekolah untuk bekerja dalam kerjasama pasukan, pertukaran idea dan lain-lain. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis dan pengumpulan data. Oleh itu, hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa rasa kekitaan amat tinggi dalam pencapaian akademik pelajar dari segi menghadapi masalah kekangan masa dan ketidakpuasan hati terhadap pentadbir di sekolah.

Menurut Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (2007), kajian ini mengenai antara *Tradisi dan Perubahan Pernyataan Budaya di Persisiran Pantai Timur Semenanjung Malaysia*. Kajian ini memfokuskan tentang tradisi dan juga moden yang sering digunakan untuk melihat kedudukan dan juga perubahan terhadap sesuatu budaya. Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk membincangkan tradisi dan juga kemodenan yang dilihat secara umum semasa proses perubahan melalui orang Melayu. Kaedah kajian yang digunakan untuk melengkapkan kajian ini ialah kajian lapangan. Maka, hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa suasana bagi sesetiap negeri berbeza dengan masyarakat dan budaya di Kelantan.

Prof Madya Abdul Rahman Jantan et.al (2006) bertajuk kajian tentang “*Rasa Kekitaan Dikalangan Pelajar E-PJJ dan Hubungkaitnya dengan Pencapaian Akademik*”. Kajian ini memfokuskan tentang perasaan rasa kekitaan di kalangan pelajar yang belajar secara jarak jauh (e-PJJ) di Institut Perkembangan Pendidikan UITM Shah Alam. Hasil daripada kajian yang menggunakan kaedah temu bual dan dianalisa menggunakan analisis diskriptif, ianya menunjukkan bahawa rasa kekitaan amat tinggi bagi pelajar-pelajar tersebut.

2.2.3 Laman Sesawang

Berikut merupakan beberapa kajian yang diperolehi daripada laman sesawang:

<https://waamirzal.blogspot.com/2009/11/perasaan-kekitaan.html>

Kajian daripada laman sesawang yang bertajuk *Perasaan Kekitaan*. Perjalanan nan indah. Kajian ini memfokuskan tentang pengkaji diberikan peluang untuk menjelaki ke bumi Borneo. Tujuan pengkaji ke bumi Borneo ialah untuk mengumpul data sebuah kajian beliau tentang kehidupan sosial dalam kalangan masyarakat Kuching, Sarawak. Kaedah kajian yang digunakan bagi pengumpulan data ialah pemerhatian dengan temubual beberapa ketua komuniti. Maka, hasil daripada kajian, ianya didapati bahawa kurangnya semangat kekitaan di dalam komuniti di tempat kajian. Ianya kerana tidak diberikan perhatian yang sepenuhnya melainkan perkara tersebut menyentuh tentang sifat kepentingan diri mereka sendiri.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.3 Kajian Lepas Mengenai Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi

2.3.1 Tesis

Berikut merupakan beberapa kajian yang diperolehi daripada tesis:

Menurut Siti Rohana binti Salleh (2021) kajian yang bertajuk *Pembangunan modul My KAPS berdasarkan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah* bertujuan untuk membangunkan modul My KAPS yang berasaskan nyanyian secara didik hibur untuk menerapkan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah. Kaedah kajian yang digunakan ialah menggunakan Teori Kecerdasan Emosi untuk mengaitkan emosi-emosi yang terdapat semasa menjalankan kajian. Maka, hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa modulini bukan sahaja berkesan dalam penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah pada awal tahun malah turut membantu menyelesaikan masalah guru sepanjang tahun. Oleh itu, Modul My KAPS sesuai dijadikan modul transisi yang pertama di Malaysia dalam memperkenalkan kemahiran sosioemosi sebagai keperluan kanak-kanak ketika memulakan pengalaman mereka ke sekolah.

Mohd Azam Sulong (2019) kajian tesis yang bertajuk *Estetika lagu-lagu melayu popular berdasarkan aspek seni kata dan melodi lagu*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis unsur estetika yang terdapat di dalam lagu Melayu popular. Kaedah kajian yang dijalankan ialah kaedah kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual. Sebanyak lima puluh (50) buah lagu Melayu yang popular yang menjadi sumber kajian ini. Maka, dapatan kajian yang terdapat dalam kajian ini ialah pengkaji boleh menilai lagu-lagu Melayu dari segi kualiti sesebuah lagu tersebut dan secara tidak langsung, ianya

menjadi petunjuk kepada pencipta lagu untuk menghasilkan lagu-lagu Melayu yang berkualiti.

Azli Ariffin (2018), kajian tesis yang bertajuk *Reka bentuk model aktiviti penggunaan lagu kanak-kanak Melayu tradisional untuk peningkatan imaginasi kreatif Pra Sekolah*, memfokuskan tentang mereka bentuk dan membangunkan Model Aktiviti Penggunaan Lagu Kanak-Kanak Melayu Tradisional supaya meningkatkan imaginasi. Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk membantu dalam melaksanakan pembinaan imaginasi kreativiti kanak-kanak prasekolah. Kaedah kajian yang digunakan bagi pengumpulan data ialah pemerhatian dengan temu bual. Maka, hasil yang dapat dilihat dalam kajian ini ialah penggunaan Lagu Kanak-Kanak Melayu boleh meningkatkan imaginasi kanak-kanak.

Zuria Shahnaz Sirajuddin (2013) kajian tesis yang bertajuk *Kesesuaian penggunaan modul panduan pengajaran dunia muzik oleh guru bukan opsyen dalam proses pengajaran rekoder Tahun 3*. Kajian ini memfokuskan tentang penggunaan alat muzik iaitu rekoder di dalam aktiviti pembelajaran di dalam kelas. Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk memahami secara mendalam tentang pengalaman muzikal secara *hands-on*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual responden. Maka, hasil daripada kajian yang dijalankan, ianya menunjukkan bahawa terdapat kelopongan semasa sesi pembelajaran menggunakan rekoder dan perlu ditambah baik contohnya ialah menyediakan pelbagai koleksi lagu-lagu rakyat kanak-kanak dalam permainan rekoder tersebut.

Devi Arostiyani (2013) kajian yang bertajuk *Pemanfaatan lagu anak-anak sebagai media pendidikan karakter di taman kanak-kanak aisyiyah desa linggapura kecamatan tonjong, brebes* memfokuskan tentang pendidikan karakter merupakan salah satu landasan untuk mewujudkan visi pembangunan nasional iaitu menjadikan masyarakat yang berakhhlak mulia dan budi pekerti. Tujuan kajian ini ialah untuk menganalisis tentang gambaran manfaatnya lagu kanak-kanak sebagai media pendidikan karakter. Kaedah kajian yang dilakukan ialah pengumpulan data dan temu bual. Maka, hasil daripada kajian ini membuktikan bahawa guru memberikan peranan yang penting dalam menjelaskan makna-makna lagu kepada kanak-kanak.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.3.2 Artikel

Berikut merupakan beberapa kajian yang diperolehi daripada artikel:

Nurul Syazwani Ayob et.al (2023), sebuah kajian yang bertajuk *Aplikasi Seloka Lagu Rakyat Kanak-Kanak Malaysia* yang memfokuskan tentang kajian terhadap lagu kanak-kanak yang dicipta untuk memenuhi tema-tema yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran. Lagu rakyat kanak-kanak di Malaysia ialah merupakan Lagu Rakyat masyarakat Melayu iaitu lagu-lagu atau sebuah nyanyian yang berasal dari sesuatu kawasan dalam Alam Melayu. Antara tujuan kajian ialah kerana kanak-kanak pada zaman kini amat kurang pendedahan terhadap lagu rakyat kanak-kanak di Malaysia. Kaedah kajian yang digunakan bagi melengkapkan kajian ini ialah kualitatif untuk menganalisis dan pengumpulan data. Maka, hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa perlu melakukan penambahbaikan dari segi butang navigasi, animasi dan grafik bagi animasi tersebut.

Menurut Tuan Siti Nurul Suhadah et. al (2021) kajian yang berjudul *Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan dalam Cerita Rakyat Dalam Kalangan Kanak-Kanak dan Remaja Melalui Media Animasi* yang memfokuskan tentang cerita rakyat yang merupakan salah satu cerita yang disampaikan secara lisan oleh masyarakat terdahulu. Oleh itu, tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk mengkaji tentang keberkesanan cerita rakyat dalam kalangan kanak-kanak dan remaja melalui medium animasi. Kepentingan kajian ini dilakukan kerana industri bagi dunia animasi amat berjaya untuk menarik minat golongan kanak-kanak malahan remaja. Metodologi kajian yang digunakan dalam melengkapkan kajian ini ialah kaedah kepustakaan dan juga teks. Kajian

ini juga mengaitkan dengan Teori Pengkaedahan Melayu. Maka, hasil daripada kajian ini membuktikan bahawa media animasi merupakan salah satu medium yang amat berkesan untuk menjadikan cerita rakyat sebagai cerita yang dapat dipopularkan di dalam kalangan kanak-kanak dan juga remaja.

Hanifah Sabin et.al (2019), sebuah kajian yang bertajuk *Modul Membaca Awal Prasekolah Menggunakan Nyanyian Berasaskan Teori Psikolinguistik Kognitif dan Aplikasi Kaedah Belajar melalui Bermain*. Kajian ini merupakan kajian yang memfokuskan tentang kemahiran membaca yang menjadi asas kepada pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membangunkan inisiatif baru iaitu Modul Riang Ria Membaca (MRRM) iaitu merupakan modul pengajaran membaca awal bagi kanak-kanak prasekolah di pedalaman Sabah yang menggunakan nyanyian. Kaedah kajian yang digunakan bagi kajian ini ialah kaedah kuantitatif untuk mengenalpasti masalah, keperluan dan juga ciri modul yang dibangunkan. Teori yang digunakan untuk mengaitkan isu kajian ini ialah Teori Psikolinguistik Kognitif. Maka, hasil daripada kajian ini didapati bahawa modul pembangunan MRRM ini memberikan sumbangan yang positif dari segi sumber pengajaran membaca yang menyeronokkan.

Menurut Normaliza Abd Rahim et.al (2017) kajian yang bertajuk *Konflik Emosi dalam Lirik Lagu ‘Nipah oh Nipah*. Kajian ini memfokuskan tentang konflik emosi yang melalui pelajar sekolah rendah di Selangor. Objektif kajian untuk kajian ini ialah mengenalpasti ujaran pelajar terhadap lirik lagu *Nipah oh Nipah*. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif bagi pengumpulan data dan temu bual. Maka, hasil

daripada kajian ini menunjukkan bahawa pelajar memberikan pendapat yang beunsur konflik emosi menerusi lirik lagu tersebut. Pengkaji juga dapat mengenalpasti emosi yang berbeza daripada setiap lirik lagu tersebut.

Menurut Zaharah Osman (2016), yang bertajuk *Perkembangan Emosi Kanak-Kanak Menggunakan Lagu Didi & Friends* menfokuskan tentang emosi kanak-kanak di dalam aktiviti seperti mendengar muzik oleh Didi & Friends itu dikembangkan. Metodologi kajian yang digunakan bagi melengkapkan kajian ialah kaedah kualitatif. Antara kaedah kajian yang digunakan untuk pengumpulan data ialah pemerhatian menggunakan borang senarai semak, temu bual dan juga analisis dokumen. Maka, hasil kajian yang dapat dilihat ialah ialah aktiviti yang menggunakan muzik melalui animasi Didi & Friends ini telah memberikan impak yang baik di dalam membantu perkembangan emosi kanak-kanak dan ianya sewajarnya digunakan di dalam pembelajaran dan pengajaran.

Menurut Mohd Hassan Abdullah (2014), sebuah kajian yang bertajuk *Introducing the Traditional Malay Children's Songs to the Early Childhood Education at the Malaysian National Child PERMATA Centre* yang membincangkan tentang lagu-lagu awal kanak-kanak dari setiap budaya tertentu yang disebarluaskan secara turun-temurun dari generasi ke generasi melalui ibu bapa, keluarga dan lain-lain. Namun, lagu-lagu tradisional kanak-kanak kini hampir hilang ditelan dek zaman di negara Malaysia ini kerana terdapat banyak muzik yang dipengaruhi dari barat terutamanya di persekitaran suasana di sekolah. Kanak-kanak pada zaman kini lebih tertarik kepada lagu tradisional barat seperti *Twinkle Twinkle Little Star*, *Row, Row, Row Your Boat* dan lain-lain. Maka,

antara tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk mengumpul Kembali lagu-lagu rakyat kanak-kanak yang sudah ditelan dek zaman seperti lagu-lagu yang hanya diingati oleh orang-orang tua yang masih kanak-kanak pada tahun 1920-an dan 1930-an. Tujuan yang seterusnya ialah mengenalpasti lagu-lagu yang dikumpul dari perspektif muzik dan teks untuk menentukan contoh dan corak ekspresi muzik dan juga budaya Melayu. Kaedah kajian yang dilakukan ialah kaedah kualitatif untuk pengumpulan data. Instrumen kajian ini merangkumi dari segi penghasilan bahan pengajaran, latihan dan penyebaran. Maka, hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa kajian ini telah menambah bilangan informasi untuk memastikan bahawa sebanyak mungkin lagu kanak-kanak yang dikumpulkan.

2.3.3 Laman Sesawang

Berikut merupakan beberapa kajian yang diperolehi daripada laman sesawang:

<https://heliodoktor.com/keibubapaan/kanak-kanak/perkembangan/lagu-kanak-kanak/>

Kajian daripada laman sesawang yang bertajuk *Sebab Kenapa Lagu Kanak-Kanak Seperti 'Baby Shark' Penting Untuk Tumbesaran Anak Anda* oleh Ahmad Farid. Kajian ini mengkaji sebab-sebab kenapa lagu kanak-kanak seperti *Baby Shark* penting di dalam tumbesaran kanak-kanak. Antara isu yang dikatakan ialah kanak-kanak merupakan zaman yang paling gembira kerana tidak perlu memikirkan tentang masa depan dan cabaran-cabaran yang perlu dihadapi apabila meningkat dewasa. Maka, kepentingan lagu kanak-kanak kepada kanak-kanak ialah untuk mengenali dan juga mempelajari kehidupan melalui muzik. Antara sebab lagu kanak-kanak ini penting dalam tumbesaran ialah ianya

akan membantu mengembangkan bahasa dan secara tidak langsung ianya melajukan pertuturan kanak-kanak.

<https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2022/07/973613/muzik-terapi-rangsang-kreativiti-kanak-kanak>

Kajian daripada laman sesawang yang bertajuk *Muzik Terapi, Rangsang Kreativiti Kanak-Kanak*. Kajian ini diperolehi oleh akhbar digital yang ditulis oleh Elieyana Juanur. Tujuan akhbar ini ditulis kerana muzik ini dikenali sebagai satu gabungan irama, melodi dan juga harmoni mesra bagi deria pendengaran. Justeru, bunyi yang indah menyebabkan kanak-kanak teruja dan berasa seronok untuk memahami lagu tersebut. Secara tidak langsung, ianya akan meningkatkan daya kreativiti kanak-kanak tersebut.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Model Rasa Insaniah

2.4.1 Tesis

Berikut merupakan beberapa kajian yang diperolehi daripada tesis:

Shahirah Yusoff (2019), kajian yang bertajuk *Cinta Dalam Apabila Langit Langit* Karya Suhaimi Haji Muhammad: Satu Perspektif Rasa Insaniah yang memfokuskan untuk menganalisis pemikiran dari sudut cinta di dalam kumpulan puisi yang bertajuk Apabila Langit Condong oleh sasterawan negara iaitu Suhaimi Haji Muhammad. Kajian ini memfokuskan dengan menggunakan teori yang bersesuaian iaitu Teori Model Rasa Insaniah. Teori ini mempunyai tiga prinsip iaitu Prinsip Pengabdian kepada Allah SWT, prinsip pengucapan beradab dan prinsip kehalusan makna. Kaedah kajian yang digunakan bagi menyempurnakan kajian ialah kaedah kualitatif dengan menggunakan kajian keperpustakaan.

Shamsuddin Othman (2012), menyatakan bahawa Teori Model Rasa Insaniah ini merupakan sebuah penghasilan yang telah diubahsuai dan berlakunya penambahbaikan daripada tiga teori tempatan iaitu Teori Takmilah yang dipelopori oleh Shafie Abu Bakar (2000), Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang (1980) dan Teori Rasa Fenomenologi yang dipelopori oleh Sohaimi Abdul Aziz (1995). Maka dengan gabungan tiga-tiga tersebut, wujudlah tiga prinsip Teori Model Rasa Insaniah iaitu Prinsip Pengabdian Kepada Allah SWT, Prinsip Pengucapan Beradab dan Prinsip Kehalusan Makna yang mempunyai perkaitan yang rapat antara pengarang dengan Allah. Pengarang juga dikatakan sebagai pendakwah dan seorang penulis yang berkarya. Maka, Teori Model Rasa Insaniah ini akan dikembangkan di dalam karya puisi. Antaranya enam

rasa yang dapat didapati di dalam puisi-puisi ialah takwa, syukur, cinta, simpati, taubat dan rindu.

Shamsuddin Othman (2012) kajian tesis yang bertajuk *Model Rasa Insaniah dalam puisi Islam Tiga Penyair Nusantara*. Tujuan tesis ini dilakukan ialah untuk menganalisis penilitian terhadap tiga orang penyair yang berpontensi untuk menjadi penyair yang berwibawa iaitu Rahimidin Zahari, Jamal D. Rahman dan Johar Buang. Maka, hasil daripada kajian ini, ketiga-tiga penyair tersebut mempunyai perbezaan dari segi fikiran, pengalaman, penggunaan gaya bahasa di dalam puisi mereka yang dikaitkan menggunakan teori Model Rasa Insaniah.

2.4.2 Artikel

Berikut merupakan beberapa kajian yang diperolehi daripada artikel:

Ummi Hani Abu Hassan et.al (2020) kajian yang bertajuk *Konsep Cinta Romantisme Islam Berdasarkan Teori Model Rasa Insaniah*. Kajian ini mengenai cinta yang kerap menjadi tema di dalam penulisan kesusastraan sejak dari dahulu lagi baik tradisional maupun moden. Kajian ini memfokuskan tentang perbincangan mengenai konsep cinta romantisme yang boleh dilihat dari perspektif Islam. Menerusi kajian ini, ia juga boleh dilihat bahawa Teori Model Rasa Insaniah ini amat sesuai untuk dijadikan sebagai landasan kepada penulis melalui prinsip utama yang boleh didapati di dalam teori ini antaranya ialah Prinsip Pengabdian Kepada Allah SWT, Prinsip Pengucapan Beradab dan Prinsip Kehalusinan Makna. Prinsip pertama yang dapat dilihat di dalam teori ini boleh terikat dengan prinsip kedua dan ketiga sehingga perasaan cita romantisme dapat

diangkat mengikut kesesuaian gaya bahasa yang indah dan juga halus serta menolak persepsi pembaca yang mengatakan bahasa yang membangkitkan syahwat pembaca.

2.4.3 Laman Sesawang

Berikut merupakan beberapa kajian yang diperolehi daripada laman sesawang:

<https://shamsudinothman.blogspot.com/2007/11/seminar-sasterawan-negara-shahnon-ahmad.html>

Kajian daripada laman sesawang ini yang merupakan kertas kerja yang bertajuk *Muhabbah: Rasa Insaniah Dalam Takah Gelora Husnulkhatimah* yang dibentangkan semasa seminar Sasterawan Negara Shahnon Ahmad oleh Shahnon Ahmad (2007). Tujuan pembentangan ini ialah untuk mengupas isi-isi novel yang dikajinya iaitu novel *Mahabbah* karya Shahnon Ahmad. Pengupasan novel ini berkait dengan Teori yang amat sesuai digunakan iaitu Teori Model Rasa Insaniah. Pengaplikasian teori ini boleh dilihat melalui keindahan yang terdapat di dalam teks yang menjadi punca kekuatan sebuah karya pengarang yang tidak dapat dirasai dengan lebih mendalam jika bukan pengarang sendiri yang dapat dirasainya.

Pengkaji telah menjalankan kajian terhadap kajian lepas mengenai teori Model Rasa Insaniah. Setakat ini pengkaji baru memperolehi sebanyak lima kajian lepas berkaitan dengan teori ini. Ini adalah kerana kurangnya kajian terhadap teori ini dan teori Model Rasa Insaniah ini merupakan salah satu teori yang baru.

2.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, rasa kekitaan membawa maksud kepada mempunyai rasa atau perasaan yang dikatakan sebagai rasa pemilik apabila kita mengetahui atau mendengar sesuatu yang nostalgia. Walau bagaimanapun, rasa kekitaan ini juga boleh diibaratkan sebagai memahami perasaan tentang hal-hal yang membuatkan individu mengimbas kembali perasaan yang lama tersebut. Selain itu juga, teori yang digunakan iaitu teori Model Rasa Insaniah ini amat bersesuaian untuk dijadikan panduan untuk pemerhatian. Maka, berdasarkan sorotan kajian yang dikaji oleh pengkaji lepas, pengkaji dapat pelbagai maklumat tambahan untuk dijadikan panduan untuk melengkapkan kajian ini.



BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2013), metodologi merupakan satu kaedah yang merangkumi segala aspek yang melibatkan prinsip dalam penyelidikan bagi mewujudkan sebuah aktiviti atau kegiatan yang lebih berdisiplin dan teratur. Segala bentuk perkara yang terlibat di dalam pengumpulan data maklumat haruslah dijelaskan dengan lebih telus dan lebih mendalam bagi mengungkapkan dan menjelaskan segala pernyataan yang terdapat dalam kajian berdasarkan lagu rakyat kanak-kanak animasi.

Menurut Hornby (1985), beliau berpendapat bahawa metodologi merupakan satu kaedah yang terkumpul untuk digunakan dalam membuat sesebuah kajian. Maka, bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kuantitatif dan juga kualitatif untuk menerangkan tentang reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan analisis yang berkesan bagi kajian ini dan juga pengaplikasian teori yang terpilih iaitu teori Model Rasa Insaniah.

Menurut Fuad Muhamed Berawi (2017) pula, beliau memberikan beberapa contoh metodologi kajian iaitu diantaranya ialah kajian kualitatif, kajian kuantitatif, eksperimen lapangan, kajian tinjauan dan juga kajian tindakan. Selain itu, dalam metodologi kajian juga

terdapat pemilihan sampel, prosedur, pengumpulan data, instrument kajian dan analisis data yang akan digunakan di dalam kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian digunakan sebagai satu pelan atau pemulaan tindakan yang akan menunjukkan secara lebih terperinci bagaimana sesebuah kajian itu akan dijalankan. Menurut Kerlinger (1970), reka bentuk kajian merupakan salah satu kaedah untuk yang dihasilkan untuk pengolahan data yang diambil berdasarkan perancangan yang bersifat sistematik dan khusus terhadap sesuatu motif pembentukan urutan hubungan antara pembolehubah yang terkandung dalam sesebuah hasil kajian. Intihannya, kaedah campuran (*mix method*) iaitu kualitatif dan kuantitatif adalah merupakan kaedah reka bentuk yang digunakan untuk menghasilkan kajian ini.

Menurut Sabitha (2006) pula, beliau mengatakan bahawa reka bentuk kajian merupakan sebuah pelan Tindakan yang memfokuskan dengan lebih terperinci tentang bagaimana sesebuah kajian itu dijalankan. Ianya juga bertujuan untuk membantuk para penyeildik untuk menganalisis, proses memperoleh maklumat dan mentafsir hasil daripada penyelidikan yang telah dilakukan sebelum ini. Terdapat empat kaedah reka bentuk yang terdapat di dalam kajian iaitu:

I. Kajian Lapangan

Kajian lapangan ialah satu kaedah yang digunakan oleh sains yang bersesuaian dengan pembelajaran topik-topik yang terdapat dalam sains.

Kajian lapangan ini merupakan sumber yang paling penting dalam melakukan kajian yang memerlukan pengkaji untuk melihat kawasan yang ingin dikaji. Hal ini kerana, ianya untuk mendapatkan maklumat yang baru dengan lebih terperinci dan jelas. Secara tidak langsung,

pengkaji juga akan memahami perkara yang dikaji itu dengan sedalam yang mungkin.

II. Analisis Naratif

Menurut Hadjana (2007), naratif ini merupakan sebuah cerita. Menurut Webster dan Metrova (2009) pula, naratif ialah satu metode penelitian dalam ilmu-ilmu sosial. Hasil daripada metode ini ialah keupayaan untuk memahami setiap identity dan pandangan seseorang dengan merujuk kepada cerita-cerita yang naratif yang sering dipertutu dan didengari dalam aktiviti seharian manusia.

III. Pemerhatian

Kaedah pemerhatian ini merupakan satu kaedah penyelidikan yang sering digunakan untuk menaksir pembolehubah sesebuah penyelidikan. Pemerhatian ini juga merupakan salah satu cara mudah untuk mengumpul maklumat dan juga pengumpulan data selain menggunakan kaedah soal selidik dan temuduga. Maka, kaedah pemerhatian ini amat sesuai digunakan kepada pengkaji yang mengkaji perkembangan tingkah laku unit-unit sosial seperti perkembangan tingkah laku kanak-kanak dan sebagainya.

IV. Dokumentasi

Dokumentasi merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan yang terlibat dalam penggunaan dan menganalisis dokumen yang dikenali sebagai sumber data. Menurut Siti Mariam Mat Nor (2015), beliau mengatakan bahawa dokumentasi merupakan kaedah yang

membolehkan penyelidik untuk mengkaji, memeriksa dan mentafsirkan dokumen yang diperolehi untuk memahami dengan lebih mendalam terhadap fenomena, peristiwa dan juga proses yang ingin dikaji.

Oleh hal yang demikian, antara empat kaedah yang terdapat dalam reka bentuk kajian, pengkaji memilih kaedah dokumentasi untuk melengkapkan kajian kerana dokumentasi mempunyai ciri-ciri yang bersesuaian untuk membantu pengkaji melaksanakan kajian. Kaedah dokumentasi juga merupakan pendekatan yang paling sesuai dalam penyelidikan yang menggunakan analisis dokumen sebagai sumber data.

3.2.1 Dokumentasi

Dokumentasi merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan yang terlibat dalam penggunaan dan menganalisis dokumen yang dikenali sebagai sumber data.

Menurut Bryman et.al (2007), mereka berpendapat bahawa dokumentasi adalah satu bentuk kajian yang dilihat telus kerana mempunyai prosedur persempelan yang dapat dilihat dengan jelas. Hal ini dikatakan kerana, analisis dokumentasi ini membuktikan bahawa nilai atau corak yang terjadi mewujudkan perubahan dalam suatu jangka masa yang dijalankan.

Maka, kajian ini akan dimulakan dengan menumpukan kepada kaedah dokumentasi terhadap bahan-bahan yang ditulis yang terdiri daripada teks. Teks yang akan digunakan ialah 10 buah lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis terhadap teks berdasarkan 10 buah lirik-lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi dan maklumat-maklumat lain yang boleh dikaitkan dengan kajian ini. Maka, kaedah analisis teks seperti lagu ini dijadikan sebagai bahan panduan dan rujukan yang menjurus kepada sumber dari perpustakaan. Oleh hal yang demikian, teks lirik lagu yang terkandung dalam

10 buah lagu rakyat kanak-kanak animasi ini akan dikaji dengan lebih telus untuk dijadikan sebagai rujukan yang selaras dengan matlamat objektif kajian ini.

3.3 Cara Pengumpulan Data

Menurut Izham Shafie (2008), mengatakan bahawa data merupakan maklumat rangkaian yang digunakan untuk membuat keputusan yang teratur dalam sesuatu kondisi. Oleh hal yang demikian, data dan maklumat yang dikumpulkan untuk menghasilkan kajian yang baik ini menggunakan pelbagai kaedah seperti kaedah kepustakaan, analisis dokumen dan tembus atau soal selidik.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan merupakan satu kaedah yang berkait dengan pengumpulan data untuk melengkapkan kajian. Kaedah ini merangkumi pencarian bahan yang berbentuk fizikal dan juga maya seperti jurnal, artikel, tesis, buku, laman sesawang dan lain-lain. Kaedah ini juga merupakan salah satu cara yang terbaik untuk mendapat maklumat yang tepat dan terperinci. Pengkaji juga mengunjungi Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk mencari bahan-bahan rujukan untuk memperkuatkannya lagi hasil kajian ini. Sumber-sumber carian yang diperoleh daripada perpustakaan ini akan dijadikan sebagai rujukan dalam penulisan analisis kajian secara berterusan.

3.3.2 Analisis Dokumen

Analisis dokumen merupakan salah satu bentuk analisis terhadap dua jenis bahan iaitu yang pertama ialah bahan bercetak yang terdiri daripada media cetak seperti akhbar, majalah, jurnal, buku dan lain-lain. Seterusnya, bahan elektronik yang terdiri daripada

filem, drama, tv dan papan iklan. Analisis ini memerlukan bacaan secara mendalam terhadap bahan-bahan untuk dikaji tersebut.

Menurut Hsieh et.al (2007), mengatakan bahawa analisis dokumen ini merupakan salah satu metod kajian selain etnografi, teori yang berlandaskan, fenomenologi dan juga kajian sejarah yang diaplikasikan yang bertujuan untuk menganalisis data-data yang diperolehi dan juga temu bual yang dibuat dalam bentuk teks. Intahannya, terdapat pelbagai analisis dokumen yang dapat digunakan untuk kajian ini seperti teks, artikel, buku, visual atau video, temubual dan lain-lain.

3.3.2.1 Teks

Bil	Lagu	Pautan video <i>Youtube</i>	Tarikh layari
1	Chan mali chan	https://youtu.be/3EOCOlOHev A	23 Mac 2023
2	Bapaku pulang dari kota	https://youtu.be/_vm3I3fUqow	23 Mac 2023
3	Air pasang pagi	https://youtu.be/JPsclO0hGv8	2 April 2023
4	Rasa sayang	https://youtu.be/yA-a2iItgZo	2 April 2023
5	Ikan kekek makiloil iloi	https://youtu.be/4ZFuN5dEAEG	25 Mei 2023

6	Nenek si bongkok tiga	https://youtu.be/Dxe_03Lty2s	25 Mei 2023
7	Burung kakak tua	https://youtu.be/5iNjXJ2qq78	30 Mei 2023
8	Bangau oh bangau	https://youtu.be/y3yiWDS_suk	30 Mei 2023
9	Tanya sama pokok	https://youtu.be/esx-3DTAU-Q	9 Jun 2023
10	Tepuk amai-amai	https://youtu.be/Jt-avyNXwCI	9 Jun 2023

Jadual 3.1: Senarai lagu rakyat kanak-kanak animasi

Pengkaji menggunakan analisis teks iaitu lirik lagu sebagai bahan kajian untuk melengkapkan kajian ini. Jadual di atas ialah merupakan 10 buah lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan yang akan dikaji oleh pengkaji. Tujuan rujukan lirik lagu ini dilakukan ialah untuk meneliti maksud lagu tersebut dengan lebih terperinci. Oleh hal demikian, pengkaji memilih 10 buah lagu rakyat kanak-kanak tersebut sebagai salah satu rujukan dan panduan yang paling utama untuk melengkapkan kajian.

3.3.2.2 Artikel/Jurnal/Buku

Sumber bahan analisis dokumen bagi artikel, jurnal dan juga buku telah digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Hal ini demikian kerana, penggunaan bahan-bahan seperti artikel, jurnal dan juga buku merupakan salah satu hasil pencarian

yang memberi banyak rujukan dan sumber kepada pengumpulan data yang efisyen. Segala sumber rujukan dan bahan bacaan yang diperolehi untuk melengkapkan kajian ini berdasarkan kepada Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang membolehkan pengkaji untuk mengakses bahan tersebut hanya daripada internet. Secara tidak langsung, sumber carian melalui artikel, jurnal, buku dan laman sesawang ini memudahkan pengkaji untuk mengumpul maklumat yang terkini dengan lebih mendalam berkaitan dengan skop kajian pengkaji.

3.3.2.3 Visual/Video

Analisis visual atau video merupakan salah satu kunci untuk membuat keputusan yang lebih teliti dan tindakan yang relevan. Video ini merangkumi kepada empat aspek teknikal untuk pembikinan video iaitu visual, audio, animasi dan grafik.

Bil	Lagu	Tangkapan Skrin dan Pautan video <i>Youtube</i>
1	Chan mali chan Animasi lagu rakyat kanak-kanak Chan mali chan ini merupakan hasil daripada Aries Music Channel yang dikeluarkan pada 30 Mac 2015.	 https://youtu.be/3EOCOIOHevA

2	<p>Bapaku pulang dari kota</p> <p>Animasi lagu rakyat kanak-kanak bapaku pulang dari kota ini merupakan hasil daripada Lagu Kanak-kanak TV yang dikeluarkan pada 26 Mac 2017.</p>	 https://youtu.be/vm3I3fUqow8
3	<p>Air pasang pagi</p> <p>Animasi lagu rakyat kanak-kanak air pasang pagi ini merupakan hasil daripada <i>Aries Music Kids Channel</i> yang dikeluarkan pada 20 Julai 2022.</p>	 https://youtu.be/JPsclO0hGv8
4	<p>Rasa sayang</p> <p>Animasi lagu rakyat kanak-kanak rasa sayang ini merupakan hasil daripada Aries Music Kids Channel yang dikeluarkan pada 1 April 2015.</p>	 https://youtu.be/yA-a2iltgZo
5	<p>Ikan kekek mak iloi iloi</p> <p>Animasi lagu rakyat kanak-kanak ikan kekek mak iloi iloi ini merupakan hasil daripada Lagu Kanak-kanak TV yang dikeluarkan pada 23 Mei 2019.</p>	 https://youtu.be/4ZFuN5dEAEg

6	<p>Nenek si bongkok tiga</p> <p>Animasi lagu rakyat kanak-kanak nenek si bongkok tiga ini merupakan hasil daripada <i>Aries Music Kids Channel</i> yang dikeluarkan pada 30 Mac 2015.</p>	 <p>https://youtu.be/Dxe_03Lty2s</p>
7	<p>Burung kakak tua</p> <p>Animasi lagu rakyat kanak-kanak burung kakak tua ini merupakan hasil daripada Lagu Kanak-kanak TV yang dikeluarkan pada 18 November 2016.</p>	 <p>https://youtu.be/5iNjXJ2qq78</p>
8	<p>Bangau oh bangau</p> <p>Animasi lagu rakyat kanak-kanak bangau oh bangau ini merupakan hasil daripada <i>Les' Copaque</i> yang dikeluarkan pada 29 Januari 2020.</p>	 <p>https://youtu.be/y3yiWDS_suk</p>

KELANTAN

9	<p>Tanya sama pokok</p> <p>Animasi lagu rakyat kanak-kanak tanya sama pokok ini merupakan hasil daripada <i>Les' Copaque</i> yang dikeluarkan pada 26 November 2018.</p>	 https://youtu.be/esx-3DTAU-Q
10	<p>Tepuk amai-amai</p> <p>Animasi lagu rakyat kanak-kanak tepuk amai-amai ini merupakan hasil daripada <i>Aries Music Kids Channel</i> yang dikeluarkan pada 11 Oktober 2015.</p>	 https://youtu.be/Jt-avyNXwCI

Jadual 3.2: Senarai lagu rakyat kanak-kanak yang dianimasikan

Berdasarkan jadual di atas, pengkaji menggunakan visual atau video untuk dijadikan sebagai sumber bahan rujukan untuk kajian ini. Hal ini demikian kerana, salah satu objektif yang ingin dikaji untuk melengkapkan kajian ini.

3.3.3 Soal Selidik

Analisis temubual atau soal selidik ialah salah satu cara untuk mengumpul data-data responden untuk melengkapkan kajian. Menurut Abdul Rashid Moten (2018), beliau mengatakan bahawa kajian lapangan merupakan salah satu metode pengumpulan data merangkumi beberapa perkara yang perlu diambil kira untuk memastikan data berjaya diperolehi. Maka, dalam kajian ini sebahagian data yang diperolehi ialah merupakan data yang didapat daripada kajian lapangan. Metode kajian lapangan yang digunakan ialah soalselidik, temubual dan pemerhatian.

Maka, pengkaji menggunakan kaedah soal selidik sebagai salah satu cara untuk pengumpulan data-data responden. Tinjauan pemerhatian kepada generasi Z terhadap rasa kekitaan yang terdapat di dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi. Kaedah ini memfokuskan kepada data responden yang dikumpulkan melalui aplikasi *Google Forms* yang diperolehi daripada responden-responden daripada golongan generasi Z iaitu pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>	<i>N</i>	<i>S</i>
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3200	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4200	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	9000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	100000	384

Note — *N* is population size, *S* is sample size.

Source: Krejcie & Morgan, 1970

Jadual 3.3: Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970)

Berdasarkan pelan persampelan jadual dia atas, pengkaji menggunakan kaedah pengiraan penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Tujuan pelan persampelan ini ialah untuk mengira nisbah populasi dengan lebih mudah. Formula yang digunakan untuk menentukan nisbah ialah:

$$S = X^2NP(1 - P) + d^2(N - 1) + X^2P(1 - P)$$

Berdasarkan formula menurut Krejcie dan Morgan (1970) di atas, *S* itu merujuk kepada saiz sampel yang diperlukan. X^2 pula merujuk kepada nilai jadual yang diperlukan mengikut tahap keinginan. *N* pula merujuk kepada saiz populasi. *P* merujuk kepada bahagian populasi mengikut andaian maksimum saiz sampel iaitu 50 dan *D* pula merujuk kepada darjah ketepatan yang dinyatakan sebagai perkadarhan iaitu (05). Maka, berdasarkan kaedah tersebut, pengkaji akan mengumpul data dengan menggunakan saiz populasi 80

orang iaitu bersamaan dengan 66 orang responden yang terdiri daripada kalangan pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan 2020/2024.

3.4 Penerapan Teori

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2013), teori merupakan sebuah pendapat yang bercirikan pandangan yang tidak boleh dibuktikan secara kukuh yang dikemukakan untuk mengupas sesuatu perkara yang kebiasaannya mengenai kehidupan prasejarah.

3.4.1 Pengenalan Teori Model Rasa Insaniah

Penerapan teori di dalam hasil kajian ialah pengkaji akan mengkaji dan juga akan menghubungkait teori Model Rasa Insaniah yang dipelopori oleh Shamsuddin Othman. Teori Model Rasa Insaniah ini telah diperkenalkan oleh Shamsuddin Othman dalam sebuah kajian tesis sarjana beliau yang berjudul ‘Rasa Insaniah: Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Sekepal Tanah iaitu pada tahun 2000 yang bertempatkan di Universiti Malaya (UM). Seterusnya, teori ini dilanjutkan lagi dengan kajian eseи lain yang berjudul “Gapura Diri: Percakapan Nurani dari Sudut Rasa Insaniah”. Selain itu pula, kajian yang seterusnya ialah pada tahun 2012 iaitu tajuknya “Model Rasa Insaniah dalam Puisi Islam Tiga Penyair Nusantara” dan kajian yang lain-lain. Kajian yang dibincangkan tersebut adalah merupakan kajian yang dihasil oleh Shamsuddin Othman sendiri untuk memperkenalkan teori yang dikeluarkan oleh beliau.

Menurut Shamsuddin Othman (2009), Teori Model Rasa Insaniah ini merupakan satu pembaharuan dengan menambahbaikkan dan juga mengubahsuai antara tiga teori tempatan iaitu Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang, Teori Takmilah yang dipelopori oleh Shafie Abu Bakar dan juga Teori Rasa Fenomenologi yang dipelopori oleh Sohaimi Abdul Aziz. Teori ini diperkenalkan adalah bertujuan untuk berfikir secara

terperinci tentang pengalaman estetika insan yang bukanlah hanya terjadi secara semula jadi akan tetapi ianya dihasilkan daripada sesuatupengalaman, sama ada dialami oleh diri sendiri mahupun menerusi pembacaan yang terdiri daripada sudut fikiran. Rasa yang dimaksudkan ialah perasaan cinta, takwa, kasih sayang dan lain-lain. Teori Model Rasa Insaniah ini dibahagikan kepada tiga prinsip iaitu prinsip pengabdian kepada Allah, kehalusan makna dan pengucapan beradab. Maka, teori ini amat sesuai untuk dijadikan sebagai panduan untuk mengkaji pemupukan rasa kekitaan terhadap lagu rakyat kanak-kanak animasi kepada generasi Z.

3.4.1.1 Prinsip Pengabdian Kepada Allah

Menurut Shamsuddin Othman (2012), beliau menjelaskan bahawa prinsip pengabdian kepada Allah ini merupakan prinsip yang paling pertama dalam Teori yang diperkenalkan olehnya. Prinsip ini menyifatkan serahan diri yang mutlak kepada pencipta iaitu Allah SWT. Prinsip ini menyifatkan setiap perbuatan mempunyai pembalasan di mana sifat tawakal dan kepercayaan haruslah dipercayai oleh seseorang individu. Meskipun, pembalasan yang diperjelaskan ialah dari segi keinsafan yang dilihatkan yang ditonjolkan oleh individu. Impak positif dan negatif antara pembalasan yang akan dibahaskan.

3.4.1.2 Prinsip Pengucapan Beradab

Pengucapan beradab yang dikatakan oleh Shamsuddin Othman (2012) ini ialah mempunyai hubungkait antara komunikasi dengan komunikasi yang akan diutarakan dalam sesebuah karya teks yang boleh lihat dari segi gaya bahasa dan bahasa. Oleh hal yang demikian, pengkarya mestilah berwaspada dengan memilih bahasa yang akan digunakan supaya dapat menarik minat pembaca yang

membolehkan pengkarya tersebut menyampaikan mesej ajaran Islam yang tersirat dengan lebih jelas.


3.4.1.3 Prinsip Kehalusan Makna

Menurut Shamsuddin Othman (2012), kehalusan makna ini merupakan banyak persamaan dengan prinsip kedua iaitu pengucapan beradab yang menekankan bagaimana cara penyampaian teks yang beradab kepada pembaca. Namun demikian, prinsip kehalusan makna ini menitikberatkan kehalusan isi kandungan yang boleh memberi pengajaran dan rasa insaniah kepada pembaca. Beliau juga menekankan bahawa kehalusan ini merupakan salah satu tertib yang perlu dipatuhi mengikut peraturan-peratuean yang sudah diaturkan dalam masyarakat supaya masyarakat lebih berhati-hati sebelum melakukan sesuatu perkara.

3.4.2 Kaedah Analisis

Berdasarkan penerangan dan penjelasan yang telah dilakukan oleh pengkaji mengenai teori Model Rasa Insaniah, ianya dapat disimpulkan bahawa teori ini merupakan sebuah teori yang berkonsepkan keislaman. Maka, dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan ketiga-tiga prinsip pengabdian kepada Allah, kehalusan makna dan pengucapan beradab. Pengkaji akan mengaitkan kesemua prinsip tersebut dan akan mengaplikasikan kepada 10 buah lagu rakyat kanak-kanak animasi. Dengan adanya prinsip ini, pengkaji dapat mengukuhkan lagi penyataan dan kajian tentang pemupukan rasa kekitaan lagu rakyat kanak-kanak animasi kepada generasi Z dengan lebih mendalam lagi. Oleh hal yang demikian, penilitian ini boleh membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan lebih sistematik mengenai teori ini.

3.4.3 Kerangka Konsep Kajian



Rajah 3.1 Kerangka Teori

Sumber: Siti Nadia Balqis Binti Arifin (2023)

3.5 Penutup

Secara tuntasnya, kajian tentang pemupukan rasa kekitaan melalui lagu rakyat kanak-kanak animasi kepada generasi z melalui analisis teori model rasa insaniah ini bersesuan untuk menggunakan kaedah campuran (*mix method*) iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah tersebut merangkumi kepada analisis dokumen, kaedah kepustakaan, soal selidik dan lain-lain.

Di samping itu, bagi menghasilkan kajian ini, Teori Model Rasa Insaniah akan digunakan sebagai bahan rujukan yang berkonsepkan kerangka analisis. Hal ini demikian kerana, ianya mengekspolarasi jiwa kepenggarangan dan kreativiti seseorang pengkarya itu sendiri yang dapat menikmati keindahan dalam teks yang menjadi tunjang kepada kekuatan karya tersebut. Teori Model Rasa Insaniah ini diperlihatkan dari sudut ajaran agama Islam dan juga falsafahnya untuk memaklumkan nilai sesebuah karya sebagai nilai utama yang berpaksikan rasa insaniah yang boleh didapati dengan penggunaan akal, budi, cinta, rindu, taubat dan lain-lain. Jelaslah bahawa, metodologi kajian ini memberikan impak yang positif kepada penghasilan kajian yang baik dan segala maklumat dan bahan pencarian yang dikemukakan adalah tepat serta dan juga boleh dipercayai.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Pada bahagian analisis dan dapatan kajian ini pada bab empat ini, terdapat beberapa aspek yang akan dikupas hasil daripada kajian ini. Hal ini demikian kerana, dapatan kajian memainkan peranan yang penting untuk menunjukkan hasil kajian yang dikaji mengikut objektif kajian. Dalam dapatan kajian ini, hasil daripada dapatan ini menunjukkan hasil yang diperolehi daripada sesuatu kajian atau penyelidikan. Ianya mencangkumi pelbagai maklumat dan juga data yang terhasil daripada kaedah penyelidikan untuk menjawab soalan penyelidikan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah tinjauan soal selidik untuk mendapatkan maklumat responden melalui dalam talian iaitu juga dikenali sebagai *Google Forms*. Dapatan kajian ini merupakan satu asas untuk mendapatkan kesimpulan dan juga untuk meningkatkan pengetahuan dalam sesuatu kajian.

Pada bab empat ini juga merupakan satu bahagian dimana bahagian ini akan membincangkan tentang analisis yang terdapat dalam objektif kajian. Antara objektif kajian yang akan dikaji yang telah dikemukakan pada bab yang sebelum ini iaitu bab satu (i) ialah:

1. Mengenalpasti konsep kekitaan dan jenis lagu rakyat kanak-kanak animasi.
2. Menganalisis konsep kekitaan yang terdapat dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi

menggunakan Teori Model Rasa Insaniah.

3. Menghuraikan cara rasa kekitaan ditimbulkan melalui lagu rakyat kanak-kanak animasi.

Pada bab empat (4) ini, pengkaji akan mengulaskan dengan lebih terperinci dapatan kajian yang didapati menggunakan kaedah kualitatif di mana kaedah ini boleh menerusi memlalui pembacaan sumber ilmiah, kajian-kajian yang lepas dan juga kaedah soal selidik di dalam taluan yang telah menyasarkan kepada pelajar Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan. Maka, bagi menyempurnakan kajian ini, teori yang digunakan ialah teori Model rasa Insaniah yang akan diaplikasikan di dalam proses menganalisis kajian. Prinsip yang terdapat dalam Teori tersebut akan digunakan untuk melengkapkan kajian ini.

Selain itu, pengkaji akan menerangkan tentang konsep kekitaan menerusi enam teras yang terdapat dalam konsep Malaysia Madani yang mewujudkan rasa kekitaan tersebut dan akan mengaplikasikan prinsip yang terdapat dalam teori Model Rasa Insaniah. Bertitik tolak daripada itu juga, dalam bab empat (4) ini juga, pengkaji akan menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai 10 buah lagu rakyat kanak-kanak yang dianimasikan yang terpilih untuk melengkapkan kajian ini. Lagu-lagu tersebut merupakan lagu nostalgia zaman kanak-kanak yang telah dianimasikan kepada kartun 2D. Lagu yang terpilih membawa maksud yang tersurat dan tersirat yang tersendiri.

4.2 Mengenalpasti konsep kekitaan dan jenis lagu rakyat kanak-kanak animasi

4.2.1 Konsep Kekitaan

Kajian ini akan mengkaji tentang rasa kekitaan menggunakan enam teras yang terdapat dalam Konsep Malaysia Madani. Konsep Malaysia Madani ini diwujudkan dan diusulkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang ke-10 iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim. Beliau merupakan perdana menteri yang dilantik setelah mendapat perkenan Yang di-pertuaan Agong, Al-Sultan Abdullah setelah mendapatkan majoriti sokongan daripada Ahli-Ahli Dewan Rakyat pada 24 November 2022 sehingga kini. Menurut Rahimah Abdullah (2023) yang merupakan seorang wartawan berkata, Dato' Seri Anwar Ibrahim mengangkat Malaysia Madani untuk mengharumkan semula nama Malaysia di persada dunia. Beliau juga menaruh keyakinan dan harapan yang tinggi supaya Malaysia boleh diangkat semula sebagai negara yang semakin kuat dan kukuh. Beliau tidak mahu nama Malaysia tercemar dengan pelbagai skandal, permasalahan dan juga pertelingkahan antara satu sama lain terutamanya kaum dan juga agama.

Konsep Malaysia Madani merupakan satu pendekatan untuk menunjukkan sesebuah masyarakat Malaysia yang diidentitikan sebagai nilai Islam dalam masa yang sama untuk mengekalkan prinsip keterbukaan, pluralisme dan juga keterangkuman masyarakat sejagat. Hasrat untuk membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara yang bertamadun merupakan salah satu konsep ini. Hal ini dikatakan kerana, adanya masyarakat yang menghayati antara nilai-nilai Islam dan pada masa yang sama menghormati kepelbagaiannya budaya, agama dan

juga etnik sesebuah kaum. Slogan “Malaysia Madani” juga membawa maksud masyarakat di Malaysia haruslah bersatu-padu dan bergaul dengan baik. Perkara ini penting kerana bagi manusia, haruslah melayan satu sama lain secara baik, adil dan jujur. Menurut Mazlan Che Soh (2019), beliau mengatakan bahawa konsep dan istilah masyarakat madani boleh didapati dengan kembalinya pendominasian perdebatan dalam wacana sains politik semasa peristiwa yang tercetusnya gelombang penentangan dikalangan rakyat kepada pihak autoriti yang secara khususnya di negara komunis iaitu di Eropah timur pada tahun 70an. Selain itu, sebagai rakyat Malaysia, kita juga mestilah mengambil berat tentang keadaan sekeliling supaya kesejahteraan dan hak setiap orang dihormati. Maka, gagasan ini diwujudkan sebagai satu usaha untuk mengumpulkan masyarakat yang berbeza di Malaysia ini dari segi politik, masyarakat dan juga ekonomi.

Dalam nada yang lain, idea ini juga merupakan idea yang bermakna untuk memastikan akidah Islam dihormati dalam pertumbuhan negara dan juga untuk mengekalkan hak dan kebebasan rakyat dilindungi oleh Perlembagaan Malaysia. Konsep “Malaysia Madani” diwujudkan adalah untuk masyarakat sering bergaul demi mencapai keharmonian. Maka, Madani merupakan kesatuan gaya Malaysia yang menghubungkan jalinan amalan yang tersedia dengan cara yang baru yang dibuat khas untuk menangani isu-isu baru yang tidak ada kepastian. Enam nilai teras MADANI dijadikan sebagai satu kerangka yang dasar dan juga falsafah yang berhubung kait dan bersepadan untuk menguatkan nilai-nilai yang lain. Misi bagi konsep ini ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang lebih makmur dan maju yang berunusrkan enam nilai MADANI

menerusi kepercayaan kepada kerajaan dengan rakyat, dasar kejujuran dan juga kerjasama. Manakala bagi visi pulak ialah untuk menjadikan masa hadapan negara Malaysia dengan segala potensi yang sedia ada yang seiring dengan perubahan zaman yang mengubah dunia dan bercita-cita untuk mengemudi Malaysia dalam zaman pasca normal yang serba rumit melalui laras bahasa, konsep dan budaya kearifan tempatan. Justeru, Choen dan Arato (1994) mengatakan bahawa masyarakat yang madani merupakan salah satu lingkungan sosial yang telah lama wujud di antara dua pasaran iaitu sektor swasta dan perniagaan dan kerajaan iaitu pemerintah.

Oleh hal yang demikian, enam nilai teras Madani yang akan digunakan untuk melengkapkan kajian ini mempunyai maksud dan peranan yang tersendiri yang berhubungkait dengan bagaimana rasa kekitaan seseorang manusia tersebut. Antaranya ialah:

- i) Kemampunan
- ii) Kesejahteraan
- iii) Daya Cipta
- iv) Hormat
- v) Keyakinan
- vi) Ihsan

Maka, kesetiap nilai-nilai ini menggambarkan maksud yang berlainan untuk mewujudkan rasa kekitaan yang dapat dilihat dalam diri seseorang. Antaranya ialah:

4.2.1.1 Kemampanan

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2013), perkataan kemampanan tidak terdapat di dalam Dewan Bahasa dan Pustaka. Namun, perkataan ini juga digunakan dari erti kata lain iaitu kelestarian. Hal ini dikatakan kerana, ia membawa maksud yang sama iaitu suatu proses untuk mengekalkan perubahan dengan cara yang seimbang. Menurut Fadi Kotob (2011), beliau mengatakan bahawa kemampanan sering didengari dan istilah ini telah wujud sejak lama lagi iaitu semenjak dari tahun 1650an yang terdapat dalam perkataan Jerman Nachhaltigkeit. Menurut Matthew Cohen (2017) pula, kemampanan secara umumnya, ialah perkara yang ingin dicapai oleh setiap individu, keluarga dan komuniti itu sendiri. Maka, dalam konsep nilai teras Malaysia Madani, kemampanan ini dikatakan sebagai satu mutu hidup yang seimbang berdasarkan rasa Malaysia yang unik yang berasaskan sebuah ilmu pengetahuan dan juga kearifan tempatan.

4.2.1.2 Kesejahteraan

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2013), kesejahteraan membawa maksud keselamatan dan kesenangan yang boleh didapati oleh benda yang hidup. Menurut Agung Eko Purwana (2014) beliau berkata dalam perspektif ekonomi Islam, kesejahteraan diwujudkan apabila ekonomi Islam yang telah menjadi sebahagian daripada keseluruhan ajaran Islam yang tidak hanya mengikuti peraturan malahan apabila memberikan jaminan. Hal ini dikatakan kerana, kesejahteraan

dalam bidang ekonomi boleh diperkuatkan dengan kesejahteraan dalam bidang lain yang bertujuan untuk saling memperkuatkan. Menurut Amelia (2018), beliau mengatakan kesejahteraan memiliki hak untuk hidup sejahtera, yang diisikan dengan peribadi asas diri seperti spiritual, dan sosial untuk mendapatkan kehidupan yang baik dan mampu untuk membanggakan diri dan mampu untuk berkhidmat pada organisasi sosial. Travers & Richardson (1997) pula mengakatakan kesejahteraan ini salah satu konsep yang digunakan untuk menilai situasi dan keadaan kehidupan individu. Maka, bagi konsep nilai teras Malaysia Madani ini membawa maksud kesejahteraan dari segi ekonomi, sosial dan kelestarian alam menerusi budaya ilmu dan kepelbagaian dari segi pandangan masyarakat.

Kesejahteraan juga merupakan keadaan di mana keperluan dasar bagi individu atau kelompok itu dapat dipenuhi seperti keperluan makanan, pendidikan, kesihatan, dan jaminan daripada bencana kehidupan. Badawi (1986). Dalam pada itu juga, Veenhoven (2004) pula mendefinikasikan kesejahteraan ialah kualiti hidup yang boleh dikur menerusi *United Nation for Development Program* (UNDP).

4.2.1.3 Daya Cipta

Daya cipta mengikut konsep nilai teras Malaysia Madani ialah pembaharuan dan juga keupayaan modal insan untuk mewujudkan daya cipta manusia. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2013), daya cipta bermaksud keupayaan atau

kebolehan untuk mencipta sesuatu. Menurut Torrence (1974), daya cipta merupakan salah satu proses yang memerlukan kefokusan individu terhadap masalah, kekurangan pengetahuan, unsur-unsur yang telah hilang, ketidakharmonian dan sebagainya. Hal ini demikian kerana, ianya untuk mengenalpasti perkara yang susah untuk mencari penyelesaian atau hipotesis kekurangan tersebut. Menurut Muhammad Abdul Kadir (2001), Hak Kekayaan Intelektual (HKI) juga mengatakan bahawa benda tidak akan wujud daripada hasil kegiatan daya cipta manusia yang diungkapkan ke dalam suatu bentuk ciptaan atau penemuan tertentu.

4.2.1.4 Hormat

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2013), hormat membawa maksud pandangan yang tinggi terhadap seseorang dengan memberikan layanan yang sopan dan khidmat yang baik seperti melayan tetamu dengan baik. Menurut Fatimah Ali (2007) mengatakan, orang yang mempunyai akhlak yang berdisiplin tidak akan mengalami masalah sosial. Hal ini dikatakan kerana, mereka akan berkelakuan baik dan menghormati atau tidak mengganggu orang lain. Maka, hormat mengikut konsep nilai teras Malaysia Madani ialah sebuah tingkah laku budi bahasa yang mempunyai kekayaan tradisi, merayakan sesuatu kemajmukan dan juga meraikan perbezaan pandangan dunia. Menurut Abdul Wahid (1992) beliau mentakrifkan hormat ialah dengan memberi salam atau mengucapkan salam ataupun kata-kata baik apabila bertemu guru untuk menandakan menghormati guru. Abdur Rehman

(1982) juga berpendapat bahawa perlunya ucapan salam yang menunjukkan rasa hormat dizahirkan terutamanya dari golongan muda kepada golongan tua. Perkara ini amat berkait rapat dengan akhlak muslim yang baik.

4.2.1.5 Keyakinan

Keyakinan mengikut konsep nilai teras Malaysia Madani ialah keyakinan merupakan pengaktifan harapan terhadap sesatu perubahan yang selari dengan sikap amanah yang melakukan perubahan ke arah kebaikan. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2013), keyakinan membawa maksud perihal yakin atau kepercayaan yang bersungguh-sungguh. Menurut Bandura (1986), beliau mengatakan bahawa keyakinan diri adalah merupakan suatu tanggapan tentang kemampuan seseorang itu untuk mengorganisasi dan mengimplementasi tindakan untuk menterjemahkan sesuatu perkara. Menurut Candra (1994), beliau mengatakan bahawa keyakinan ini berhubungkait dengan masalah aktiviti yang boleh membuatkan rasa percaya akan diri sendiri dan juga memiliki kesabaran yang tinggi. Nuzulia (2010) pula berpendapat bahawa keyakinan diri merupakan sebuah kepercayaan yang dimiliki oleh seseorang tentang kemampuan dan juga ketidakmampuan yang dimiliki untuk memunjukkan suatu perbuatan atau kelompok perbuatan yang tertentu.

4.2.1.6 Ihsan

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2013), beribadat kepada Allah SWT dan menyedari bahawa seseorang individu itu sedang berhadapan dengan Allah yang

sentiasa melihatnya. Menurut Sharifah Nur Abu (2022), beliau mendefinisikan ihsan bahawa tindakan individu untuk melakukan amalan dan juga kebaikan kerana menyedari bahawa setiap pergerakan kita diperhatikan oleh Allah dan berharap untuk mendapat balasan yang baik daripada Allah. Ihsan mengikut konsep nilai teras Malaysia Madani pula ialah belas ihsan akan nasib kepada semua pihak melalui tindakan pemberdayaan manusia. Menurut Alvin Qodri Lazuady et al. (2022), ihsan bukanlah hanya sekadar menyenangkan hati orang lain, atau berbuat baik pada satu sama lain, malahan ihsan itu juga ialah berkelakuan baik tanpa disertai rasa ingin dipuji, dihargai, kagumi, atau dihormati.

4.2.2 Jenis Lagu Rakyat Kanak-kanak Animasi

Pada bahagian ini, kajian ini merangkumi 10 buah lagu rakyat kanak-kanak animasi yang telah dianimasikan oleh pelbagai produksi. Platform yang digunakan untuk menyebarluaskan lagu rakyat kanak-kanak ini ialah menggunakan platform *Youtube*. Hal ini kerana, rakaman video animasi yang dihasilkan mempunyai audio dan visual yang menarik dan *Youtube* adalah platform yang sesuai untuk dimuat naik.

Maka, bagi melengkapkan hasil kajian ini, pengkaji telah memilih 10 buah lagu rakyat kanak-kanak animasi yang mempunyai maksud tersurat dan juga tersirat yang baik untuk dikaji. Justeru, berikut merupakan senarai lagu rakyat kanak-kanak animasi terpilih dalam bentuk jadual.

Bil	Lagu dan Deskripsi lagu	Tangkapan Skrin dan Pautan video <i>Youtube</i>	Lirik lagu
1	Chan mali chan Animasi lagu rakyat kanak-kanak Chan mali chan ini merupakan hasil daripada Aries Music Channel yang dikeluarkan pada 30 Mac 2015.	 https://youtu.be/3EOCQIOHevA	<p>Di mana dia anak kambing saya Anak kambing saya Yang makan daun talas Di mana dia buah hati saya Buah hati saya Bagai telur dikupas</p> <p>Chan mali chan hoi! Hoi! Chan mali chan hoi! Hoi! Chan mali chan ketipung payung Chan mali chan hoi! Hoi! Chan mali chan hoi! Hoi! Chan mali chan ketipung payung</p> <p>Di mana dia anak kambing saya Anak kambing saya Di mana dia buah hati saya Buah hati saya Bagai telur dikupas</p> <p>Chan mali chan hoi! Hoi! Chan mali chan hoi! Hoi! Chan mali chan ketipung payung Chan mali chan hoi! Hoi! Chan mali chan hoi! Hoi! Chan mali chan ketipung payung</p>
2	Bapaku pulang dari kota Animasi lagu rakyat kanak-kanak bapaku pulang dari kota ini	 https://youtu.be/vm3	<p>Bapaku pulang dari kota Bapaku belikan kereta Kereta kecil warna merah Boleh ku bawa ke sekolah</p> <p>Ponponponponponponponponponpon</p>

	<p>merupakan hasil daripada Lagu Kanak-kanak TV yang dikeluarkan pada 26 Mac 2017.</p>	<u>13fUqow</u>	<p>Kereta kecil ku berbunyi Marilah adik mari naik Boleh ku bawa ke jumpa nenek</p> <p>Bapaku pulang dari kota Bapaku belikan kereta Kereta kecil warna merah Boleh ku bawa ke sekolah</p> <p>Ponponponponponponponpon</p> <p>Kereta kecil ku berbunyi Marilah adik mari naik Boleh ku bawa ke jumpa nenek</p>
3	<p>Air pasang pagi</p> <p>Animasi lagu rakyat kanak- kanak air pasang pagi ini merupakan hasil daripada Aries Music Kids Channel yang dikeluarkan pada 20 Julai 2022.</p>	 <u>https://youtu.be/JPscl00hGv8</u>	<p>Air pasang pagi surut pukul lima Bangun pagi pagi siram pokok bunga Pokok bunga melur tanam tepi batas Itik dah bertelur ayam dah menetas</p> <p>Cik baba jatuh dalam parit Cik hamimah ketawa jerit-jerit Naik kereta api pergi Kuala Lumpur Dapat isteri cantik terperuk bawah dapur</p> <p>Air pasang pagi surut pukul lima Bangun pagi pagi siram pokok bunga Pokok bunga melur tanam tepi batas Itik dah bertelur ayam dah menetas</p>

			Cik baba jatuh dalam parit Cik hamimah ketawa jerit-jerit Naik kereta api pergi Kuala Lumpur Dapat isteri cantik terperuk bawah dapur
4	Rasa sayang Animasi lagu rakyat kanak- kanak rasa sayang ini merupakan hasil daripada Aries Music Kids Channel yang dikeluarkan pada 1 April 2015.	 https://youtu.be/yAa2iltgZo	Rasa sayang hey Rasa sayang sayang hey Hey lihat nona jauh Rasa sayang sayang hey Rasa sayang hey Rasa sayang sayang hey Hey lihat nona jauh Rasa sayang sayang hey Buah cempedak diluar pagar Ambil galah tolong jolokkan Kami murid baru belajar Kalau salah tolong tunjukkan Rasa sayang hey Rasa sayang sayang hey Hey lihat nona jauh Rasa sayang sayang hey
5	Ikan kekek mak iloi- iloi Animasi lagu rakyat kanak- kanak ikan kekek mak iloi iloi ini merupakan hasil daripada Lagu	 https://youtu.be/4ZFuN5dEAEg	Ikan kekek mak iloi iloi Ikan gelama mak ilai ilai Nanti adik mak iloi iloi Pulang bersama mak ilai ilai Tenang-tenang air dilaut Sampan golek mudik ke tanjung Hati terkenang mulut menyebut Budi yang baik rasa dijunjung Ikan kekek mak iloi iloi

	Kanak-kanak TV yang dikeluarkan pada 23 Mei 2019.		Ikan gelama mak ilai ilai Nanti adik mak iloi iloi Pulang bersama mak ilai ilai Dari mana burung melayang Dari paya turun ke padi Dari mana datangnya sayang Dari mata turun ke hati Ikan kekek mak iloi iloi Ikan gelama mak ilai ilai Nanti adik mak iloi iloi Pulang bersama mak ilai ilai
6	Nenek si bongkok tiga Animasi lagu rakyat kanak- kanak nenek si bongkok tiga ini merupakan hasil daripada Aries Music Kids Channel yang dikeluarkan pada 30 Mac 2015.	 https://youtu.be/Dxe03Lty2s	Nenek nenek si bongkok tiga Siang malam asyik berjaga Mencari cucu dimana ada Nenek ku kawin dengan anak raja Cucu cucu tak dapat lari Nenek tua banyak sakti Sekarang nenek nak cari ganti Siapa kena dia yang jadi Nenek nenek si bongkok tiga Siang malam asyik berjaga Mencari cucu dimana ada Nenek ku kawin dengan anak raja Cucu cucu tak dapat lari Nenek tua banyak sakti Sekarang nenek nak cari ganti Siapa kena dia yang jadi
7	Burung kakak tua Animasi lagu rakyat kanak- kanak burung	 https://youtu.be/5iNjX	Burung kakak tua Hinggap dijendela Nenek sudah tua Giginya tinggal dua Letcum letcum hu la la

	kakak tua ini merupakan hasil daripada Lagu Kanak-kanak TV yang dikeluarkan pada 18 November 2016.	J2qq78	Letcum letcum hu la la Letcum letcum hu la la Burung kakak tua Burung kakak tua Hinggap dijendela Nenek sudah tua Giginya tinggal dua Letcum letcum hu la la Letcum letcum hu la la Letcum letcum hu la la Burung kakak tua
8	Bangau oh bangau Animasi lagu rakyat kanak- kanak bangau oh bangau ini merupakan hasil daripada Les' Copaque yang dikeluarkan pada 29 Januari 2020.	 https://youtu.be/y3yiWDS_suk	Bangau oh bangau Kenapa engkau kurus Macam mana aku tak kurus Ikan taknak timbul Ikan taknak timbul Ikan oh ikan Kenapa engkau kau tak timbul Macam mana aku nak timbul Rumput panjang sangat Rumput panjang sangat Rumput oh rumput Kenapa panjang sangat Macam mana aku tak panjang Kerbau tak makan aku Kerbau tak makan aku Kerbau oh kerbau Kenapa tak makan rumput Macammana alu tak makan Perut aku sakit Perut aku sakit Perut oh perut engkau sakit Macammana aku tak sakit Makan nasi mentah

			<p>Makan nasi mentah</p> <p>Nasi oh nasi Kenapa engkau mentah Macam mana aku tak mentah Kayu api basah Kayu api basah</p> <p>Kayu oh kayu Kenapa engkau basah Macam mana aku tak basah Hujan yang timpa aku Hujan yang timpa aku</p> <p>Hujan oh hujan Kenapa timpa kayu Macam mana aku tak timpa Katak panggil aku Katak panggil aku</p> <p>Katak oh katak Kenapa panggil hujan Macam mana aku tak panggil Ular nak makan aku Ular nak makan aku</p> <p>Ular oh ular Kenapa nak makan katak Macam mana aku tak makan Memang makanan aku Memang makanan aku</p>
9	<p>Tanya sama pokok</p> <p>Animasi lagu rakyat kanak-kanak tanya sama pokok ini merupakan hasil</p>	 <p>https://youtu.be/esx-3DTAU-Q</p>	<p>Tanya sama pokok</p> <p>Apa sebab goyang Nanti jawab pokok Angin yang goncang</p> <p>Uuuuuuuu Waaaaaaa La la la la la</p> <p>Tanya sama pokok, Apa sebab goyang</p>

	<p>daripada Les’ Copaque yang dikeluarkan pada 26 November 2018.</p>		<p>Nanti jawab pokok Angin yang goncang Tanya sama angin Apa sebab hujan Nanti jawab angin Tanyalah awan Awan nanti kata Aku kandung air Sampai tempat sejuk Aku pun cair Lihat dalam air nampak bayang-bayang Campak satu batu bayangpun hilang Lihat dalam air nampak bayang-bayang Campak satu batu bayang pun hilang</p>
10	<p>Tepuk amai-amai Animasi lagu rakyat kanak- kanak tepuk amai-amai ini merupakan hasil daripada Aries Music Kids Channel yang dikeluarkan pada 11 Oktober 2015.</p>	 <p>https://youtu.be/JtavyNXwCI</p>	<p>Tepuk amai-amai Belalang kupu-kupu Tepuk ramai-ramai Emak upah susu Susu lemak manis Santan kelapa muda Adik jangan menangis Emak ada kerja Tepuk amai-amai Belalang kupu-kupu Tepuk ramai-ramai Emak upah susu Susu lemak manis Santan kelapa muda Adik jangan menangis Emak ada kerja</p>

Jadual 4.1: Senarai lagu rakyat kanak-kanak yang dianimasikan

4.2.2.1 Sinopsis Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi Terpilih

Seperti yang sudah diketahui, setiap bait-bait lirik lagu yang terdapat di dalam Lagu Rakyat Kanak-Kanak yang tersenarai ini adalah semestinya terdapat maksud yang boleh diadikan sebagai salah satu medium untuk menyampaikan sesuatu pesanan. Maka, kajian ini berpandukan kepada lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan sebagai bahan untuk melengkapkan kajian. Justeru itu, Lagu rakyat kanak-kanak animasi yang terpilih ini mempunyai lirik yang bermakna dan berbeza dari segi maksud yang ingin disampaikan.

4.2.2.1.1 Lagu Chan Mali Chan

Lagu rakyat yang terpilih yang pertama yang dipilih ialah lagu Chan Mali Chan. Video lagu yang dianimasikan ini telah dikeluarkan pada 30 Mac 2015 oleh *Aries Music Channel*. Lagu Chan Mali Chan ini merupakan salah satu lagu rakyat yang tidak hanya popular di Malaysia. Malahan, di negara Asia Tenggara yang lain seperti Indonesia dan Singapura. Di Indonesia, lagu rakyat ini mempunyai tajuk lagu yang lain iaitu ‘Anak Kambing Saya’ yang dipopularkan oleh Saridjah Niung yang merupakan seorang ahli muzik. Maka, lagu Chan Mali Chan ini membawa maksud kasih sayang terhadap pasangannya. Hal ini dikatakan kerana, penulis lirik ini mahu memberitahukan bahawa beliau mencari di mana buah hatinya kerana tidak kelihatan di depan mata. Selain itu, penggunaan bahasa yang digunakan oleh penulis lirik ialah menggunakan bahasa kiasan iaitu “bagai telur dikupas”.

Maksud bagi bahasa kiasan tersebut ialah seorang wanita yang mempunyai wajah yang cantik, kulit pipi yang putih, licin dan juga bersih yang tiada cacat celanya. Maka, penulis lirik tersebut mahu mengatakan bahawa beliau mempunyai pasangan yang cantik.

4.2.2.2 Lagu Bapaku Pulang dari Kota

Lagu rakyat yang terplilih yang seterusnya ialah lagu Bapaku Pulang dari Kota. Video lagu yang dianimasikan ini telah dikeluarkan pada 26 Mac 2017 oleh *Lagu Kanak-Kanak TV*. Lagu ini mengisahkan tentang seorang ayah membeli kereta baru yang bewarna merah. Kereta kecil yang dikatakan dalam lirik lagu tersebut mungkin merujuk kepada kereta yang bersaiz kecil dan berwarna merah. Selepas membeli kereta tersebut, ayah mengajak anaknya untuk naik kereta bersama-sama untuk menziarahi nenek yang berada di kampung. Maka, mesej yang ingin disampaikan oleh penulis lirik lagu ini ialah sifat kasih sayang terhadap keluarga.

4.2.2.3 Lagu Air Pasang Pagi

Lagu rakyat kanak-kanak yang seterusnya ialah lagu Air Pasang Pagi. Video lagu yang dianimasikan ini telah dikeluarkan oleh *Aries Music Kids Channel* pada 20 Julai 2022. Pada rangkap pertama, lagu ini mengisahkan tentang seorang nyonya yang memulakan hari sehariannya dengan menyiram pokok-pokok bunga. Justeru, rangkap tersebut membawa maksud seorang yang rajin kerana memulakan harinya pada waktu pagi. Masyarakat pada zaman kini

tidak gemar untuk memulakan pagi mereka dengan terlalu awal dan lebih memilih untuk bangun lewat. Kemudian pada rangkap seterusnya ialah mengenai Cik Baba jatuh dalam parit. Baris ini pula mendeskripsikan tentang gelagat bangsa kita. Hal ini dikatakan kerana, bangsa kita sering ketawa apabila melihat bangsa sendiri ditimpa masalah seperti jatuh, melakukan perkara yang seperti sebuah seumpamaan yang berbunyi ‘hanya mencawat ekor apabila dekat serta menyalak kuat apabila jatuh’. Sehubungan dengan itu, lagu Air Pasang Pagi ini sedikit sebanyak telah memberi pengajaran kepada masyarakat bahawa kita mestilah sentiasa tolong-menolong orang yang dalam kesusahan tidak mengira bangsa.

4.2.2.4 Lagu Rasa Sayang

Seterusnya ialah lagu Rasa Sayang. Video lagu yang dianimasikan ini telah dikeluarkan oleh *Aries Music Kids Channel* pada 1 April 2015. Lagu rasa sayang ini juga merupakan lagu yang berbahasa Melayu yang popular di Malaysia, Singapura, Brunei dan juga Indonesia. Ada pendapat juga yang mengatakan lagu ini juga berasal dari negara jiran sebelah iaitu Maluku, Indonesia. Namun, lagu ini telah diolah kepada lagu rakyat kanak-kanak. Pada rangkap ketiga, lagu ini mengisahkan tentang sikap saling membantu apabila seseorang itu tidak tahu akan perkara tersebut. Selain itu, lagu ini juga mengisahkan tentang pesanan untuk memberikan kasih sayang antara satu sama lain.

4.2.2.5 Lagu Ikan Kekek Mak Iloi Iloi

Lagu rakyat yang terpilih yang seterusnya pula ialah lagu Ikan Kekek Mak Iloi-Iloi. Video lagu yang dianimasikan ini telah dikeluarkan pada 23 Mei 2019 oleh *Lagu Kanak-Kanak TV*. Lagu ini pula mengisahkan budi dan kasih sayang yang terdapat dalam diri setiap individu. Pada rangkap kedua lagu ini, maksud yang ingin disampaikan pada lirik tersebut ialah kita mestilah menjalani apa jua rintangan hidup tidak mengira masalah yang mendatang sehingga masyarakat luar pandang kita dengan hormat yang tinggi. Hal ini dikatakan kerana, apabila seseorang itu memounyai jasa yang baik, masyarakat akan meyanjungi dan akan mengenang semua kebaikan yang dibuatnya. Pada rangkap keempat pula mengisahkan tentang perasaan cinta yang berputik apabila melihat pasangannya yang kali pertama bertemu.

4.2.2.6 Lagu Nenek Si Bongkok Tiga

Di samping itu, sinopsis lagu rakyat kanak-kanak yang terpilih yang seterusnya ialah Nenek Si Bongkok Tiga. Video lagu yang dianimasikan ini telah dikeluarkan pada 30 Mac 2015 oleh *Aries Music Kids Channel*. Lagu Nenek Si Bongkok Tiga ini mempunyai banyak tanggapan tang diantaranya ialah tanggapan mistik oleh kerana liriknya. Namun, lagu ini telah digunakan oleh kanak-kanak ketika bermain pada zaman dahulu. Justeru itu, lagu ini mengisahkan tentang keyakinan nenek tersebut akan kehidupannya. Hal ini

kerana, penulis lirik ini mengatakan nenek tersebut mempunyai banyak sakti dan juga berkahwin dengan anak raja.

4.2.2.7 Lagu Burung Kakak Tua

Sinopsis lagu rakyat kanak-kanak yang terpilih yang lain pula ialah Burung Kakak Tua. Video lagu yang dianimasikan ini telah dikeluarkan pada 18 November 2016 oleh *Lagu Kanak-Kanak TV*. Lagu ini menceritakan tentang seekor burung kakatua yang hinggap di jendela. Justeru itu, lagu ini menunjukkan suasana gembira yang dijadikan sebagai satu pesanan kepada masyarakat bahawa perlu sentiasa bersyukur akan kehidupan.

4.2.2.8 Lagu Bangau Oh Bangau

Bagi lirik lagu Bangau Oh Bangau ini pula, video lagu yang dianimasikan ini telah dikeluarkan pada 29 Januari 2020 oleh *Les' Copaque*. Pengkaji mendapati bahawa lagu ini mengajar kanak-kanak untuk belajar mencari punca sesuatu masalah dan juga isu. Hal ini dikatakan kerana, lagu ini mempunyai *sequence* atau urutan sesuatu perkara sambil diselang-selikan dengan nasihat-nasihat yang ingin disampaikan. Lagu ini juga merupakan sebuah ekosistem yang penuh dengan pelbagai jenis spesies yang melaksanakan tugas yang tersendiri bagi memastikan ekosistem menjadi seimbang. Seperti contoh, bangau perlu makan ikan untuk meneruskan kehidupannya.

4.2.2.9 Lagu Tanya Sama Pokok

Sinopsis lagu rakyat kanak-kanak yang terpilih yang lain pula ialah Tanya Sama Pokok. Video lagu yang dianimasikan ini telah dikeluarkan pada 26 November 2018 oleh *Les' Copaque*. Asal usul bagi lagu ini ialah rentak lagu Tanya Sama Pokok ini dicipta oleh P.Ramlee di dalam filem Anakku Sazali pada tahun 1956. Kemudian, rentak dan lirik lagu telah diubah mengikut cita rasa kanak-kanak. Lagu ini mempunyai alur plot yang berbeza. Maka, lagu rakyat kanak-kanak Tanya Sama Pokok ini memberikan nasihat dan nilai yang tersendiri diantaranya ialah perlu menyayangi dan juga menghargai alam sekitar dan sentiasa bersyukur kepada tuhan.

4.2.2.10 Lagu Tepuk Amai-Amai

Sinopsis lagu rakyat kanak-kanak yang terakhir ialah Tepuk Amai-Amai. Video lagu yang dianimasikan ini telah dikeluarkan pada 11 Oktober 2015 oleh *Aries Music Kids Channel*. Maksud yang ingin disampaikan melalui lagu Tepuk Amai-Amai ialah kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya. Hal ini dikatakan demikian kerana, kasih sayang dan cinta seorang insan yang bergelar ibu tidak akan ada balasan dan tidak ternilai. Ibu yang dikatakan di dalam lagu ini sanggup melakukan apa sahaja agar anaknya sentiasa berada dalam keadaan kenyang dan tidak berlapar. Dalam lagu ini juga mengajar kepada kanak-kanak akan pergerakan dan gaya tepuk. Hal ini kerana, pergerakan gaya tepuk ini melambangkan kegembiraan ketika menyanyi lagu tersebut.

4.3 Menganalisis konsep kekitaan yang terdapat dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi menggunakan Teori Model Rasa Insaniah.

Bagi melengkapkan kajian mengenai Pemupukan Rasa Kekitaan Melalui Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi: Tinjauan Pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan Universiti Malaysia Kelantan Melalui Teori Model Rasa Insaniah ini, pengkaji akan mengkaji secara terperinci pada setiap lagu-lagu rakyat kanak-kanak animasi yang terpilih bagi mencari konsep kekitaan melalui konsep teras Malaysia Madani yang terdiri daripada enam nilai berdasarkan teori Model Rasa Insaniah. Teori Model Rasa Insaniah ini merupakan teori yang paling bersesuaian untuk dikaitkan di dalam kajian ini. Hal ini dikatakan kerana, teori ini mengandungi beberapa prinsip yang amat sesuai untuk dijadikan bahan untuk menganalisis teks-teks sastera yang berkaitan dengan teori tersebut. Teori Model Rasa Insaniah ini terdapat tiga prinsip iaitu diantaranya ialah prinsip pengabdian kepada Allah SWT, prinsip pengucapan beradab dan prinsip kehalusan makna. Maka, prinsip yang ditekankan di dalam kajian ini ialah prinsip kehalusan makna.

Dalam melengkapkan kajian ini juga, pengkaji akan menggunakan konsep nilai teras Malaysia Madani yang membawa kepada konsep kekitaan dengan menghubungkaitkan prinsip yang terdapat dalam teori Model Rasa Insaniah iaitu prinsip kedua, prinsip kehalusan makna. Hal ini kerana, prinsip kehalusan makna merupakan prinsip yang amat sesuai untuk dijadikan salah satu bahan analisis dalam kajian ini. Menurut Shamsuddin Othman (2012), kehalusan makna ini merupakan prinsip yang mempunyai banyak persamaan dengan prinsip yang kedua iaitu prinsip pengucapan beradab yang mementingkan cara penyampaian teks yang penuh adab kepada

pembaca. Sehubungan dengan itu, prinsip kehalusan makna ini merupakan kehalusan isi kandungan yang boleh memberi pengajaran dan rasa insaniah kepada pembaca. Justeru, jelaslah bahawa prinsip kehalusan makna merupakan prinsip yang amat sesuai untuk dijadikan salah satu bahan analisis dalam kajian ini.

4.3.1 Nilai Kemampunan

Kemampunan merupakan ayat daripada mampan yang membawa maksud mampu untuk mengekalkan pencapaian dan juga prestasi yang baik dan seimbang. Namun, kemampunan ini juga digunakan dalam erti kata yang lain iaitu kelestarian. Hal ini kerana, Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2013), perkataan kemampunan tidak terdapat di dalam Dewan Bahasa dan Pustaka. Justeru itu, perkataan kemampunan ini diterapkan dalam konsep nilai teras Malaysia Madani ini kerana ianya dikatakan sebagai salah satu mutu hidup yang mempunyai keseimbangan dari segi rasa Malaysia yang inik yang mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan dan juga kearifan tempatan. Nilai kemampunan ini juga sering dikaitkan dengan pembangunan sesebuah negara untuk menitikberatkan perpaduan antara pertumbuhan ekonomi,sosial dan juga masyarakat. Maka, nilai kemampunan yang boleh dilihat dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi ini ialah lagu Bapaku Pulang Dari Kota dan juga Burung Kakak Tua.

“...Bapaku pulang dari kota
Bapaku belikan kereta
Kereta kecil warna merah
Boleh ku bawa ke sekolah...”

(Bapaku Pulang Dari Kota, Rangkap 1)

“...Burung kakak tua
Hinggap dijendela
Nenek sudah tua
Giginya tinggal dua...”

(Burung Kakak Tua, Rangkap 1)

Berdasarkan lirik lagu Bapaku Pulang Dari Kota di atas, lagu tersebut memberi makna yang wujudnya nilai kemampunan. Hal ini dikatakan kerana, di dalam lirik tersebut iaitu “bapaku pulang dari kota, bapaku belikan kereta, kereta kecil warna merah boleh ku bawa ke sekolah” ini menunjukkan bahawa terdapat nilai kemampunan untuk ekonomi. Hal ini dikatakan demikian kerana, nilai kemampunan ini juga merujuk kepada pembangunan ekonomi kepada sebuah negara. Maka, dengan hasil pembelian yang dikatakan membeli kereta itu akan meningkatkan sumber ekonomi negara tersebut.

Selain itu, nilai kemampunan yang terdapat dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi yang kedua pula ialah pada lirik lagu Burung Kakak Tua. Buktinya ialah pada lirik tersebut, seorang nenek itu hidup dengan agak lama sehingga nenek tersebut tua dan hanya tinggal dua batang gigi sahaja. Nilai kemampunan itu wujud apabila nenek yang terdapat dalam lagu tersebut mengamalkan kehidupan yang seimbang sehingga boleh menjaga kesihatannya sehingga tua.

Bagi menghubung kaitkan lirik lagu rakyat kanak-kanak yang terpilih dengan nilai kemampunan menerusi prinsip kehalusan makna yang terdapat dalam teori Model Rasa Insaniah ini, pengkaji berpendapat bahawa lagu Bapaku Pulang Dari Kota dan Burung Kakak Tua ini menunjukkan makna yang baik bagi menyampaikan maksud lagu tersebut

kepada masyarakat. Hal ini dikatakan kerana, apabila mengkaji lirik lagu tersebut dengan terperinci, terdapat makna-makna yang tidak difikir oleh orang lain.

4.3.2 Nilai Kesejahteraan

Kesejahteraan membawa maksud mempunyai kehidupan yang baik atau hidup dalam keadaan sejahtera. Nilai kesejahteraan ini merangkumi daripada pelbagai aspek kehidupan individu atau kelompok yang melibatkan faktor fizikal, mental, sosial dan juga ekonomi. Kesejahteraan juga membawa maksud keselamatan dan kesenangan yang boleh didapati oleh benda yang hidup (Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2013). Bagi konsep nilai teras Malaysia Madani pula, kesejahteraan ini juga merupakan kesejahteraan dari aspek ekonomi, sosial dan kelestarian alam menerusi budaya ilmu dan kepelbagaian dari segi pandangan masyarakat. Justeru itu, nilai kesejahteraan yang boleh didapati dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi ialah lagu Rasa Sayang, Ikan Kekek Mak Iloi-Iloi dan Tepuk Amai-Amai.

“...Buah cempedak diluar pagar
Ambil galah tolong jolokkan
Kami murid baru belajar
Kalau salah tolong tunjukkan...”

(Rasa Sayang, Rangkap 3)

Tenang-tenang air dilaut
Sampan golek mudik ke tanjung
Hati terkenang mulut menyebut
Budi yang baik rasa dijunjung

Ikan kekek mak iloi iloi
Ikan gelama mak ilai ilai
Nanti adik mak iloi iloi
Pulang bersama mak ilai ilai

Dari mana burung melayang

Dari paya turun ke padi
Dari mana datangnya sayang
Dari mata turun ke hati

(Ikan Kekek Mak Iloi-Iloi, Rangkap 2-4)

Tepuk amai-amai
Belalang kupu-kupu
Tepuk ramai-ramai
Emak upah susu

Susu lemak manis
Santan kelapa muda
Adik jangan menangis
Emak ada kerja

(Tepuk Amai-Amai, Rangkap 1-2)

Berdasarkan lirik lagu rasa sayang, nilai kesejahteraan jelas terlihat apabila lirik tersebut memberitahu bahawa apabila seorang murid yang baru belajar dan tidak mengetahui apa-apa yang berkaitan dengan pelajaran dan membuat salah, akan terdapat orang yang akan menolong dan mengajar murid tersebut. Maka, kesejahteraan ini dapat dilihat apabila masyarakat mempunyai sifat yang baik hati untuk membantu orang yang dalam kesusahan.

Selain itu, berdasarkan lirik lagu Ikan Kekek Mak Iloi-Iloi pula, pada rangkap kedua tersebut menunjukkan nilai kesejahteraan apabila hati mengenangkan sesuatu, mulut manusia akan menyebut dan bangga akan pencapaian tersebut. Selain itu, pada rangkap yang sama juga, ianya juga dilihatkan dengan apabila individu mempunyai budi perkerti yang baik, ianya akan dijunjung oleh masyarakat. Seterusnya, kesejahteraan juga boleh dilihat pada rangkap yang keempat iaitu mempunyai sifat kasih sayang apabila jatuh cinta

akan sesuatu yang dikatakan pada rangkap tersebut iaitu “dari mana datangnya sayang, dari mata turun ke hati”.

Disamping itu, nilai kesejahteraan yang terdapat pada lirik lagu Tepuk Amai-Amai pula adalah kesejahteraan itu boleh berlaku apabila emak akan mengupah susu jika adik tidak menangis apabila emak mahu pergi ke kerja. Hal ini dikatakan kerana, emak mahu wujudkan suasana sejahtera apabila emak mahu keluar untuk mencari rezeki. “Adik” yang dikatakan dalam lirik lagu tersebut itu pula merujuk kepada bayi yang baru lahir dan hanya bergantung kepada susu ibunya.

Maka, bagi menghubung kaitkan lirik lagu rakyat kanak-kanak yang terpilih dengan nilai kesejateraan menerusi prinsip kehalusan makna yang terdapat dalam teori Model Rasa Insaniah ini, pengkaji berpendapat bahawa lagu Rasa Sayang, Ikan Kekek Mak Iloi-Iloi dan Tepuk Amai-Amai ini menunjukkan penulisan yang kreatif untuk menyampaikan maksud lagu tersebut. Hal ini dikatakan kerana, maksud tersebut mengandungi perasaan, pengalaman dan juga aspek pemikiran yang tanpa ada nilai bahasa yang tinggi.

4.3.3 Nilai Daya Cipta

Daya cipta merupakan salah satu proses yang memerlukan individu fokus yang sepenuhnya terhadap masalah, kekurangan jurang pengetahuan, unsur yang hilang dan lain-lain (Torrence, 1974). Oleh hal yang demikian, kefokusan tersebut adalah untuk mengenalpasti perkara yang sedikit susah untuk mencari penyelesaian atau kekurangan hipotesis tersebut.

Namun, daya cipta juga membawa maksud suatu proses yang melibatkan carian idea dan juga konsep yang baru atau mempunyai kaitan di antara konsep yang sedia ada dan akan

didorong oleh proses yang lain sama ada secara langsung atau tidak langsung. Justeru itu, daya cipta mengikut nilai teras Malaysia Madani ialah merujuk kepada pembaharuan dan juga keupayaan model insan untuk mewujudkan daya cipta manusia. Sehubungan dengan itu, nilai daya cipta yang boleh didapati dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi ialah Bangau Oh Bangau dan Tanya Sama Pokok.

Bangau oh bangau
Kenapa engkau kurus
Macam mana aku tak kurus
Ikan taknak timbul
Ikan taknak timbul

Ikan oh ikan
Kenapa engkau kau tak timbul
Macam mana aku nak timbul
Rumput panjang sangat
Rumput panjang sangat

Rumput oh rumput
Kenapa panjang sangat
Macam mana aku tak panjang
Kerbau tak makan aku
Kerbau tak makan aku

Kerbau oh kerbau
Kenapa tak makan rumput
Macammana alu tak makan
Perut aku sakit
Perut aku sakit

(Bangau Oh Bangau, Rangkap 1-4)

Tanya sama pokok,
Apa sebab goyang
Nanti jawab pokok
Angin yang goncang

Tanya sama angin
Apa sebab hujan
Nanti jawab angin
Tanyalah awan

Awan nanti kata
Aku kandung air
Sampai tempat sejuk
Aku pun cair

Lihat dalam air campak bayang-bayang
Campak satu batu bayangpun hilang
Lihat dalam air campak bayang-bayang
Campak satu batu bayang pun hilang

(Tanya Sama Pokok, Rangkap 1-4)

Berdasarkan lirik lagu Bangau Oh Bangau, jelaslah bahawa terdapat nilai daya cipta yang tinggi apabila mencipta lirik lagu tersebut. Hal ini demikian kerana, lirik tersebut seakan-akan menanyakan soalan kepada satu sama lain. Seperti contoh yang terdapat dalam lirik tersebut ialah bangau ditanyakan soalan kenapa bangau tersebut kurus dan bangau pula menyalahkan ikan kerana bangau tersebut kurus.

Selain itu, nilai daya cipta juga dapat dilihat dalam lirik lagu Tanya Sama Pokok. Hal ini demikian kerana, pengarang yang mencipta lirik tersebut juga mempunyai daya fikiran yang tinggi apabila mengarang lirik tersebut. Konsep lagu Tanya Sama Pokok ini juga mempunyai konsep yang sama dengan lagu Bangau Oh Bangau. Hal ini dikatakan kerana, lagu tersebut merupakan lagu yang menyuaral satu sama lain.

Maka, bagi menghubung kaitkan lirik lagu rakyat kanak-kanak yang terpilih dengan nilai daya cipta menerusi prinsip kehalusan makna yang terdapat dalam teori Model Rasa

Insaniah ini, pengkaji berpendapat bahawa lagu Bangau Oh Bangau dan Tanya Sama Pokok ini telah menunjukkan penulisan yang kreatif untuk menegur masyarakat secara kiasan. Maksud yang ingin disampaikan dalam kedua-dua buah lagu tersebut adalah kita tidak boleh menyalahkan satu sama lain apabila sesuatu perkara terjadi dan semua yang berlaku ini hanyalah takdir tuhan.

4.3.4 Nilai Hormat

Hormat merupakan sebuah sikap yang mempunyai penghargaan, penghormatan dan juga mempunyai rasa hormat terhadap orang lain. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2013) hormat juga membawa maksud kepada pandangan yang tinggi terhadap seseorang dengan memberikan layanan yang baik. Justeru itu, nilai hormat mengikut konsep nilai teras Malaysia Madani ialah tingkah laku dari segi budi bahasa yang kaya dengan tradisi, merayakan sesuatu yang terdapat kemajmukan dan juga meraikan perbezaan pandangan dunia. Sehubungan dengan itu, nilai hormat yang boleh didapati dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi ialah lagu Air Pasang Pagi.

“...Cik baba jatuh dalam parit
Cik hamimah ketawa jerit-jerit
Naik kereta api pergi Kuala Lumpur
Dapat isteri cantik terperuk bawah dapur...”

(Air Pasang Pagi, Rangkap 2)

Berdasarkan lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi Air Pasang Pagi diatas mendapatkan bahawa terdapat nilai hormat. Pengkaji mendapati bahawa di dalam lirik tersebut, Cik Hamimah tidak menghormati Cik Baba apabila Cik Baba tersebut jatuh ke dalam parit.

Sebagai manusia yang baik, kita mestilah menolong apabila melihat seseorang itu ditimpa masalah.

Oleh hal yang demikian, bagi menghubung kaitkan lirik lagu rakyat kanak-kanak yang terpilih dengan nilai daya cipta menerusi prinsip kehalusan makna yang terdapat dalam teori Model Rasa Insaniah ini, pengkaji berpendapat bahawa lagu Air Pasang Pagi ini mempunyai sindiran untuk menasihati masyarakat supaya tolong-menolong apabila rakan dalam kesusahan. Pengarang juga seperti ingin memberitahu bahawa sindiran tersebut Namun dikiaskan dengan gelak ketawa yang membuatkan pendengar tidak perasan akan sindiran yang ingin dinyatakan.

4.3.5 Nilai Keyakinan

Keyakinan merujuk kepada kepercayaan yang diyakini oleh individu dan juga kelompok. Keyakinan juga merangkumi kepada keyakinan dari segi agama, politik, sosial, hal peribadi yang mempunyai nilai kehidupan dan tujuan yang tertentu. Keyakinan memainkan peranan yang penting untuk membentuk sebuah identiti seseorang. Bandura (1986) mengatakan bahawa, keyakinan diri merupakan satu tanggapan tentang kemampuan diri seseorang untuk mengorganisasi tindakan untuk menerangkan sesuatu perkara. Keyakinan mengikut konsep nilai teras Malaysia Madani pula ialah keyakinan merupakan pengaktifan harapan terhadap sesatu perubahan yang selari dengan sikap amanah yang melakukan perubahan ke arah kebaikan. Sehubungan dengan itu, nilai keyakinan yang boleh didapati dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi ialah lagu Nenek Si Bongkok Tiga.

Nenek nenek si bongkok tiga
Siang malam asyik berjaga
Mencari cucu dimana ada
Nenek ku kawin dengan anak raja

Cucu cucu tak dapat lari
Nenek tua banyak sakti
Sekarang nenek nak cari ganti
Siapa kena dia yang jadi

(Nenek Si Bongkok Tiga, Rangkap 1-2)

Berdasarkan lirik lagu Nenek Si Bongkok Tiga, terdapat nilai keyakinan di dalam rangkap satu dan dua tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada rangkap pertama lirik “Nenek ku kawin dengan anak raja” itu merupakan terdapat unsur keyakinan kerana pengarang yakin akan nenek tersebut dapat berkahwin dengan anak raja. Jika mengikut logik, rakyat biasa amat susah untuk berkahwin dengan anak raja kerana tidak mempunyai keturunan atau kerabat diraja. Selain itu, pada rangkap kedua pula menyatakan bahawa mitos pada zaman dahulu, masyarakat terdahulu yakin akan nenek tua memiliki banyak sakti.

Oleh hal yang demikian, bagi menghubung kaitkan lirik lagu rakyat kanak-kanak yang terpilih dengan nilai keyakinan menerusi prinsip kehalusan makna yang terdapat dalam teori Model Rasa Insaniah ini, pengkaji berpendapat bahawa lagu Nenek Si Bongkok Tiga ini mempunyai nilai-nilai yang kreatif untuk menyampaikan maksud lagu tersebut. Antara maksud pengarang yang ingin sampaikan adalah membentuk keyakinan diri dengan apa jua rintangan hidup dan cabaran yang akan dihadapi oleh manusia di dunia ini.

4.3.6 Nilai Ihsan

Ihsan merupakan istilah yang ada pada bahasa Arab iaitu membawa maksud kebaikan. Ihsan menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2013) pula ialah beribadat kepada Allah SWT dan menyedari bahawa individu itu sedang berhadapan dengan Allah yang sentiasa melihat umatnya. Maka, ihsan menurut konsep nilai teras Malaysia pula ialah belas ihsan akan nasib kepada semua pihak melalui tindakan pemberdayaan manusia. Sehubungan dengan itu, nilai ihsan yang boleh didapati dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi ialah lagu Chan Mali Chan.


“...Di mana dia anak kambing saya
Anak kambing saya
Yang makan daun talas
Di mana dia buah hati saya
Buah hati saya
Bagai telur dikupas...”

(Chan Mali Chan, Rangkap 1)

Berdasarkan lirik lagu Chan Mali Chan, pengkaji mendapati bahawa terdapat nilai ihsan di dalam rangkap pertama lagu tersebut. Hal ini dikatakan kerana, pengarang mencari buah hatinya yang tidak tahu dimana keberadaanya. Justeru, jelaslah bahawa nilai ihsan ini wujud apabila seseorang itu mengambil berat tentang hal yang berlaku di sekeliling. Pengarang mempunyai sifat belas ihsan terhadap pasangannya.

Oleh hal yang demikian, bagi menghubung kaitkan lirik lagu rakyat kanak-kanak yang terpilih dengan nilai ihsan menerusi prinsip kehalusan makna yang terdapat dalam teori Model Rasa Insaniah ini, pengkaji berpendapat bahawa lagu Chan Mali Chan ini

mempunyai bahasa yang puitis iaitu “bagai telur dikupas”. Maksud bagi baris tersebut merupakan seorang wanita yang mempunyai kulit pipi yang cantik, licin dan halus yang tidak mempunyai cacat cela. Hal ini menunjukkan bahawa, makna yang ingin disampaikan oleh pengarang mempunyai maksud tersirat yang tersendiri.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4 Menghuraikan cara rasa kekitaan ditimbulkan melalui lagu rakyat kanak-kanak animasi.

Bagi melengkapi objektif yang ketiga yang bertujuan untuk melengkapi kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan aplikasi *Google Forms* yang bertujuan untuk mengumpul data responden. Proses pengumpulan data tersebut adalah berkenaan untuk menghuraikan cara rasa kekitaan ditimbulkan melalui lagu rakyat kanak-kanak animasi. Oleh hal yang demikian, tinjauan ini merangkumi bahagian A, B dan C. Tinjaun pemerhatian ini memfokuskan kepada generasi Z dan data responden yang dikumpulkan adalah melalui aplikasi *Google Forms*. Tinjaun ini juga memperolehi sebanyak 70 responden.

4.4.1 Bahagian A: Demografi Responden

Jadual di bawah menunjukkan bahagian A secara peratusan. Pada bahagian A ini, pengkaji lebih memfokuskan tentang demografi responden yang terdiri daripada latar belakang responden seperti jantina dan umur responden yang telah menjawab soalan soal selidik ini.

Jadual 4.2: Latar belakang responden

Kategori		Bilangan (orang)	Peratusan (%)
JANTINA	PEREMPUAN	42	60
	LELAKI	28	40
UMUR (TAHUN)	20-21	10	14.3
	22-23	49	72.9
	24-25	8	12.9

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)


i. Analisis Jantina Responden

Jadual di bawah menunjukkan bilangan responden dan juga kadar peratus bagi responden yang telah menjawab soal selidik melalui aplikasi *Google Forms*.

Jadual 4.3: Jantina responden

Bil.	Jantina	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Perempuan	42	60
2.	Lelaki	28	40
	Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)



Rajah 4.1: Jantina responden

Kajian ini melibatkan 70 orang responden yang terdiri daripada 60% (42 orang) responden perempuan manakala 40% (28 orang) adalah responden lelaki. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa bilangan responden perempuan lebih ramai berbanding lelaki. Hal ini dikatakan demikian kerana populasi pelajar perempuan di dalam


pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan 2020/2024 lebih ramai berbanding dengan pelajar lelaki di dalam kelas tersebut. Maka, daripada perangkaan ini jelaslah menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih dominan berbanding lelaki pada zaman kini dan ianya agak menyukarkan pengkaji untuk mendapatkan responden yang seimbang di antara lelaki dan perempuan.

ii. Analisis Umur Responden

Jadual 4.4: Umur responden

Bil.	Umur	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	20-21	10	14.3
2.	22-23	51	72.9
3.	24-25	9	12.9
Jumlah		70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)



Rajah 4.2: Umur responden

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah 4.2, carta pai di atas menunjukkan peratusan umur responden yang telah menjawab soal selidik ini. Umur responden adalah di antara 20 hingga 25 tahun dan pengkaji telah membahagikan kepada tiga peringkat umur. Oleh hal yang demikian, pengkaji mendapati peratusan umur responden yang tertinggi yang telah menjawab soal selidik ini adalah sebanyak 72.9% iaitu seramai 51 orang ialah umur dilikungan umur 22 hingga 23 tahun. Peratusan umur yang kedua tertinggi pula ialah sebanyak 14.3% iaitu seramai 10 orang yang terdiri daripada likungan 20 hingga 21 tahun. Peratusan umur yang terendah ialah sebanyak 12.9% iaitu hanya seramai 9 orang yang berumur dilikungan 24 hingga 25 tahun. Justeru ini, perkara ini dapat dirumuskan bahawa majoriti responden yang berada di kelas Elektif Kesusasteraan Warisan 2020/2024 adalah terdiri daripada umur 22 hingga 23 tahun.

4.4.2 Bahagian B: Pemahaman dan kefahaman konsep kekitaan dan lagu rakyat kanak-kanak animasi

Pada bahagian B ini, pengkaji telah mengajukan sebanyak 11 soalan tentang pemahaman dan kefahaman tentang konsep kekitaan dan juga lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan.

- i. Adakah anda memahami apa yang dimaksudkan dengan rasa kekitaan?


Jadual 4.5: Memahami maksud rasa kekitaan

Bil.	Pilihan jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	59	84.3
2.	Tidak	11	15.7
	Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

1. Adakah anda memahami apa yang dimaksudkan dengan rasa kekitaan?

70 responses



Rajah 4.3: Memahami Maksud Kekitaan

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah di atas, carta pai menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 84.3% iaitu seramai 59 orang yang memahami maksud rasa kekitaan. Manakala responden yang tidak memahami maksud rasa kekitaan hanyalah sebanyak 15.7% iaitu hanyalah seramai 11 orang sahaja daripada keseluruhan responden. Sehubungan dengan itu, pengkaji mendapati bahawa 84.3% responden amatlah jelas mengetahui tentang rasa kekitaan.

ii. Adakah anda pernah mendengar dengan konsep kekitaan?


Jadual 4.6: Pernah mendengar dengan konsep kekitaan

Bil.	Pilihan jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	59	84.3
2.	Tidak	11	15.7
	Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

2. Adakah anda pernah mendengar dengan konsep kekitaan?

70 responses



Rajah 4.4: Pernah mendengar dengan konsep kekitaan

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah di atas, carta pai menunjukkan bahawa terdapat sebanyak sebanyak 84.3% iaitu seramai 59 orang yang pernah mendengar dengan konsep kekitaan. Manakala responden yang tidak pernah mendengar dengan konsep kekitaan hanyalah sebanyak 15.7% iaitu hanyalah seramai 11 orang sahaja daripada keseluruhan responden.

Sehubungan dengan itu, pengkaji mendapati bahawa sebanyak 84.3% responden pernah mendengar akan konsep kekitaan.

iii. Adakah anda mengetahui apakah itu konsep kekitaan?


Jadual 4.7: Mengetahui konsep kekitaan

Bil.	Pilihan jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	49	70
2.	Tidak	21	30
	Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

3. Adakah anda mengetahui apakah itu konsep kekitaan?

70 responses



Rajah 4.5: Mengetahui konsep kekitaan

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah di atas, carta pai tersebut menunjukkan bahawa kadar peratusan yang paling tinggi ialah sebanyak 70% iaitu seramai 49 orang yang mengetahui dengan jelas akan konsep kekitaan. Manakala kadar peratus yang tidak mengetahui maksud konsep kekitaan dengan jelas sebanyak 30% iaitu seramai 21 orang sahaja. Sehubungan dengan itu,

pengkaji mendapati bahawa sebanyak 70% responden yang memahami maksud dengan jelas akan konsep kekitaan.

iv. Adakah anda mengetahui jenis lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan?


Jadual 4.8: Mengetahui jenis lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan

Bil.	Pilihan jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	64	91.4
2.	Tidak	6	8.6
	Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

4. Adakah anda mengetahui jenis lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan?

70 responses



Rajah 4.6: Mengetahui jenis lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan?

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah di atas, carta pai tersebut menunjukkan bahawa kadar peratusan bagi responden yang mengetahui jenis lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan

yang paling tinggi ialah sebanyak 91.4% iaitu seramai 65 orang yang mengetahui akan jenis lagu rakyat kanak-kanak yang dianimasikan tersebut. Manakala selebihnya hanyalah sebanyak 8.6% iaitu seramai 6 orang sahaja yang tidak mengetahui jenis lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah mendapati bahawa majoriti generasi sekarang mengetahui akan jenis lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan.


v. Adakah anda pernah menonton lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan?

Jadual 4.9: Menonton lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan?

Bil.	Pilihan jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	65	92.9
2.	Tidak	5	7.1
	Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

5. Adakah anda pernah menonton lagu rakyat kanak – kanak yang telah dianimasikan?
70 responses



Rajah 4.7: Menonton lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan?

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan penyelidikan dan soal selidik yang telah dijalankan terhadap 70 orang responden, pengkaji mendapati bahawa sebanyak 92.9% iaitu seramai 65 orang yang pernah menonton lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan manakala sebanyak 7.1% iaitu seramai 5 orang yang selebihnya tidak pernah menonton lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah membuat rumusan bahawa hampir kesemua golongan generasi kini pernah menonton lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan.


vi. Adakah anda menghayati ketika mendengar lagu rakyat kanak – kanak yang telah dianimasikan?

Jadual 4.10: Menghayati ketika mendengar lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan

Bil.	Pilihan jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	59	84.3
2.	Tidak	11	15.7
Jumlah		70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

6. Adakah anda menghayati ketika mendengar lagu rakyat kanak – kanak yang telah dianimasikan?
70 responses



Rajah 4.8: Menghayati ketika mendengar lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah 4.8 di atas, carta pai di atas menunjukkan bahawa majoriti pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan 2020/2024 menghayati lirik lagu ketika mendengar lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan. Hal ini dikatakan kerana, sebanyak 84.3% iaitu seramai 59 orang daripada 70 orang responden yang menghayati ketika mendengar lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan. Manakala 15.7% iaitu seramai 11 orang selebihnya tidak menghayati bait-bait lirik lagu ketika mendengar lagu rakyat kanak-kanak.

vii. Adakah lagu rakyat kanak-kanak animasi itu membawa anda kezaman kanak-kanak anda dahulu?

Jadual 4.11: Lagu rakyat kanak-kanak animasi membawa kepada zaman kanak-kanak dahulu

Bil.	Pilihan jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	66	94.4
2.	Tidak	4	5.7
	Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

7. Adakah lagu rakyat kanak-kanak animasi itu membawa anda kezaman kanak-kanak anda dahulu?

70 responses



Rajah 4.9: Lagu rakyat kanak-kanak animasi membawa kepada zaman kanak-kanak dahulu

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah 4.8 ini, pengkaji mendapati bahawa sebanyak 94.3% iaitu seramai 66 orang bersetuju bahawa lagu rakyat kanak-kanak animasi ini membawa kepada memori zaman kanak-kanak pada masa dahulu. Manakala hanya sebanyak 5.7% iaitu seramai 4 orang sahaja yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini menunjukkan bahawa perasaan kekitaan itu wujud apabila responden

mendengar lagu rakyat kanak-kanak dan akan mengimbau kembali akan memori yang lama.

viii. Adakah anda membesar dengan lagu rakyat kanak-kanak dengan hanya mendengar nyanyian di radio/televisyen yang tiada animasi?


Jadual 4.12: Membesar dengan lagu rakyat kanak-kanak dengan hanya mendengar nyanyian di radio atau televisyen yang tiada animasi

Bil.	Pilihan jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	45	64.3
2.	Tidak	25	35.7
	Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

8. Adakah anda membesar dengan lagu rakyat kanak-kanak dengan hanya mendengar nyanyian di radio/televisyen yang tiada animasi?

70 responses




Rajah 4.10: Membesar dengan lagu rakyat kanak-kanak dengan hanya mendengar nyanyian di radio atau televisyen yang tiada animasi

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah 4.10 di atas, pengkaji dapat merumuskan bahawa sebanyak 64.3% iaitu seramai 45 orang sahaja yang membesar dengan mendengar lagu rakyat kanak-kanak yang hanya mendengar nyanyian di radio atau televisyen yang tiada animasi. Manakala sebanyak 35.7% yang tidak membesar dengan lagu rakyat kanak-kanak yang hanya mendengar nyanyian di radio atau televisyen yang tiada animasi. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa generasi kini mempunyai zaman membesar yang sama.

ix. Dimanakah anda sering menonton atau mendengar lagu rakyat kanak-kanak?

9. Dimanakah anda sering menonton atau mendengar lagu rakyat kanak-kanak? Anda boleh memilih lebih daripada satu mengikut pilihan anda.
70 responses



Rajah 4.11: Menonton atau mendengar lagu rakyat kanak-kanak
(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah 4.12 di atas, terdapat beberapa pilihan tempat untuk menonton atau mendengar lagu rakyat kanak-kanak. Antaranya ialah di radio, televisyen, laman sesawang dan lain-lain seperti buku, guru dan sekolah. Maka, pengkaji mendapati bahawa televisyen mempunyai jumlah responden yang ramai iaitu seramai 57 orang

(81.4%), manakala yang kedua tertinggi ialah laman sesawang yang terdiri daripada 38 orang responden yang memilih bagaimana cara untuk mendengar atau menonton lagu rakyat kanak-kanak animasi. Radio pula merupakan ketiga yang tertinggi iaitu seramai 23 orang (32.9%) dan lain-lain seperti buku, guru dan sekolah hanya 1 orang (1.4%) yang memilih sebagai salah satu inisiatif untuk menonton atau mendengar lagu rakyat kanak-kanak animasi.

- x. Adakah dengan menonton lagu rakyat kanak-kanak animasi ini memberikan kesan yang baik kepada anda?


Jadual 4.13: Menonton lagu rakyat kanak-kanak animasi ini memberikan kesan yang baik

Bil.	Pilihan jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	66	94.3
2.	Tidak	4	5.7
Jumlah		70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

10. Adakah dengan menonton lagu rakyat kanak-kanak animasi ini memberikan kesan yang baik kepada anda?

70 responses



Rajah 4.12: Menonton lagu rakyat kanak-kanak animasi ini memberikan kesan yang baik

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Menurut rajah 4.12 diatas, carta pai tersebut mendapati bahawa responden bersetuju bahawa dengan menonton lagu rakyat kanak-kanak animasi ini dapat memberikan kesan yang baik. Hal ini dikatakan kerana, 66 orang (94.3%) bersetuju dengan pernyataan tersebut manakala selebihnya iaitu seramai 4 orang (5.7%). Jelaslah bahawa, lagu rakyat kanak-kanak animasi ini memberi kesan yang baik kepada generasi kini.


xi. Adakah anda kerap mendengar atau menonton lagu rakyat kanak-kanak animasi?

Jadual 4.14: Kekerapan mendengar atau menonton lagu rakyat kanak-kanak animasi

Bil.	Pilihan jawapan	Bilangan Responden (orang)	Kadar Peratus (%)
1.	Ya	35	50
2.	Tidak	35	50
	Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

11. Adakah anda kerap mendengar atau menonton lagu rakyat kanak-kanak animasi?
70 responses



Rajah 4.13: Kekerapan mendengar atau menonton lagu rakyat kanak-kanak animasi

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah 4.13 di atas, carta pai tersebut menunjukkan bahawa kekerapan mendengar atau menonton lagu rakyat kanak-kanak animasi adalah seimbang dengan kerap dan juga tidak kerap. Buktinya adalah, sebanyak 50% iaitu seramai 35 orang responden yang bersetuju bahawa kerap mendengar atau menonton lagu rakyat kanak-kanak animasi dan sebanyak 50% juga iaitu seramai 35 orang tidak terlalu kerap mendengar atau menonton lagu rakyat kanak-kanak animasi.

4.4.3 Bahagian C: Kandungan lirik lagu

Pada bahagian C ini, pengkaji telah mengajukan sebanyak 10 soalan tentang konsep kekitaan yang terdapat dalam lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi. Pilihan jawapan yang terdapat adalah responden perlu memilih bahawa responden setuju atau tidak bahawa konsep kekitaan tersebut terdapat dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi tersebut.

Jadual 4.15: Konsep kekitaan di dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi

Skala	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	2	2.9
Tidak Setuju	3	4.3
Sederhana Setuju	9	12.9
Setuju	22	70
Sangat Setuju	34	48.6
Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

i. Adakah anda setuju bahawa terdapat konsep kekitaan di dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi?



Rajah: 4.14: Konsep kekitaan di dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah 4.14 di atas menunjukkan bahawa pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan 2020/2024 memilih sangat setuju bahawa terdapat konsep kekitaan di dalam lagu rakyat kanak-kanak iaitu sebanyak 48.6% iaitu seramai 34 orang sangat setuju akan kenyataan tersebut. Manakala 31.4% iaitu seramai 22 orang juga bersetuju akan soalan yang ditanyakan tersebut dan sebanyak 12.9% iaitu seramai 9 orang yang bersetuju hanya ditahap sederhana setuju. Malahan, hanya 4.3% (tiga orang) yang tidak setuju dan 2.9% (dua orang) sangat tidak bersetuju akan penyataan tersebut. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa terdapat konsep kekitaan di dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi.

ii. Seperti lirik rangkap lagu bawah, adakah anda setuju bahawa kita mestilah menerapkan nilai hormat-menghormati di dalam lagu lirik lagu air pasang pagi tersebut?

Cik baba jatuh dalam parit


Cik hamimah ketawa jerit-jerit

Jadual 4.16: Nilai hormat di dalam lagu lirik lagu air pasang pagi

Skala	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	6	8.6
Tidak Setuju	2	2.9
Sederhana Setuju	14	20
Setuju	26	37.1
Sangat Setuju	22	31.4
Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Cik baba jatuh dalam parit Cik hamimah ketawa jerit-jerit 2. Seperti lirik rangkap lagu diatas, adakah anda setuju bahawa kita mestilah menerapkan...i dalam lagu lirik lagu air pasang pagi tersebut?
70 responses



Rajah 4.15: Nilai hormat di dalam lagu lirik lagu air pasang pagi

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah 4.15 di atas menunjukkan bahawa responden setuju bahawa nilai hormat-menghormati di dalam lirik lagu air pasang pagi perlu diterapkan iaitu dengan kadar peratusan 37.1% yang seramai 26 orang. Manakala 31.4% (22 orang) juga sangat setuju akan kenyataan tersebut dan 20% (14 orang) setuju di tahap sederhana. Namun, terdapat juga responden yang sangat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu sebanyak 8.6% (enam orang) dan 2.9% (dua orang) tidak bersetuju terhadap pernyataan yang terdapat di atas. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa nilai hormat-menghormati perlu diterapkan di dalam lirik lagu air pasang pagi.

iii. Adakah anda bersetuju bahawa terselit nilai daya cipta yang tinggi di dalam lirik lagu Bangau oh Bangau?


Jadual 4.17: Nilai daya cipta yang tinggi di dalam lirik lagu Bangau Oh Bangau

Skala	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	4	5.7
Tidak Setuju	5	7.1
Sederhana Setuju	14	20
Setuju	21	30
Sangat Setuju	26	37.1
Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

3. Adakah anda bersetuju bahawa terselit nilai daya cipta yang tinggi di dalam lirik lagu bangau oh bangau?

70 responses



Rajah: 4.16: Nilai daya cipta yang tinggi di dalam lirik lagu bangau oh bangau

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah 4.16 di atas, rajah tersebut menunjukkan bahawa hampir kesemua responden yang menjawab soal selidik ini setuju bahawa terselit nilai daya cipta yang tinggi di dalam lirik lagu Bangau Oh Bangau. Buktinya ialah seramai 26 orang (37.1%) yang sangat bersetuju, 21 orang (30%) yang bersetuju dan 14 orang (20%) yang setuju di tahap sederhana. Manakala hanya lima orang (7.1%) yang tidak bersetuju dan empat orang (5.7%) sangat tidak bersetuju akan kenyataan tersebut. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa terdapat nilai daya cipta yang tinggi di dalam lirik lagu bangau oh bangau.

iv. Berdasarkan lirik lagu rakyat di bawah, adakah anda bersetuju bahawa lirik lagu Chan Mali Chan terdapat nilai ihsan?

Di mana dia buah hati saya

Buah hati saya

Bagai telur dikupas


Jadual 4.18: Lirik lagu Chan Mali Chan terdapat nilai ihsan

Skala	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	4	5.7
Tidak Setuju	5	7.1
Sederhana Setuju	14	20
Setuju	21	30
Sangat Setuju	26	37.1
Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Di mana dia buah hati saya Buah hati saya Bagai telur dikupas 4. Berdasarkan lirik lagu rakyat di atas, adakah anda bersetuju bahawa lirik lagu Chan Mali Chan terdapat nilai ihsan?

70 responses



Rajah: 4.17: Lirik lagu Chan Mali Chan terdapat nilai ihsan

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah 4.17 di atas, rajah tersebut menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa terdapat nilai keihsanan di dalam lirik lagu Chan Mali Chan. Hal ini dikatakan kerana, seramai 29 orang (41.4%) telah bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala seramai 15 orang (21.4%) sangat bersetuju dan seramai 20 orang (28.6%) hanya setuju ditahap yang sederhana. Namun, terdapat juga responden yang tidak bersetuju iaitu satu orang (1.4%) dan hanya lima orang (7.1%) sahaja yang sangat tidak bersetuju. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa terdapat nilai ihsan di dalam lirik lagu Chan Mali Chan.

v. Maksud konsep kemampunan merupakan kebolehan sesuatu perkara. Maka, adakah anda bersetuju bahawa terdapat nilai kemampunan di dalam lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi burung kakak tua?


Jadual 4.19: Nilai kemampunan di dalam lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi Burung Kakak Tua

Skala	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	2	2.9
Tidak Setuju	2	2.9
Sederhana Setuju	18	25.7
Setuju	30	42.9
Sangat Setuju	18	25.7
Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

5. Maksud konsep kemampunan merupakan kebolehan sesuatu perkara. Maka, adakah anda bersetuju bahawa terdapat nilai kemampunan di dalam lagu rakyat kanak-kanak animasi burung kakak tua?

70 responses



Rajah 4.18: Nilai kemampunan di dalam lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi Burung Kakak Tua

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah 4.18 di atas, rajah tersebut menunjukkan bahawa responden telah bersetuju bahawa terdapat nilai kemampunan di dalam lirik lagu burung kakak tua. Buktinya ialah seramai 30 orang (42.9%) yang bersetuju akan pernyataan tersebut, seramai 18 (25.7%) orang yang sangat bersetuju dan 18 (25.7%) orang juga yang setuju di tahap yang sederhana. Manakala selebihnya hanya dua orang (2.9%) yang tidak bersetuju dan juga dua orang (2.9%) yang sangat tidak bersetuju terhadap pernyataan tersebut. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa terdapat nilai kemampunan di dalam lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi burung kakak tua.

vi. Berdasarkan lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi di atas, adakah anda bersetuju bahawa terdapat nilai kesejahteraan di dalam lirik lagu tersebut?

Buah cempedak diluar pagar

Ambil galah tolong jolokkan

Kami murid baru belajar

Kalau salah tolong tunjukkan

Jadual 4.20: Nilai kesejahteraan di dalam lirik lagu Rasa Sayang

Skala	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	2	2.9
Tidak Setuju	5	7.1
Sederhana Setuju	4	5.7
Setuju	29	41.4
Sangat Setuju	30	42.9
Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Buah cempedak diluar pagar Ambil galah tolong jolokkan Kami murid baru belajar Kalau salah tolong tunjukkan 6. Berdasarkan lirik lagu rakyat ka...at nilai kesejahteraan di dalam lirik lagu tersebut?
70 responses



Rajah 4.19: Nilai kesejahteraan di dalam lirik lagu Rasa Sayang

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah 4.19 di atas, pengkaji dapat merumuskan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa terdapat nilai kesejahteraan di dalam liri lagu Rasa Sayang. Hal ini dikatakan kerana, responden yang memilih sangat setuju seramai 30 orang (42.9%), seramai 29 orang (41.4%) pula memilih setuju dan empat orang (5.7%) yang bersetuju di tahap sederhana akan pernyataan tersebut. Manakala yang selebihnya ialah responden yang tidak bersetuju iaitu seramai lima orang (7.1%) dan hanya dua orang (2.9%) yang sangat tidak setuju akan pernyataan tersebut.

vii. Berdasarkan lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi di bawah, adakah anda bersetuju bahawa terdapat nilai kemampunan di dalam lirik lagu Bapaku Pulang Dari Kota?

Bapaku pulang dari kota

Bapaku belikan kereta

Kereta kecil warna merah

Boleh ku bawa ke sekolah


Jadual 4.21: Nilai kemampunan di dalam lirik lagu Bapaku Pulang Dari Kota

Skala	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	1	1.4
Tidak Setuju	4	5.7
Sederhana Setuju	13	18.6

Setuju	35	50
Sangat Setuju	17	24.3
Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Bapaku pulang dari kota Bapaku belikan kereta Kereta kecil warna merah Boleh ku bawa ke sekolah 7. Berdasarkan lirik lagu rakyat kanak-kan...panan di dalam lirik lagu Bapaku Pulang Dari Kota?
20 responses



Rajah 4.20: Nilai kemampuan di dalam lirik lagu Bapaku Pulang Dari Kota

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan kepada 70 orang responden, pengkaji mendapati bahawa seramai 35 orang (50%) setuju bahawa terdapat nilai kemampuan di dalam lirik lagu Bapaku Pulang Dari Kota. Manakala seramai 17 orang (24.3%) yang sangat setuju dan 13 orang (18.6%) yang bersetuju di tahap yang sederhana dengan pernyataan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa orang responden yang tidak bersetuju bahawa terdapat nilai kemampuan di dalam lirik lagu Bapaku Pulang Dari Kota dan hanya seorang (1.4%) yang sangat tidak bersetuju. Hal ini dapat dirumuskan bahawa, terdapat nilai kemampuan di dalam lirik lagu Bapaku Pulang Dari Kota.

viii. Berdasarkan lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi di bawah, adakah anda berpendapat bahawa adanya nilai kesejahteraan di dalam lirik lagu Ikan Kekek Mak Iloi-Iloi?

Tenang-tenang air dilaut

Sampan golek mudik ke tanjung

Hati terkenang mulut menyebut


Budi yang baik rasa dijunjung

Jadual 4.22: Nilai kesejahteraan di dalam lirik lagu Ikan Kekek Mak Iloi-Iloi?

Skala	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	2	2.9
Tidak Setuju	1	1.4
Sederhana Setuju	9	12.9
Setuju	33	47.1
Sangat Setuju	25	35.7
Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Tenang-tengah air dilaut Sampan golek mudik ke tanjung Hati terkenang mulut menyebut Budi yang baik rasa dijunjung 8. Berdasarkan lirik lagu r...hteraan di dalam lirik lagu Ikan Kekek Mak Iloi-Iloi?
70 responses



Rajah 4.21: Nilai kesejahteraan di dalam lirik lagu Ikan Kekek Mak Iloi-Iloi? (Sumber:
Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah 4.21 di atas dapat disimpulkan bahawa responden yang bersetuju akan adanya nilai kesejahteraan di dalam lirik lagu Ikan Kekek Mak Iloi-Iloi adalah seramai 33 orang (47.1%). Malahan terdapat seramai 25 orang (35.7%) yang sangat setuju dan sembilan orang (12.9%) yang setuju di tahap sederhana akan pernyataan tersebut. Manakala responden yang tidak bersetuju hanyalah seorang (1.4%) dan dua orang (2.9%) yang sangat tidak bersetuju. Justeru, pengkaji mendapati bahawa majoriti responden amat faham akan kewujudan nilai kesejahteraan di dalam lirik lagu Ikan Kekek Mak Iloi-Iloi.

ix. Berdasarkan lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi di bawah, adakah anda berpendapat bahawa adanya nilai keyakinan di dalam lirik lagu Nenek Si Bongkok Tiga?

*Nenek nenek si bongkok tiga
Siang malam asyik berjaga
Mencari cucu dimana ada
Nenek ku kawin dengan anak raja*

Jadual 4.23: Nilai keyakinan di dalam lirik lagu Nenek Si Bongkok Tiga

Skala	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	3	4.3
Tidak Setuju	7	10
Sederhana Setuju	15	21.4
Setuju	30	42.9
Sangat Setuju	15	21.4
Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Nenek neneh si bongkok tiga Siang malam asyik berjaga Mencari cucu dimana ada Nenek ku kawin dengan anak raja 9. Berdasarkan lirik lagu r..yakinan di dalam lirik lagu Nenek Si Bongkok Tiga?
70 responses



Rajah 4.22:

Nilai keyakinan di dalam lirik lagu Nenek Si Bongkok Tiga

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah 4.22 ini, pengkaji mendapati bahawa pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan 2020/2024 bersetuju bahawa terdapat nilai keyakinan di dalam lirik lagu Nenek Si Bongkok Tiga iaitu seramai 15 orang (21.4%) yang sangat bersetuju, 30 orang (42.9%) yang bersetuju dan 15 orang (21.4%) yang setuju di tahap yang sederhana. Namun, terdapat juga seramai tujuh orang (10%) yang tidak bersetuju dan tiga orang yang sangat tidak setuju akan pernyataan tersebut. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa terdapat nilai keyakinan di dalam lirik lagu Nenek Si Bongkok Tiga tersebut.

x. Berdasarkan lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi di bawah, adakah anda setuju bahawa terdapat nilai kesejahteraan di dalam lirik lagu Tepuk Amai-Amai?

Susu lemak manis
Santan kelapa muda
Adik jangan menangis
Emak ada kerja

Jadual 4.24: Nilai kesejahteraan di dalam lirik lagu Tepuk Amai-Amai

Skala	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Sangat Tidak Setuju	3	4.4
Tidak Setuju	1	1.4
Sederhana Setuju	10	14.3
Setuju	33	47.1
Sangat Setuju	23	32.9
Jumlah	70	100

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Susu lemak manis Santan kelapa muda Adik jangan menangis Emak ada kerja 10. Berdasarkan lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi di atas, adakah kesejahteraan di dalam lirik lagu Tepuk Amai-Amai?
70 responses



Rajah 4.23: Nilai kesejahteraan di dalam lirik lagu Tepuk Amai-Amai

(Sumber: Kajian Lapangan 2023)

Berdasarkan rajah 4.23 di atas, rajah tersebut menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa terdapat nilai kesejahteraan di dalam lirik lagu Tepuk Amai-Amai. Buktinya ialah seramai 23 orang (32.9%) yang sangat setuju, 33 orang (47.1%) yang bersetuju dan 10 orang (14.3%) yang setuju di tahap yang sederhana. Manakala selebihnya ialah responden yang tidak setuju iaitu seorang (1.4%) dan tiga orang (4.3%) yang sangat tidak setuju akan pernyataan tersebut. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa terdapat nilai kesejahteraan di dalam lirik lagu Tepuk Amai-Amai.

4.5 Penutup

Secara kesimpulannya, menerusi bab empat ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa kajian yang telah dijalankan berkenaan dengan lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan kepada generasi Z telah mendapat sambutan yang menarik dan positif daripada para responden untuk melengkapkan objektif ketiga di dalam kajian ini. Hal ini dikatakan kerana, pengkaji telah menerima seramai 70 orang responden yang telah membantu mengkaji dalam menyempurnakan bab ini. Menerusi bab ini juga, pengkaji dapat merumuskan juga lagu rakyat kanak-kanak animasi mempunyai konsep nilai yang tertentu berdasarkan nilai teras Malaysia Madani dan juga melalui teori yang terpilih iaitu teori Model Rasa Insaniah. Di dalam bab ini juga, pengkaji telah menghuraikan dengan lebih mendalam dan jelas berkenaan perkaitan antara 10 buah lagu rakyat kanak-kanak animasi yang terpilih dengan enam nilai teras iaitu nilai kemampunan, nilai kesejahteraan, nilai daya cipta, nilai hormat, nilai keyakinan dan juga nilai ihsan berlandaskan prinsip yang ketiga yang terdapat dalam teori Model Rasa Insaniah iaitu prinsip kehalusan makna yang dikaitkan untuk mengkaji pemupukan rasa kekitaan kepada generasi Z iaitu pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan.

BAB 5

RUMUSAN

5.1 Pendahuluan

Pada bahagian ini iaitu bab 5 ini merupakan bab yang terakhir bagi kajian. Pada bab ini, pengkaji akan membuat kesimpulan secara menyeluruh tentang kajian yang dilalukan iaitu Pemupukan Rasa Kekitaan Melalui Lagu Rakyat Kanak-Kanak Animasi: Tinjauan Pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan Universiti Malaysia Kelantan Melalui Teori Model Rasa Insaniah. Pada bab ini juga, pengkaji akan memperhalusikan kesimpulan setiap aspek yang telah dikemukakan melalui konsep rasa kekitaan melalui lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi menerusi teori Model Rasa Insaniah di bawah prinsip kehalusan makna dan juga melalukan soal selidik kepada generasi Z tentang rasa kekitaan menggunakan lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi. pelajar Elektif Kesusasteraan Warisan 2020/2024. Secara lebih jelasnya, kajian yang berkenaan ini membolehkan 10 buah lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan ini memberikan kesan yang mendalam kepada generasi Z menerusi konsep rasa kekitaan oleh Konsep Malaysia Madani.

Justeru, pengkaji akan menerangkan dengan lebih mendalam dan terperinci tentang rumusan yang terdapat pada kajian ini. Selain itu juga, pada bab ini juga pengkaji akan memberikan

beberapa cadangan yang boleh dijadikan tauladan dan dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk melakukan inisiatif yang baru pada masa akan datang. Secara tidak langsung, cadangan yang dicadangkan akan menjadi bahan rujukan untuk membantu pengkaji-pengkaji yang melakukan kajian yang berkaitan pada masa akan datang.

5.2 Perbincangan

Menerusi kajian yang telah dikaji oleh pengkaji daripada bab 1 sehingga bab 4 ini menunjukkan bahawa pengkaji memfokuskan kajiannya kepada penggunaan lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan yang membolehkan generasi Z merasai rasa kekitaan menerusi teori yang dikemukakan oleh Shamsudin Othman iaitu teori Model Rasa Insaniah. Teori ini mempunyai tiga prinsip namun prinsip yang digunakan ialah prinsip kehalusan makna.

Pada bab pertama yang terdapat dalam penyelidikan ini iaitu bab pengenalan ialah, pengkaji menjelaskan berkaitan dengan pengenalan terhadap definisi dengan lebih terperinci dan mendalam tentang lagu rakyat kanak-kanak animasi dan pengenalan terhadap teori yang digunakan iaitu teori Model Rasa Insaniah. Selain itu, pengkaji juga menjelaskan tentang konsep kekitaan melalui enam unsur yang diteraskan pada konsep Malaysia Madani. Sehubungan dengan itu, pengkaji juga menjelaskan dengan secara mendalam tentang definisi animasi yang digunakan pada lagu rakyat kanak-kanak animasi tersebut yang menjadi tarikan kepada generasi kini. Maka, berdasarkan bab satu ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa lagu rakyat ini mempunyai pelbagai jensi dan terdapat keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri. Namun, lagu rakyat kanak-kanak ini sering dimainkan pada kanak-kanak semasa mereka bermain, mendodoikan bayi dan lain-lain. Pada bab satu ini juga telah menjelaskan bahawa pemupukan rasa kekitaan ini membawa maksud kepada

mempunyai rasa yang merupakan rasa sebagai pemilik apabila mengetahui dan juga mendengar sesuatu yang nostalgia. Selain itu juga, di dalam bab satu ini juga pengkaji mengemukakan tentang latar belakang kajian, pemasalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian dan skop kajian.

Seterusnya pula pada bab dua dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan tentang sorotan kajian untuk melengkapkan projek penyelidikan ini. Pengkaji telah menyatakan 29 sorotan kajian lepas daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai dan juga sahih. Sorotan kajian yang lepas ini kebanyakannya daripada tesis, artikel jurnal, buku, majalah yang diperolehi di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan tidak lupa juga carian di atas talian. Sorotan kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji pada bab dua ini merangkumi tajuk-tajuk yang besar berkenaan kajian iaitu berkenaan rasa kekitaan, lagu rakyat kanak-kanak animasi dan juga teori Model Rasa Insaniah. Menerusi bab ini juga, pengkaji dapat merumuskan bahawa kurangnya kajian lepas terhadap teori Model Rasa Insaniah yang membuktikan bahawa teori ini adalah sebuah teori yang baharu dan kurang digunakan oleh pengkritik dan juga pengkaji di Malaysia.

Justeru itu, pada bab tiga ini pula membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan bagi melengkapkan kajian ini. Pengkaji telah menyatakan metodologi yang diaplikasikan sepanjang kajian ini dijalankan sehingga mendapat keputusan yang memuaskan. Justeru itu, pengkaji mengaplikasikan proses pengumpulan data yang perlu digunakan untuk melengkapkan kajian ini iaitu kaedah kepustakaan, analisis dokumen yang merangkumi teks, artikel jurnal, buku dan juga kaedah soal selidik. Teori yang digunakan ialah teori Model Rasa Insaniah ini digunakan untuk melengkapkan kajian ini dengan mengaitkan teori tersebut dengan sepuluh (10) buah lagu rakyat kanak-kanak animasi.

Sehubungan dengan itu, bab yang keempat ini merupakan bab yang paling utama dan penting di dalam kajian supaya kajian ini dapat dilengkapkan dengan sempurna tanpa sebarang masalah. Menerusi bab empat ini, pengkaji dengan wijanya telah melengkapkan kajian dengan mencapai objektif yang terdapat di dalam kajian ini. Justeru itu, objektif yang pertama ialah pengkaji telah mengenalpasti kesemua sepuluh buah lagu rakyat kanak-kanak animasi dan mengulaskan sinopsis lagu-lagu tersebut secara mendalam. Antara sepuluh buah lagu tersebut terdiri daripada Chan Mali Chan, Bapaku Pulang dari Kota, Air Pasang Pagi, Rasa Sayang, Ikan Kekek Mak Iloi-Iloi, Nenek si Bongkok Tiga, Burung Kakak Tua, Bangau oh Bangau, Tanya Sama Pokok dan Tepuk Amai-amai. Objektif yang kedua pula, pengkaji telah mengaitkan lagu rakyat kanak-kanak animasi dengan konsep kekitaan menerusi enam teras Konsep Malaysia Madani iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Teori Model Rasa Insaniah ini telah mengemukakan tiga prinsip yang boleh dikaji berkaitan konsep rasa kekitaan akan tetapi, pengkaji hanya memilih satu prinsip sahaja iaitu prinsip kehalusan makna.

5.3 Cadangan

Pada bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dijadikan rujukan untuk kajian pada masa akan datang. Bersumberkan hasil daripada analisis kajian yang telah dijalankan, beberapa cadangan yang boleh dikemukakan kepada pelbagai pihak untuk memperbanyak lagi kajian yang berkaitan dengan lirik lagu rakyat kanak-kanak animasi supaya boleh menarik minat dan menjadikan rujukan kepada semua pihak.

5.3.1 Cadangan kepada Negara

Cadangan yang boleh dikemukakan kepada pihak-pihak yang tertentu terutamanya pihak produksi untuk menaikkan balik lagu rakyat kanak-kanak ini keluar negara dengan lebih lagi selain daripada negara Asia Tenggara seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan juga negara-negara Asia yang lain seperti Jepun, China, India dan juga Australia. Pihak produksi juga boleh berkolaborasi dengan produksi luar negara supaya lagu rakyat kanak-kanak ini boleh disebarluaskan dengan lebih luas dan akan diperkenalkan kepada persada dunia dan secara tidak langsung, ianya juga akan menaikkan ekonomi negara dan juga nama negara Malaysia kerana mempunyai pelbagai lagu rakyat kanak-kanak yang unik dan kaya dengan nasihat. Selain itu juga, kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan Negara (KPM) juga dicadangkan untuk menerapkan pembelajaran mengenai kesusasteraan dengan lebih banyak di sekolah maupun di universiti. Hal ini kerana, penerapan ini membolehkan masyarakat tidak asing dengan kesusasteraan dan mempunyai pengetahuan asas berkaitan dengan kesusasteraan.

5.3.2 Cadangan kepada Masyarakat

Cadangan yang boleh dikemukakan kepada masyarakat pula ialah masyarakat perlu menyemarakkan lagi pengetahuan lagu rakyat kanak-kanak ini supaya masyarakat lebih mengetahui secara mendalam tentang lagu rakyat kanak-kanak yang dianimasikan. Masyarakat juga perlulah lebih peka dengan keadaan semasa iaitu kanak-kanak pada masa kini kurang mendengar lagu rakyat kanak-kanak yang terdapat di negara ini. Justeru itu,

apabila masyarakat mempunyai kepekaan dengan keadaan sekeliling, lagu rakyat kanak-kanak boleh dikekalkan sehingga generasi akan datang. Selain itu, pengkaji juga ingin mencadangkan agar masyarakat lebih minat untuk mendalami bidang kesusasteraan supaya sastera di negara kita lebih banyak dipelajari kepada semua generasi. Sehubungan dengan itu, pengkaji amat berharap supaya masyarakat melihat keunikan yang terdapat di dalam warisan yang terdapat di dalam lirik lagu rakyat di Malaysia ini dan pengkaji juga berharap agar masyarakat lebih banyak mengetahui tentang teori-teori berkaitan sastera dengan lebih banyak lagi.

5.3.3 Cadangan kepada Individu

Cadangan yang boleh dikemukakan kepada individu ialah pengkaji mencadangkan memperbanyakkan kajian terhadap tajuk-tajuk yang mempunyai kaitan dengan lagu rakyat kanak-kanak yang dianimasikan, berkenaan rasa kekitaan dan juga kajian berkenaan teori Model Rasa Insaniah. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji mendapati bahawa kurangnya kajian-kajian yang lepas mengenai rasa kekitaan yang dikaitkan dengan lagu rakyat terutamanya lagu rakyat kanak-kanak. Lain daripada itu, teori Model Rasa Insaniah juga tidak banyak kajian berkenaan dengan teori ini dan ianya menyebabkan penyukaran kepada pengkaji untuk mengkaji secara mendalam berkenaan dengan teori Model Rasa Insaniah ini. Selain itu, cadangan bagi individu yang bakal melakukan kajian yang berkenaan dengan tajuk kaitan ini, pengkaji akan datang boleh melakukan lebih banyak kajian berkenaan lagu rakyat kanak-kanak yang telah dianimasikan. Hal ini kerana, apabila

melakukan kajian secara mendalam, secara tidak langsung akan membantu masyarakat untuk mengekalkan warisan lagu rakyat ini supaya tidak ditelan dek zaman.

5.4 Penutup

Secara kesimpulannya, kepengarangan lagu-lagu rakyat kanak-kanak di dalam penghasilan lirik lagunya sememangnya memberikan banyak pengajaran dan nasihat kepada masyarakat. Hal ini membuktikan bahawa lagu yang boleh digemari oleh kanak-kanak ini boleh membuka minda orang ramai dan memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada liriknya dan juga animasi yang dihasilkan. Bukan itu sahaja, lagu rakyat kanak-kanak boleh dijadikan sebagai salah satu medium hiburan yang boleh masyarakat mengisi masa lapangnya dengan menonton lagu rakyat kanak-kanak dan secara tidak langsung, ianya akan mengembalikan semua rasa nostalgia generasi Z ini terhadap zaman kanak-kanak mereka. Justeru itu, pengkaji juga berharap agar masyarakat pada masa kini mengetahui dengan lebih mendalam dengan enam unsur konsep Malaysia Madani yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri iaitu YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim supaya unsur-unsur yang terdapat di dalam konsep tersebut boleh diterapkan di dalam diri pada setiap individu.

Tuntasnya, melalui kajian yang dijalankan dan serta saranan dan cadangan yang telah dikemukakan, diharap agar kajian ini akan menjadikan impak permulaan dan inspirasi kepada pengkaji lain untuk melakukan kajian yang mendalam mengenai lirik lagu rakyat kanak-kanak melalui prinsip kehalusan makna di dalam teori Model Rasa Insaniah. Sehubungan dengan itu, pengkaji berharap agar cadangan yang telah dikemukakan ini akan memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya mengekalkan tradisi warisan supaya tidak musnah oleh kemajuan

teknologi yang pesat membangun ini. Akhir sekali, pengkaji berharap agar kajian yang dilakukan ini memberikan pengetahuan yang lebih mendalam dan kajian ini memberikan faedah yang baik kepada individu, masyarakat dan negara.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

- A. Fink (1998), Conducting Research Literature Reviews: From Paper to Internet. Thousand Oak: Sage, h. 3
- Abd Rahim, N., dan Nur, S. N. A. R., & Roslan, M. (2017). Konflik Emosi dalam Lirik Lagu ‘Nipah oh Nipah’. *Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, 89.
- Abdul Kadir Muhammad, Kajian Hukum Ekonomi Hak Kekayaan Intelektual, (Bandung: Citra Aditya Bakti, 2001).
- Abdul Wahid Baharon. (1992). Akhlak harian seorang Muslim. Kuala Lumpur: Sabha-dtp Services Sdn Bhd
- Abdur Rehman Shad. (1982). Muslim Etiquettes. Delhi: Taj Company.
- Abu Bakar, S. (2000). Teori Takmilah. In Seminar Teori Sastera Islam: Kaedah dan Penerapannya, Putrajaya: Hoetel Renaissance Palm Garden (pp. 26-28).
- Affan, Rostam. (2023). Belajar Daripada Filem Anak-Ku Sazali. Retrieved December 11, 2023, from <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2023/03/1082939/belajar-daripada-filem-anak-ku-sazali>.
- Ali, F. (2007). Masalah sosial pelajar dan hubungannya dengan kemerosotan pembelajaran. *Jurnal Usuluddin*, 25, 145-154.
- Alvin Qodri Lazuady, Rahmat Ardi Nur Rifa Da’I & Arsy Sekar Kemuning. (2022). Konsep Ihsan Kepada Lingkungan (Suatu Kajian Awal Dalam Upaya Mewujudkan Green Environment). *Jurnal Keislaman*, 5(2), 218-229.
- Amelia, W. (2018). *Kesejahteraan Sosial dalam Perspektif Al-Qur'an*. UIN Alauddin Makassar.
- Anwar Ibrahim. (2022). *Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Kuala Lumpur: Institut Darul Ehsan.
- Awang, H., & Ismail, H. (2016). Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antar-Budaya Melayu-Jawa dalam Sulalat al-Salatin. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 23.
- Ayob, N. S., Hussin, N. A. M., Ghazali, S. A. I., & Ibrahim, Z. (2023). Aplikasi Seloka Lagu Rakyat Kanak-Kanak Malaysia. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation*, 4(2), 132-142.

- Aziz, S. A. (1995). Rasa Fenomenologi sebagai satu teori pengalaman estetik: Satu kajian karya-karya A. Samad Said. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9), 1689-1699.
- Azli Ariffin. (2018) Reka bentuk model aktiviti penggunaan lagu kanak-kanak Melayu tradisional untuk peningkatan imaginasi kreatif Pra Sekolah / Azli Ariffin. PhD thesis, University of Malaya.
- Badawi, A. Zaki. 1986. Mu'jam Mushtalahat al-'Ulum al-Ijtima'iyyah. Beirut:Maktabah Lubnan.
- Bandura, A. (1986). Social foundations of thought and action. Englewood Cliffs, NJ, 1986(23-28).
- Bell, E., & Bryman, A. (2007). The ethics of management research: an exploratory content analysis. *British journal of management*, 18(1), 63-77.
- Berawi, F. M. (2017). Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis. UUM Press.
- Bodaghi, N. B. Sense of Belonging Among Visually Impaired Students in a University Library in Malaysia.
- Braun, V. & Clarke, V. Using thematic analysis in psychology. *Qual. Res. Psychol.* 3, 77– 101 (2006)
- Candra, E. (1994). Aplikasi Segmentasi Reporting Sebagai Sarana Untuk Menilai Profitabilitas Berbagai Lini Produk Pada PT. X Di Surabaya.
- Clarke, V. & Braun, V. Teaching thematic analysis: Overcoming challenges and developing strategies for effective learning. *Psychologist* 26, 120–123 (2013).
- Cohen, J. L., & Arato, A. (1994). Civil society and political theory. Cambridge: MIT
- Darmawati, Besse. (2008). Nilai Religius dalam Lagu-Lagu Bugis. Makassar, Balai Bahasa Ujung Pandang.
- Devi, Arostiyani. (2013). Pemanfaatan lagu anak-anak sebagai media pendidikan karakter di taman kanak-kanak aisyiyah desa linggapura kecamatan tonjong, brebes.
- Fadi Kotob. 2011. What is sustainability? Diakses pada 2 November 2022 dalam https://www.researchgate.net/publication/282184670_What_Is_Sustainability
- Farid, A. (2022, October 18). Si Kecil suka bernyanyi Lagu Kanak-Kanak, Bagus Untuk Perkembangan Bahasa mereka. Hello Doktor. <https://heliodoktor.com/keibubapaan/kanak-kanak/perkembangan/lagu-kanak-kanak/>

- Fraser, B. J., & Walberg, H. J. (1979). Book Reviews: Kerlinger, Fred N. Behavioral Research: A Conceptual Approach. New York: Holt, Rinehart, and Winston, 1979. Educational Researcher, 8(10), 22-24
- Hardjana, A. M. (2007). Komunikasi intrapersonal & Interpersonal, Cet. V Yogyakarta: Kanisius.
- Hornby, G., Kay, L., Satherley, M., & Kay, N. (1985). Spatial awareness training of blind children using the Trisensor. Electronic spatial sensing for the blind: Contributions from perception, rehabilitation, and computer vision, 257- 272.
- Hsieh, H.F., & Shannon, S.E. (2005, October). Three approaches to qualitative content analysis. Retrieved: April 18, 2013, from: <http://qhr.sagepub.com/content/15/9/1277>
- Juanur, E. (2022). Muzik terapi, Rangsang Kreativiti Kanak-Kanak | Berita Harian. Muzik terapi, rangsang kreativiti kanak-kanak. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2022/07/973613/muzik-terapi-rangsang-kreativiti-kanak-kanak>
- Keong, C. C., Ghani, M. F. A., & Abdullah, Z. (2018). Cabaran amalan komuniti pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah berprestasi tinggi Malaysia. JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 6(3), 1-14.
- Kids Channel, A. M. (2015a, March 29). Alif & Mimi - Nenek nenek si Bongkok Tiga (Animasi 2d) Lagu Kanak Kanak. YouTube. https://youtu.be/Dxe_03Lty2s
- Kids Channel, A. M. (2015a, March 29). Alif & Mimi - Chan Mali Chan (Animasi 2d) Lagu Kanak Kanak. YouTube. <https://youtu.be/3EOCOlOHevA>
- Kids Channel, A. M. (2015b, April 1). Alif & Mimi - Rasa sayang (Animasi 2d) Lagu Kanak Kanak. YouTube. <https://youtu.be/yA-a2iItgZo>
- Kids Channel, A. M. (2015b, October 10). Alif & Mimi - Tepuk Amai Amai (Animasi 2d) Lagu Kanak Kanak. YouTube. <https://youtu.be/Jt-avyNXwCI>
- Kids Channel, A. M. (2022, July 29). Alif & Mimi - Air Pasang Pagi [animasi 2d]. YouTube. <https://youtu.be/JPscI0hGv8>
- Koleth, R. J. (2011). Communicating identity among Malaysian students.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement.

Lagu Kanak TV. (2016, November 17). Burung Kakak Tua: Lagu Kanak-Kanak melayu Malaysia. YouTube. <https://youtu.be/5iNjXJ2qq78>

Lagu Kanak TV. (2017, March 25). Lagu Kanak Kanak melayu Malaysia - bapaku Pulang Dari kota. YouTube. https://youtu.be/_vm3I3fUqow

Lagu Kanak TV. (2019, May 22). Lagu Kanak melayu Malaysia - ikan kekek mak iloi iloi. YouTube. <https://youtu.be/4ZFuN5dEAEG>

M. H. Abdullah, "Introducing the Traditional Malay Children's Songs to the Early Childhood Education at the Malaysian National Child PERMATA Centre," International Conference for Academic Disciplines, Vienna,Austria, April 2014.

Matthew Cohen. (2017). A Systematic Review of Urban Sustainability Assessment Literature. Journal of Sustainability, 9(11):1-16.

Mazlan Che Soh. (2019). Masyarakat Madani dan Pembaharuan Sektor Kesihatan di Malaysia (Doctoral dissertation, University of Malaya (Malaysia)).

Mohama, S. J. A. N. S., D Hashim, B. A., & Othman, J. B. Kajian Tentang Rasa Kekitaan Dikalangan Pelajar E-Pjj Dan Hubungkaitnya Dengan Pencapaian Akademik.

Mohammad, W. M. R. W., & Subramaniam, V. (2014). Daya kreativiti kanak-kanak: Satu kajian kes. Procedia-Social and Behavioral Sciences, 134, 436-445.

Mohd Hassan, N. I. (2014). The use of grammar board games in teaching subject verb agreement among form 2 ESL learners in a religious school / Nor Izni Mohd Hassan.

Moten, A. R. (1998). Guide to writing a research proposal Abdul Rashid Moten I. Introduction. <https://www.iium.edu.my/media/70959/Writing%20a%20Research%20Proposal%20%282%29.pdf>

Nor, S. M. M. (2015). Reka bentuk dan ragam hias tembikar mambong: satu perbandingan lama dan baharu [Master' thesis, Universiti Malaysia Kelantan].

Nur Abu, S. (2022). Konsep Ihsan. PPT. <https://www.slideshare.net/SharifahNurAbu/konsepihsan>

Nuzulia, S. (2010). Dinamika Stress Kerja, Self Efficacy dan Strategi Coping. Penerbit UNDIP

Osman, Z. (2016). Perkembangan Emosi Kanak-Kanak Menggunakan Lagu Didi & Friends: Emotional Development Of Children Using Didi & Friend's Song. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan, 5, 49-60.

- Othman, S. (2007). Seminar sasterawan Negara Shahnon Ahmad, 13-14 November 2007. Seminar Sasterawan Negara Shahnon Ahmad, 13-14 November 2007. <https://shamsudinothman.blogspot.com/2007/11/seminar-sasterawan-negara-shahnon-ahmad.html>
- Othman, S. (2012). Model Rasa Insaniah dalam Puisi Islam Tiga Penyair Nusantara, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.press.
- Production, L. C. (2018, November 25). Upin & Ipin - Tanya Sama Pokok (sing - along). YouTube. <https://youtu.be/esx-3DTAU-Q>
- Production, L. C. (2020, January 29). Pada Zaman Dahulu - Bangau oh bangau (music video). YouTube. https://youtu.be/y3yiWDS_suk
- Purwana, A. E. (2014). Kesejahteraan dalam Perspektif Ekonomi Islam. *Justicia Islamica*, 11(1), 21-42.
- Pustaka, D. B. dan. (2013). Carian Umum - Pusat Rujukan persuratan Melayu. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1>
- Rashid, N., Asri, N. M., Mazlan, M., Chamhuri, N., Al-Hadi, A. A., & Shahiri, H. I. (2021). Penyertaan Wanita Dalam Bidang Stem: Pengaruh Persekutaran Kerja. *E-Bangi*, 18(9), 158-175.
- Robin, P. A., Hamzah, M., & Pandang, M. (2020). Penguasaan kosa kata Bahasa Melayu kanak-kanak Iban melalui lagu Didi & Friends: Mastery of Malay language vocabulary by Iban children through Didi & Friends songs. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9, 41-51.
- Sabin, H., & Pang, V. (2019). Modul Membaca Awal Prasekolah Menggunakan Nyanyian Berasaskan Teori Psikolinguistik Kognitif dan Aplikasi Kaedah Belajar melalui Bermain. *Malaysian Journal of Education* (0126-6020), 44(1).
- Sabitha Marican. (2006). Penyelidikan sains sosial pendekatan pragmatic. Batu Caves: Penyerbit Edusystem Sdn Bhd.
- Sahharon, H. (2016). Relationship between Facebook function usage and social cohesion, and the moderating effect of social group, among rural youth virtual communities in Malaysia.
- Salleh, S. R. (2021). Pembangunan modul My KAPS berdasarkan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah.
- Shafie, I. (2000). Pengantar Statistik (UUM Press). UUM Press.

Sirajuddin, Z. S. (2013). Kesesuaian penggunaan modul panduan pengajaran dunia muzik oleh guru bukan opsyen dalam proses pengajaran rekoder Tahun 3 (IR).

Siren, N. R. (2020). Ummi Hani Abu Hassan ummihani. abuhassan@ um. edu. my (Corresponding Author) Jabatan Kesusastraan Melayu Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.

Small-Sample Techniques (1960). The NEA Research Bulletin, Vol. 38. Sow, L. L. (2015). Social sustainability of urban high-rise community.

Sualman, D. I. (2019, August 18). UiTM Popularkan Lagu Rakyat. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/43462/uitm-popularkan-lagu-rakyat>

Sulong, M. A. (2019). Estetika lagu-lagu Melayu popular berdasarkan aspek seni kata dan melodi lagu.

Tohar, S. N. A. M., Zakaria, R. M. A., & Razali, W. M. F. A. W. (2020). Aplikasi ‘Asabiyyah Ibn Khaldun dan Mekanisme Pengukuhan Semangat Kekitaan dalam Mendidik Generasi Muda Multi Etnik Malaysia [An Application of Ibn Khaldun’s ‘Asabiyyah and The Mechanism to Strengthen Esprit de Corps in Educating The Younger Generation of Multi-Ethnic Malaysia]. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080), 3(4), 71-82.

Torrance, E.P. (1974). Torrance Tests of creative thinking, Figural Form A. Bensenville, IL:scholastic Testing Service

Travers, P. and Richardson, S. 1997. Material Well-Being and Human Well-Being. Dalam F. Ackerman, D. Kiron, N. R. Goodwin, J. M. Harris and K. Gallagher (eds.). Human Well-Being and Economic Goals. Washington DC: Island Press.

Veenhoven, Ruut. 2004. Subjective Measures of Well-being. Discussion Paper No. 2004/07. Helsinki, Finland.

Wan Armizal. (2009). Perasaan Kekitaan. Perjalanan Nan Indah... <https://waamirzal.blogspot.com/2009/11/perasaan-kekitaan.html>

Wattimena AA.2009. Metode Penelitian Naratif.<http://rpgpodcasts.com>.

Yaacob, M. F. B. C., Adnan, T. S. N. S. T., & Mazlan, N. S. (2021). Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan dalam Cerita Rakyat dalam Kalangan Kanak- Kanak dan Remaja Melalui Media Animasi. Jurnal Melayu

Yusof, Shahirah (2019) Cinta Dalam Apabila Langit Langit Karya Suhaimi Haji Muhammad: Satu Perspektif Rasa Insaniah. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Yusoff, W. A. K. W. (2007). Antara tradisi dan perubahan pernyataan budaya di persisiran Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 18(1), 172-185.

